

# MENCIPTA NILAI



## **MENCIPTA NILAI**

Pasaran semasa yang begitu kompetitif pada masa ini menuntut dasar-dasar yang berinovatif bagi memastikan penciptaan nilai berupaya diperolehi menerusi pelaburan di dalam sektor-sektor strategik. Untuk tujuan itu, Ekuinas telah ditubuhkan bagi mengenalpasti syarikat-syarikat pertumbuhan bersaiz sederhana dengan matlamat untuk membantu mentransformasikan mereka menjadi peneraju pasaran di masa hadapan. Gambar muka hadapan pada tahun ini menampilkan Buai Newton. Ayunan sfera tersebut mewakili Ekuinas sebagai mekanisme yang merangsang pertumbuhan menerusi penyediaan suntikan modal dan nasihat strategik kepada syarikat-syarikat yang berpotensi tinggi agar dapat mencapai potensi mereka sepenuhnya.



## KANDUNGAN

**2.** Nilai-Nilai Syarikat dan Portfolio Pelaburan    **3.** Maklumat Korporat    **4.** Struktur Korporat  
**5.** Struktur Organisasi    **6.** Lembaga Pengarah    **10.** Pengurusan Kanan    **12.** Pengurusan Lain  
& Kumpulan Pelaburan    **13.** Profil Korporat    **26.** Maklumat Penting Kewangan    **28.** Perutusan  
Pengerusi    **34.** Tinjauan Industri Ekuiti Persendirian di Malaysia    **42.** Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif  
**53.** Ulasan Prestasi Pelaburan    **82.** Tanggungjawab Sosial Korporat    **88.** Penyata Tadbir Urus Korporat  
**99.** Penyata Pengurusan Risiko    **103.** Penyata Kawalan Dalaman    **105.** Laporan Jawatankuasa Audit  
**111.** Dasar Pendedahan    **113.** Kemuka Cadangan Perniagaan

## NILAI-NILAI SYARIKAT

### DIDORONG SECARA KOMERSIAL

Kami mengamalkan disiplin komersial yang tinggi untuk mewujudkan nilai

### PRESTASI TINGGI

Kami sentiasa berusaha untuk mencapai lebih daripada sasaran

### BERDASARKAN MERIT

Kami mengiktiraf dan memberi ganjaran hanya berdasarkan prestasi

### BERSEMANGAT

Kami bersemangat dalam menjalankan tugas kami untuk mencapai lebih daripada yang diharapkan

### FOKUS

Kami sentiasa fokus dalam usaha untuk mencapai objektif kami

### RENDAH DIRI

Kami berpegang teguh kepada asal usul kami

## PORTFOLIO PELABURAN



### PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

**NAVIS**

Navis Capital Partners

**CIMB GROUP**

CIMB Private Equity

**Kuwait Finance House**  
بيت التمويل الكويتي

KFH Asset Management

# MAKLUMAT KORPORAT

## **LEMBAGA PENGARAH**

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda (*Pengerusi*)  
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar  
Datuk Dr. Rahamat Bivi Yusoff  
Datuk Mohamed Azman Yahya  
Datuk Noriyah Ahmad  
Dato' Abdul Rahman Ahmad (*Ketua Pegawai Eksekutif*)  
Dato' Mat Noor Nawri (*Pengarah Gantian kepada Datuk Noriyah Ahmad, telah meletak jawatan pada 19 Oktober 2011*)

## **JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH**

### **Jawatankuasa Audit**

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda  
(*Pengerusi*)  
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar  
Datuk Noriyah Ahmad

### **Jawatankuasa Pelantikan & Ganjaran**

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar (*Pengerusi*)  
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda  
Datuk Mohamed Azman Yahya

### **Jawatankuasa Pelaburan**

Datuk Mohamed Azman Yahya (*Pengerusi*)  
Dato' Abdul Rahman Ahmad  
Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir  
Nik Johaan Nik Hashim  
Amil Izham Hamzah  
Mazhairul Jamaludin

### **Setiausaha Syarikat**

Shamsiah A Rahman  
(MAICSA 7008380)  
Norsham Abdul Ghani  
(LS 01203)

### **Juruaudit**

PricewaterhouseCoopers  
Akauntan Bertauliah

### **Bank Utama**

Malayan Banking Berhad  
CIMB Bank Berhad  
AmBank (M) Berhad

### **Alamat Berdaftar**

Prokhas Sdn Bhd  
Tingkat 12, Bangunan Setia 1  
15 Lorong Dungun  
Bukit Damansara  
50490 Kuala Lumpur

### **Alamat Pejabat**

Ekuiti Nasional Berhad (868265 U)  
Aras 13, Surian Tower  
No. 1 Jalan PJU 7/3  
Mutiara Damansara  
47810 Petaling Jaya  
Selangor

## **JAWATANKUASA PENGURUSAN**

Abdul Rahman Ahmad  
*Ketua Pegawai Eksekutif*

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir  
*Pengarah Urusan Pelaburan*

Mazhairul Jamaludin  
*Ketua Pegawai Kewangan/Pengarah Kanan,  
Penyumberan Luar/Pelaburan*

Nik Johaan Nik Hashim  
*Pengarah Kanan,  
Pelaburan/Pengurusan Pihak Berkepentingan*

Amil Izham Hamzah  
*Pengarah Kanan, Pelaburan*

Suridah Jalaluddin  
*Pengarah Kanan,  
Pelaburan/Perkhidmatan Bersama*


### **PENGURUSAN LAIN**

Roselinda Hashim  
*Ketua Pegawai Perundangan/Pengarah, Pelaburan*


Mohamad Azlan Jaafar  
*Pengarah,  
Tadbir Urus Korporat & Pengurusan Risiko*

Zaleha Abdul Hamid  
*Pengawal Kewangan*

# STRUKTUR KORPORAT



# STRUKTUR ORGANISASI



## LEMBAGA PENGARAH



**Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad bin Raja Tun Uda**  
*Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif*

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad bin Raja Tun Uda adalah Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit dan ahli Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran.

Raja Arshad yang merupakan seorang Fellow di Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) juga adalah ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) di mana beliau merupakan anggota Majlis MICPA selama 24 tahun dan pernah menyandang jawatan Presiden selama tiga tahun di dalam tempoh tersebut.

Pada masa ini, Raja Arshad turut memegang jawatan sebagai Pengerusi Maxis Berhad dan Pengarah Khazanah Nasional Berhad dan juga ACR Capital Holdings Pte. Ltd. Beliau juga merupakan Pengerusi Yayasan Raja Muda Selangor dan Pengerusi Yayasan Amir, serta ahli Lembaga Pemegang Amanah bagi Yayasan DayaDiri dan Canselor di Universiti Industri Selangor.

Raja Arshad adalah bekas Pengerusi Eksekutif dan Rakan Kongsi Kanan di PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia. Beliau juga pernah memegang jawatan Pengerusi, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dan Pengerusi Danamodal Nasional Berhad. Jawatan-jawatan beliau di peringkat antarabangsa termasuk menganggotai Lembaga PwC Global IFRS dan Majlis Standards Advisory Council di International Accounting Standards Board.





**Dato' Abdul Rahman bin Ahmad**  
*Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif*

Dato' Abdul Rahman bin Ahmad ialah salah seorang Pengarah yang juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau mengetuai Jawatankuasa Pengurusan dan merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan.


Sebelum menyertai Ekuinas, Dato' Abdul Rahman merupakan Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif di Media Prima Berhad (MPB), kumpulan pelaburan media berintegritas yang ulung di Malaysia. Beliau juga memegang jawatan Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif di Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), sebuah syarikat konglomerat yang terlibat di dalam perniagaan hartanah, pembinaan dan infrastruktur.

Dato' Abdul Rahman memulakan kariernya sebagai Penolong Pengurus di Arthur Andersen, London, dan kemudian berkhidmat sebagai Pegawai Khas kepada Pengerusi Eksekutif di Trenergy (M) Berhad/Turnaround Managers Inc Sdn Bhd. Beliau kemudiannya menyertai Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, sebuah syarikat pengurusan aset negara sebagai Ketua Unit dan seterusnya menjadi Pengarah Eksekutif di SSR Associates Sdn Bhd.

Dato' Abdul Rahman kini juga merupakan Pengarah Bebas di MRCB, Felda Global Ventures Holdings Berhad dan M+S Pte Ltd, sebuah syarikat usahasama antara Khazanah Nasional Berhad dan Temasek Holdings.

Dato' Abdul Rahman memiliki ijazah sarjana MA di dalam bidang Ekonomi dari Cambridge University, United Kingdom dan merupakan ahli Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW).

## LEMBAGA PENGARAH



### **Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar** *Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar ialah salah seorang daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran dan ahli Jawatankuasa Audit.

Pada masa ini, beliau merupakan Pengerusi Bukan Eksekutif di New Straits Times Press Berhad dan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Media Prima Berhad. Beliau juga menganggotai Lembaga Pengarah Affin Bank Berhad.

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar adalah Pengerusi, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia. Beliau telah berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia dan memegang pelbagai jawatan sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah ISIS Malaysia pada tahun 1990 dan kemudiannya sebagai Ketua Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengerusi.

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar merupakan ahli Kumpulan Kerja Majlis Ekonomi dan ahli Panel Penasihat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Beliau juga adalah Pengerusi, Jawatankuasa Nasional Malaysia bagi Majlis Kerjasama Keselamatan di Asia Pasifik dan seorang *Expert and Eminent Person* bagi Forum Serantau ASEAN (ARF).



### **Datuk Dr Rahamat Bivi binti Yusoff** *Pengarah Bukan Eksekutif*

Datuk Dr Rahamat telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) pada 19 Oktober 2011, sewaktu beliau mula menyandang jawatan Ketua Pengarah di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Malaysia (UPE, JPM).

Datuk Dr Rahamat telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Malaysia selama lebih 30 tahun, di mana jawatan pertama beliau adalah sebagai Penolong Setiausaha (Bahagian Cukai) di Kementerian Kewangan (MOF) dan seterusnya beliau telah memegang pelbagai jawatan di MOF, antaranya Pengarah Bahagian Belanjawan, Timbalan Pengarah Seksyen Ekonomi Makro di UPE, JPM, Pegawai Projek di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Pengarah di Suruhanjaya Tenaga. Sebelum dilantik menjadi Ketua Pengarah UPE, JPM, Datuk Dr Rahamat merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, MOF menerajui Jabatan Sistem dan Kawalan.

Pada masa ini, Datuk Dr Rahamat juga merupakan Pengerusi Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Pengarah bagi Pihak Berkuasa Bersama Malaysia Thailand (MTJA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Johor Corporation dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Beliau juga ialah ahli Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH), Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) dan Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MTPN).

Datuk Dr Rahamat memiliki ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Ekonomi) (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia, ijazah Sarjana di bidang Ekonomi dari University of Western Michigan, Amerika Syarikat dan beliau telah menerima ijazah Kedoktoran dari Australian National University.



**Datuk Mohamed Azman bin Yahya**  
**Pengarah Bebas Bukan Eksekutif**

Datuk Mohamed Azman bin Yahya ialah salah seorang daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga adalah Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan ahli Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran.

Beliau merupakan pengasas dan Ketua Eksekutif Kumpulan Symphony House Berhad, sebuah kumpulan perkhidmatan penyumberan luar tersenarai dan Pengerusi Eksekutif, Bolton Berhad, sebuah kumpulan hartanah tersenarai. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah beberapa buah Syarikat Berkaitan Kerajaan, termasuk Khazanah Nasional Berhad, Malaysia Airline Systems Berhad dan PLUS Expressways Berhad. Datuk Azman juga adalah ahli Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) dan Yayasan Laporan Kewangan Malaysia (FRF).

Sebelum menceburi bidang perniagaan, Datuk Azman pernah dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menubuhkan dan mengetuai Danaharta Nasional Berhad, syarikat pengurusan aset negara dan dilantik sebagai Pengerusi syarikat sehingga tahun 2003. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat (CDRC) yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk membantu menyelesaikan dan menstrukturkan semula hutang bagi syarikat-syarikat berdaya maju.

Kerjaya beliau sebelum ini merangkumi pengalaman kerja di bidang audit dengan KPMG di London, bidang kewangan dengan Kumpulan Island & Peninsular dan bidang pelaburan perbankan dengan Bumiputra Merchant Bankers dan Amanah Merchant Bank.

Beliau memiliki Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) kelas satu di bidang Ekonomi dari London School of Economics and Political Science, dan merupakan ahli Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) selain menjadi Fellow di Institut Bank-Bank Malaysia.



**Datuk Noriyah binti Ahmad**  
**Pengarah Bukan Eksekutif**

Datuk Noriyah binti Ahmad ialah salah seorang daripada Pengarah Bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) dan juga ahli Jawatankuasa Audit.

Datuk Noriyah merupakan mantan Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri Malaysia (UPE, JPM), iaitu jawatan terakhir yang disandang setelah lebih 30 tahun berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Malaysia

Beliau memulakan karier sebagai Penolong Pengarah, Seksyen Perkhidmatan Sosial, UPE, JPM, dan kemudian memegang pelbagai jawatan sehingga dilantik menjadi Ketua Penyelaras, Projek Y2K Negara, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Setiausaha Bahagian Tenaga di Kementerian yang sama, Pengarah Kanan, Seksyen Pengagihan di UPE, JPM, Timbalan Ketua Pengarah I dan seterusnya Ketua Pengarah UPE, JPM sebelum bersara dari perkhidmatan awam pada bulan Oktober 2011.

Datuk Noriyah memiliki ijazah Sarjana Muda Kepujian di bidang Ekonomi Gunaan dari Universiti Malaya dan ijazah Sarjana di dalam bidang Ekonomi Pembangunan dari University of Kent, United Kingdom.

## PENGURUSAN KANAN



**Abdul Rahman Ahmad**  
*Ketua Pegawai Eksekutif*

Syed Yasir Arafat ialah Pengarah Urusan Pelaburan dan mewakili Ekuinas sebagai ahli Lembaga Pengarah syarikat portfolio Ekuinas iaitu Tanjung Offshore Berhad dan Konsortium Logistik Berhad. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah CIMB National Equity Fund Ltd, salah satu daripada dana Penyumberan Luar Ekuinas yang diuruskan oleh CIMB Private Equity.

Sebelum menyertai Ekuinas, beliau merupakan Pengurus Negara (Perbankan Borong ING) di ING Corporate Advisory (Malaysia) Sdn Bhd di mana beliau mengendalikan operasi penggabungan dan pemerolehan (M&A), penubuhan dana ekuiti dan dana berkaitan ekuiti, penubuhan dana pinjaman dan menjadi penasihat kewangan kepada syarikat-syarikat peneraju Malaysia yang terlibat dalam pelbagai bidang seperti perbankan, perladangan, automotif, telekomunikasi dan hartanah.

Sebelum itu, Yasir pernah berkhidmat di United Overseas Bank (Malaysia) Berhad, Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, Commerce International Merchant Bankers Berhad dan Aseambankers Malaysia Berhad.

Yasir memiliki ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Perakaunan dan Pengurusan Kewangan dari University of Essex, United Kingdom.



**Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir**  
*Pengarah Urusan Pelaburan*



**Mazhairul Jamaludin**  
*Ketua Pegawai Kewangan  
dan Pengarah Kanan,  
Penyumberan Luar/Pelaburan*

Mazhairul Jamaludin ialah Ketua Pegawai Kewangan dan Pengarah Kanan, Penyumberan Luar/Pelaburan. Beliau mewakili Ekuinas sebagai ahli Lembaga Pengarah syarikat APIIT Sdn Bhd dan Asia Pacific UCTI Sdn Bhd. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Penasihat dan Jawatankuasa Pelaburan bagi dua pengurus dana Penyumberan Luar Ekuinas, CIMB National Equity Fund Ltd dan MK-One Fund (Labuan) Limited.

Mazhairul telah berkhidmat selama empat tahun di Astro, sebuah kumpulan media terkemuka di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan televisyen bersatelit DTH (*Direct-To-Home*), radio komersial dan program televisyen di mana sebagai Pengawal Kewangan dan Timbalan Presiden Kanan, Perkhidmatan Komersial, MultiChannel TV, beliau bertanggungjawab menguruskan pembangunan strategi, kewangan serta operasi perniagaan DTH. Beliau sebelum itu merupakan Timbalan Presiden Pelaporan Perakaunan dan Pengurusan Kewangan di Celcom, salah sebuah syarikat telekomunikasi mudah alih terulung negara. Mazhairul telah memulakan karier beliau di Arthur Andersen, sebelum berpindah ke Ernst & Young, di mana beliau terlibat di dalam audit berkanun syarikat-syarikat korporat terkemuka.

Mazhairul memiliki ijazah Sarjana Muda Kepujian di dalam bidang Perakaunan & Kewangan dari University of Lancaster, United Kingdom dan ialah ahli Fellow bagi Persatuan Akauntan Bertauliah Berpiagam (ACCA) dan juga ahli Institut Akauntan Malaysia.



**Nik Johaan Nik Hashim**  
*Pengarah Kanan,  
Pelaburan/Pengurusan Pihak  
Berkepentingan*

Nik Johaan Nik Hashim ialah Pengarah Kanan, Pelaburan/Pengurusan Pihak Berkepentingan dan merupakan ahli Lembaga Pengarah bagi syarikat portfolio Ekuinas iaitu Konsortium Logistik Berhad, Lyndarahim Ventures Sdn Bhd dan Awana Setia Sdn Bhd. Beliau juga adalah ahli Jawatankuasa Eksekutif bagi Cosmo Restaurants Sdn Bhd.

Sebelum menyertai Ekuinas, Nik Johaan bertugas di CIMB Investment Bank dan mempunyai pengalaman perbankan lebih 18 tahun terutamanya di dalam bidang perbankan pelaburan di mana beliau mengetuai dan mengendalikan urusan pasaran modal pinjaman, pensindiketan pinjaman, IPO, penasihat projek dan pelaksanaan penstrukturan hutang. Semasa perkhidmatannya di bank tersebut, beliau juga telah bertugas selama tiga tahun di CIMB Bank sebagai Pengarah Kawasan bagi bahagian jualan pengguna dan perbankan perniagaan. Jawatan terakhir yang disandang oleh beliau di CIMB ialah Pengarah dan Ketua, Perhubungan Perbadanan Multinasional dan Kerajaan.

Nik Johaan menamatkan pengajiannya di University of Leicester, United Kingdom dengan ijazah Sarjana Muda Sastera di dalam bidang Ekonomi dan memperoleh ijazah Sarjana di dalam Perbankan Antarabangsa & Perkhidmatan Kewangan di University of Reading, United Kingdom.

Amil Izham Hamzah ialah Pengarah Kanan, Pelaburan. Beliau mewakili Ekuinas sebagai ahli Lembaga Pengarah syarikat portfolio iaitu APIIT UCTI, Cosmo Restaurants Sdn Bhd dan Lyndarahim Ventures Sdn Bhd. Amil juga merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan CIMB National Equity Fund Ltd, salah sebuah dana penyumberan luar Ekuinas yang diuruskan oleh CIMB Private Equity.

Sebelum ini, Amil menyandang jawatan Ketua Pegawai Kewangan di Kumpulan Media Prima Berhad (MPB) di mana beliau bertanggungjawab menguruskan pelaporan kewangan, perbendaharaan, penstrukturan hutang, M&A dan perhubungan pelabur. Selama lapan tahun perkhidmatannya bersama kumpulan tersebut, Amil juga merupakan sebahagian daripada kumpulan Pengurusan Kanan MPB dan pengarah di beberapa anak syarikat MPB termasuk Big Tree, UPD dan Primeworks Studios.

Sebelum itu, beliau pernah bertugas di PricewaterhouseCoopers, Kuala Lumpur dan berkhidmat dengan dua anak syarikat Petronas dan juga dengan Deloitte Touche Tohmatsu di Perth, Australia.

Amil ialah ahli Institut Akauntan Berpiagam Australia (ICAA) dan memiliki ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan) dari University of New South Wales, Sydney, Australia dan ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan di bidang Pemasaran Antarabangsa dari Berne University of Applied Sciences, Switzerland.



**Amil Izham Hamzah**  
*Pengarah Kanan, Pelaburan*



**Suridah Jalaluddin**  
*Pengarah Kanan,  
Pelaburan/Perkhidmatan Bersama*

Suridah Jalaluddin ialah Pengarah Kanan, Pelaburan/Perkhidmatan Bersama dan merupakan pengarah gantian di dalam Lembaga Pengarah syarikat portfolio Ekuinas iaitu Alliance Cosmetics Group.

Suridah merupakan mantan Ketua Pegawai Eksekutif di ntv7, sebuah stesen televisyen popular milik Media Prima Berhad (MPB), berikutan penjualan syarikat mediana sendiri iaitu Big Tree Outdoor Sdn Bhd (Big Tree) kepada MPB. Beliau menubuhkan Big Tree pada tahun 1994 untuk memberi tumpuan kepada pengiklanan papan tanda di lebuh raya, pusat transit dan gedung membeli-belah. Kegigihan Suridah telah membolehkan beliau mengembangkan syarikat menjadi salah sebuah syarikat pengiklanan luar terbesar di Malaysia.

Beliau memiliki pengalaman yang luas di dalam bidang media, pengiklanan dan komunikasi, di Malaysia dan juga United Kingdom.

## PENGURUSAN LAIN



**Roselinda Hashim**  
*Ketua Pegawai Perundangan/  
Pegarah, Pelaburan*



**Mohamad Azlan Jaafar**  
*Pegarah, Tadbir Urus Korporat dan  
Pengurusan Risiko*



**Zaleha Abdul Hamid**  
*Pengawal Kewangan*

## KUMPULAN PELABURAN

### Pegarah Bersekutu, Pelaburan Langsung

- Mohd Zarihi Mohd Hashim
- Rizal Mohd Zin
- Mohd Irwan Ahmad Mustafa @ Mustafa

### Pegarah Bersekutu, Pelaburan Penyumberan Luar

- Norhafizah Md Shariff

### Warga Profesional Pelaburan Lain

- Ziad Hafiz Abd Razak
- Wong Pai Sent
- Izz Al-Din Maslan
- Mohamed Omar Fateh Mohamed
- Tengku Mohamed Hafiz Safiyuddeen
- Haslina Ali
- Nadia Madyna Abdul Hamidy
- Azril Rashid Abdul Rashid
- Wafiy Abd Aziz
- Teo Wei Min

### Projek Khas (Pendidikan)

- Wan Ahmad Saifuddin Wan Ahmad Radzi

### Projek Khas (Makanan & Minuman – F&B)

- Ahmad Fariz Hassan
- Khairil Amir Mohd Dewan
- Lim Siu Min

# PROFIL KORPORAT

## LATARBELAKANG

Ekuiti Nasional Berhad, atau Ekuinas, adalah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada 1 September 2009 dengan matlamat untuk menubuhkan syarikat-syarikat peneraju generasi baru di Malaysia serta menggalakkan pegangan ekuiti dan penglibatan Bumiputera di dalam sektor ekonomi berdaya saing tinggi.

Untuk tujuan penubuhan Ekuinas, Kerajaan Malaysia telah menyediakan dana permulaan sebanyak RM500 juta di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan sebanyak RM4.5 bilion lagi di bawah Rancangan Malaysia ke-10, dengan jangkaan peningkatan dana sehingga RM10 bilion di masa akan datang. Dana yang berbentuk geran disimpan di dalam tabung amanah Yayasan Ekuiti Nasional (YEN) yang diwujudkan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera di dalam ekonomi Malaysia secara saksama.


Dana yang diperuntukkan di bawah YEN disalurkan kepada Ekuinas Capital Sdn Bhd, atau Ekuinas Capital, yang berperanan sebagai syarikat permodalan yang dilantik. Ekuinas pula berfungsi sebagai firma ekuiti persendirian yang bertanggungjawab mengurus dana yang diperuntukkan dan entiti di mana pihak pengurusan ditempatkan (Lihat Rajah 1).

Kedua-dua syarikat Ekuinas dan Ekuinas Capital adalah anak syarikat milik penuh YEN dan dengan itu, Ekuinas sentiasa berusaha untuk mencapai misi menggalakkan penglibatan ekonomi Bumiputera secara saksama, berkesan dan berkekalan dengan memenuhi objektif-objektif kewangan dan sosial.

Ekuinas menjalankan dua operasi pelaburan serentak iaitu:

- Pelaburan Langsung – di mana Ekuinas memperoleh saham secara langsung di dalam syarikat-syarikat berpotensi tinggi; dan
- Program Penyumberan Luar – di mana Ekuinas melantik pengurus dana ekuiti pihak ketiga untuk mengurus dana yang diperuntukkan dan membuat pelaburan bagi pihak Syarikat.

**Rajah 1: Struktur Ekuinas**





## PROFIL KORPORAT

### YAYASAN EKUITI NASIONAL: LEMBAGA PEMEGANG AMANAH



1. **YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak**  
Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan
2. **YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin**  
Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran
3. **YB Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
4. **YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed**  
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri
5. **YB Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah**  
Menteri Kewangan (II)
6. **YBhg Tan Sri Dr Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah**  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan/  
Kementerian Kewangan
7. **YBhg Datuk Dr Rahamat Bivi binti Yusoff**  
Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi,  
Jabatan Perdana Menteri

### OBJEKTIF

Ekuinas adalah sebuah syarikat yang didorong secara komersial dengan objektif utamanya untuk meningkatkan pulangan kewangan pada aktiviti pelaburannya. Ekuinas percaya bahawa agenda sosial hanya boleh dicapai melalui disiplin kewangan yang tinggi.

Syarikat telah menetapkan sasaran Kadar Pulangan Dalaman (IRR) minima sebanyak 12% setahun di dalam portfolio pelaburannya dan berazam untuk menjana secara purata 20% IRR di dalam keseluruhan portfolio pelaburan.


Sebagai sebuah syarikat ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, Ekuinas juga mempunyai objektif sosial iaitu untuk meningkatkan pegangan ekuiti Bumiputera di dalam ekonomi Malaysia. Bagi memastikan kesan yang berkekalan, Ekuinas komited dalam usaha mencapai matlamatnya secara mesra-pasaran, berdasarkan merit dan telus.

Menerusi aktiviti pelaburannya, Ekuinas berhasrat mempromosi dan meningkatkan pegangan ekuiti Bumiputera di dalam ekonomi Malaysia menerusi empat dimensi utama:-

- Meningkatkan pemilikan ekuiti korporat;
- Meningkatkan penyertaan pengurusan dan keusahawanan;
- Meningkatkan peluang pekerjaan yang bermakna; dan
- Memperbaiki rangkaian bekalan.



## Rajah 2: Objektif Pelaburan yang Jelas – Objektif Kewangan dan Sosial yang Seimbang



### TADBIR URUS

Di Ekuinas, kami mematuhi standard tadbir urus yang paling tinggi dan menggunakan amalan-amalan global yang terbaik dalam semua operasi kami.

Kami juga mematuhi amalan-amalan terbaik firma ekuiti persendirian antarabangsa dari segi pendedahan maklumat yang memadai dan terkini berhubung semua pelaburan yang dibuat. Maklumat lanjut mengenai tadbir urus dan rangka kerja pendedahan maklumat Syarikat dibentangkan di bahagian-bahagian berkaitan di dalam Laporan Tahunan ini.

### MODEL OPERASI EKUINAS

Model operasi Ekuinas mencakupi semua fungsi penting yang membentuk asas bagi perniagaan. Dasar-dasar utama diperkenalkan dan digunakan bagi memastikan Ekuinas berupaya menjalankan operasi pelaburan ekuiti persendirian yang setanding dengan standard dan amalan terbaik antarabangsa. Dasar-dasar tersebut merangkumi dasar bagi bahagian pelaburan langsung dan penyumberan luar Syarikat beserta rangka kerja dan garis panduannya, dan juga bahagian-bahagian lain termasuk tadbir urus, pendedahan maklumat, perbendaharaan, sumber manusia, pengurusan pihak berkepentingan dan komunikasi. (lihat Rajah 3)

Jumlah RM5 bilion yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan Rancangan Malaysia Ke-10 akan dilaburkan menerusi tiga dana dalam tempoh lima tahun bagi kedua-dua Pelaburan Langsung dan Program Penyumberan Luar Ekuinas. Pada tahun 2010, dana pertama telah memperuntukkan RM1 bilion bagi Pelaburan Langsung dan RM400 juta bagi Program Penyumberan Luar. Dana ini dijangka akan dilaburkan sepenuhnya dalam masa tiga tahun dari penubuhan.

## PROFIL KORPORAT

Rajah 3: Model Operasi Ekuinas

Sejak penubuhannya pada tahun 2009, Ekuinas berjaya membentuk model operasinya:

### Strategi dan Matlamat Pelaburan

### Dasar Pelaburan

|                    | Proses Pelaburan                   |                           |                                   |                          |           |
|--------------------|------------------------------------|---------------------------|-----------------------------------|--------------------------|-----------|
| Pelaburan Langsung | Pembangunan Langkah Permulaan      | Analisis/ Ketekunan Wajar | Menstruktur/ Merunding Urusniaga  | Pelaksanaan + Pemantauan | Pelupusan |
| Penyumberan Luar   | Mengenal pasti Pengurus Berpotensi | Ketekunan Wajar           | Struktur/ Garis Panduan Pelaburan | Pembayaran + Pemantauan  | Pelupusan |

Kewangan, Perundangan & Kesetiausahaan

Sumber Manusia, Pentadbiran & Pengurusan Sistem Maklumat

Pengurusan Pihak Berkepentingan, Komunikasi

Tadbir Urus Korporat & Pengurusan Risiko

RM5 bilion diperuntukkan untuk pelaburan melalui 3 Dana Pelaburan Langsung & 3 Dana Penyumberan Luar sepanjang tempoh 5 tahun

Dana Pertama untuk setiap satu telah diwujudkan seperti berikut:

|  | Pelaburan Langsung  | Penyumberan Luar             |
|--|---|------------------------------|
| <b>Nama Dana:</b>                      | E-Cap (Internal) One Sdn Bhd  | E-Cap (External) One Sdn Bhd |
| <b>Tahun Permulaan (Vintage Year):</b> | 2010  | 2011                         |
| <b>Modal Peruntukan Ekuinas:</b>       | RM1 bilion  | RM400 juta                   |
| <b>Tempoh:</b>                         | 5 + 2 tahun   | 6 + 1 tahun                  |
| <b>Tempoh Pelaburan:</b>               | 3 hingga 5 tahun  | 3 hingga 6 tahun             |
| <b>Tumpuan Pelaburan:</b>              | Malaysia  | Malaysia                     |
| <b>Sektor Keutamaan:</b>               | Minyak & Gas, Pendidikan, Penjagaan Kesihatan, FMCG, Peruncitan dan Percutian, Perkhidmatan |                              |

## TUMPUAN PELABURAN

Ekuiti persendirian atau private equity (PE) ialah sejenis dana pelaburan di mana modal risiko daripada sumber persendirian dikumpul bagi tujuan melabur dan memperoleh pemilikan ekuiti di dalam syarikat sasaran. Objektif sebuah firma PE adalah untuk mengumpul dan menguruskan dana bagi menjana pulangan yang menguntungkan buat para pelaburnya dalam tempoh masa yang ditetapkan. Secara keseluruhannya, matlamat PE adalah untuk merangsang nilai di dalam syarikat-syarikat pelaburan dan kemudian menjual syarikat-syarikat tersebut untuk mendapatkan keuntungan.

Pendekatan melalui penubuhan ekuiti persendirian yang didorong Kerajaan telah lama dilaksanakan sebelum ini bagi tujuan mencapai objektif nasional dan ianya telah terbukti berkesan. Salah sebuah firma PE global terkemuka, 3i plc, telah ditubuhkan oleh Kerajaan Britain pasca Perang Dunia Kedua dengan tujuan untuk merangsang pelaburan domestik negara tersebut. Kini, firma 3i plc telah diswastakan dan masih meneruskan peranannya untuk mencipta nilai bagi portfolio pelaburannya yang kini merangkumi syarikat-syarikat antarabangsa. Negara-negara lain juga turut menggunakan model PE ini, sama ada bagi menyelesaikan isu kekurangan modal perniagaan untuk menjana pertumbuhan ekonomi ataupun untuk menjadi pemangkin dalam menggalakkan pelaburan dari sektor swasta.

Di Malaysia, Kerajaan telah menubuhkan pelbagai agensi, institusi dan program yang tertumpu kepada dana Modal Teroka atau *Venture Capital* (VC) dengan matlamat menyokong pembangunan dan pertumbuhan perniagaan serta syarikat baru di dalam negara. VC menyediakan dana untuk syarikat yang memulakan perniagaan baru dan membangunkan teknologi baru, manakala PE pula bertumpu kepada syarikat yang telah sekian lama beroperasi dan ingin berkembang ke peringkat seterusnya. Walaupun industri PE di Malaysia dianggap masih lagi berada di peringkat awal, Kerajaan menjangkakan industri ini akan menjadi satu sektor yang memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia, seiring dengan usaha negara menyesuaikan diri dengan realiti baru dalam pasaran.

Kerajaan Malaysia telah menubuhkan Ekuinas, sebuah institusi yang menggunakan pendekatan ekuiti persendirian, sebagai salah satu instrumen baru inovatif yang diperkenalkan di bawah Model Baru Ekonomi (MBE). Pelaburan dana ekuiti persendirian Ekuinas dilaksanakan dengan prinsip mesra-pasaran dan berdasarkan merit serta telus khusus untuk mencapai ekonomi yang lebih terangkum dengan penyertaan saksama oleh semua rakyat Malaysia.

Untuk mengelakkan pertindihan dari segi peranan antara agensi-agensi Kerajaan, Ekuinas tidak dimandatkan untuk membantu syarikat di peringkat permulaan atau masih di peringkat awal, yang lebih sesuai bagi pelaburan VC. Justeru, Ekuinas lebih tertumpu kepada pelaburan di dalam syarikat pertumbuhan yang telah beroperasi selama beberapa tahun.

### Rajah 4: Pendekatan Ekuiti Persendirian Ekuinas



## PROFIL KORPORAT

EkuiNAS dimandatkan untuk menyokong syarikat Malaysia bersaiz sederhana hingga besar yang berada di peringkat PERTUMBUHAN – lazimnya syarikat sedemikian mempunyai rekod prestasi operasi dan berupaya mengenalpasti peluang untuk berkembang ke peringkat seterusnya.

Rajah 5: Tumpuan Pelaburan



## SEKTOR TUMPUAN

EkuiNAS boleh membuat pelaburan di dalam mana-mana sektor tetapi enam sektor tumpuan telah dikenalpasti iaitu Minyak & Gas, Pendidikan, Barangan Pengguna Laris (FMCG), Peruncitan & Percutian termasuk Makanan & Minuman (F&B), Penjagaan Kesihatan dan Perkhidmatan.

Rajah 6: Sektor Tumpuan EkuiNAS



Walau bagaimanapun, Syarikat telah menggariskan beberapa sektor terlarang iaitu:-

- **Perjudian, Arak** atau aktiviti lain yang haram/tidak beretika
- **Dana lindung nilai, derivatif**, matawang dan komoditi
- **Hartanah dan pembinaan**
- Bisnes yang terdedah kepada **risiko tinggi** seperti yang mempunyai **satu sumber** perolehan/pelanggan sahaja
- Syarikat yang tidak menyumbang kepada ekonomi **Malaysia**

## JENIS PELABURAN

Ekuinas mempertimbangkan syarikat Malaysia bersaiz sederhana hingga besar di dalam kategori-kategori berikut:

- KATEGORI 1** – pelaburan modal pertumbuhan di dalam syarikat Malaysia/Bumiputera bagi mempercepatkan pertumbuhan;
- KATEGORI 2** – pelaburan majoriti di dalam syarikat Malaysia yang kukuh dan berpotensi tinggi untuk menjadi peneraju pasaran; dan
- KATEGORI 3** – pemerolehan *buy-out* aset bukan teras milik syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), syarikat awam tersenarai (PLC) atau syarikat multinasional (MNC).

### Rajah 7: Jenis Pelaburan

#### Kategori 1


Pelaburan modal pertumbuhan di dalam syarikat Malaysia/Bumiputera bagi mempercepatkan pertumbuhan



Ekuinas membantu syarikat berjaya sedia ada dengan tujuan mempercepatkan pertumbuhan syarikat melalui pendekatan inorganik

#### Kategori 2


Pelaburan Majoriti di dalam syarikat Malaysia yang kukuh



Ekuinas membuat 'buy-out' Syarikat dan bekerjasama dengan profesional/usahawan terpilih untuk menguruskan syarikat

#### Kategori 3

Pemerolehan *buy-out* aset bukan teras milik GLC/PLC/MNC




Ekuinas membantu profesional/usahawan terpilih untuk memperoleh perniagaan di mana mereka menjadi pemilik pengusaha

## PROFIL KORPORAT

### STRATEGI PELABURAN

Strategi pelaburan Ekuinas adalah dengan mengenalpasti peluang-peluang pelaburan di dalam syarikat-syarikat Malaysia yang bersaiz sederhana untuk mentransformasi dan membantu syarikat-syarikat tersebut berkembang menjadi peneraju pasaran dan berjaya menjana keuntungan yang tinggi. Setelah matlamat dicapai, Ekuinas akan melupuskan pelaburannya di dalam syarikat tersebut. Rajah di bawah memaparkan unsur-unsur utama di dalam proses pelaburan kami.

Rajah 8: Tesis Pelaburan




## RANGKA KERJA PELABURAN

EkuiNAS melaksanakan pelaburannya melalui dua model operasi:

1. **Pelaburan Langsung** – pelaburan dilaksanakan secara langsung oleh EkuiNAS dan tertumpu kepada saiz urusniaga besar yang melibatkan perolehan kepentingan majoriti atau kepentingan ketara untuk membolehkan penyertaan EkuiNAS secara aktif di dalam syarikat bagi melaksanakan pelan penciptaan nilai untuk kepentingan syarikat dan semua pihak berkepentingan.
2. **Program Penyumberan Luar** – EkuiNAS melaksanakan pelaburan menerusi firma ekuiti persendirian pihak ketiga yang dilantik sebagai pengurus dana yang dipertanggungjawabkan untuk mengumpul modal luar tambahan dan mengurus pelaburan-pelaburan yang dilaksanakan.

Untuk mengelakkan pertindihan, setiap model operasi EkuiNAS mempunyai tumpuan pelaburan yang berbeza sepertimana yang telah digariskan.

### Rajah 9: Tumpuan Pelaburan Bagi Setiap Model Operasi



## PROFIL KORPORAT

### PELABURAN LANGSUNG

Aktiviti Pelaburan Langsung Ekuinas meliputi beberapa proses penting yang bermula dari peringkat awal iaitu mengenalpasti pelaburan yang berpotensi, kepada peringkat penilaian dan kelulusan oleh Jawatankuasa Pelaburan dan Lembaga Pengarah, sehingga perolehan dimuktamadkan.

Pasca perolehan, Ekuinas akan bekerjasama dengan syarikat penerima pelaburan untuk menyediakan dan melaksanakan Pelan Penciptaan Nilai atau *Value Creation Plan* (VCP) dengan matlamat untuk membantu syarikat berkembang ke peringkat seterusnya.

Rajah 10: Tujuh Proses Pelaburan Penting bagi Pelaburan Langsung






## PROGRAM PENYUMBERAN LUAR


Untuk melengkapkan aktiviti Pelaburan Langsung, Ekuinas juga mengendalikan program Penyumberan Luar dengan matlamat membangun dan menguruskan program yang melibatkan Pengurus Dana Penyumberan Luar, atau *Outsourced Fund Managers* (OFM) pihak ketiga yang berkebolehan. Operasi pelaburan ini dijalankan menurut rangka kerja dan garis panduan program yang jelas.

Rajah 11: Program Penyumberan Luar Ekuinas – Rangka Kerja dan Garis Panduan



Lima dimensi penilaian utama yang digunakan di dalam proses tersebut dipaparkan di bawah.

Rajah 12: Dimensi Utama yang Digunakan di dalam Proses Pemilihan OFM





**Menggalakkan penglibatan ekonomi Bumiputera secara saksama dan berkekalan berlandaskan prinsip mesra pasaran, berasaskan merit dan telus**



Kuinas  
KULTI WAKTU DAN LINGKUNGAN



## MAKLUMAT PENTING KEWANGAN

|  | 2011<br>RM juta | 2010<br>RM juta |
|--|-----------------|-----------------|
| <b>Dana diterima daripada Yayasan Ekuiti Nasional (YEN)</b>  | 1,100.0         | 500.0           |
| <b>Dana Ditubuhkan</b>                                       |                 |                 |
| EkuiNAS Direct (Tranche 1) Fund                              | 1,000.0         | 1,000.0         |
| EkuiNAS Outsourced (Tranche 1) Fund                          |                 |                 |
| Modal Terikat EkuiNAS  | 400.0           | 400.0           |
| Jumlah yang dikumpulkan Pengurus Dana Penyumberan Luar (OFM) | 143.6           | 113.6           |
|  | <b>543.6</b>    | <b>513.6</b>    |
| Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM)                        | 1,400.0         | 1,400.0         |
| Jumlah Dana yang tersedia untuk Pelaburan                    | 1,543.6         | 1,513.6         |
| <b>Prestasi Dana Digabung</b>                                |                 |                 |
| <b>EkuiNAS Direct &amp; Outsourced (Tranche 1) Fund</b>      |                 |                 |
| <u>Aktiviti Pelaburan</u>                                    |                 |                 |
| Pelaburan Komited yang Dilaksanakan                          | 903.4           | 482.6           |
| Pelaburan Yang Dimuktamadkan <sup>1</sup>                    | 577.7           | 380.6           |
| Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia               | 1,028.2         | 602.3           |
| <u>Prestasi Kewangan</u>                                     |                 |                 |
| (i) Pulangan   |                 |                 |
| Pulangan Kasar Portfolio                                     | 165.7           | 54.5            |
| Kadar Pulangan Dalam Kasar (IRR) (tahunan)                   | 32.3%           | 53.1%           |
| IRR bersih (tahunan)   | 20.6%           | 20.8%           |
| (ii) Lembaran Imbangan                                       |                 |                 |
| Nilai portfolio  | 662.6           | 432.2           |
| Nilai Aset Bersih (NAB)                                      | 686.1           | 447.3           |
| <u>Prestasi Objektif Sosial</u>                              |                 |                 |
| (i) Ekuiti Bumiputera yang dicipta                           |                 |                 |
| Nilai  | 806.54          | 483.2           |
| Gandaan Modal Dilabur  | 1.4x            | 1.3x            |
| (ii) Jumlah Ekuiti dicipta                                   |                 |                 |
| Nilai  | 986.2           | 582.1           |
| Gandaan Modal Dilabur  | 1.7x            | 1.5x            |
| <b>Ekuiti Nasional Berhad (Syarikat Pengurus Dana)</b>       |                 |                 |
| Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM)                        | 1,400.0         | 1,400.0         |
| Jumlah Perbelanjaan Operasi (OPEX)                           | 20.5            | 17.9            |
| Keuntungan Selepas Cukai (PAT)                               | 4.3             | 3.4             |
| Nisbah OPEX kepada FuM                                       | 1.5%            | 1.3%            |

<sup>1</sup> Modal dilabur dalam pelaburan yang dimuktamadkan, tidak termasuk modal yang digunakan untuk fi pengurusan dan perbelanjaan operasi lain

<sup>2</sup> Semua angka kecuali bagi Syarikat Pengurus Dana dibentangkan secara kumulatif

## Prestasi Dana Individu

### Prestasi Dana Langsung dan Penyumberan Luar di bawah Ekuinas Direct & Outsourced (Tranche 1) Fund:

|  | 2011<br>RM juta | 2010<br>RM juta |
|--|-----------------|-----------------|
| <b>Ekuinas Direct (Tranche 1) Fund</b>   |                 |                 |
| <u>Aktiviti Pelaburan</u>  |                 |                 |
| Pelaburan Komited yang Dilaksanakan  | 891.6           | 482.6           |
| Pelaburan Yang Dimuktamadkan <sup>1</sup>  | 565.9           | 380.6           |
| Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia   | 1,011.2         | 602.3           |
| <u>Prestasi Kewangan</u>   |                 |                 |
| (i) Pulangan   |                 |                 |
| Pulangan Kasar Portfolio   | 174.1           | 54.5            |
| Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR) (tahunan)   | 35.1%           | 53.1%           |
| IRR bersih (tahunan)   | 23.2%           | 24.3%           |
| (ii) Lembaran Imbangan   |                 |                 |
| Nilai portfolio  | 648.7           | 412.2           |
| Nilai Aset Bersih (NAB)  | 672.2           | 427.0           |
| <b>Ekuinas Outsourced (Tranche 1) Fund<sup>2</sup></b>   |                 |                 |
| <u>Aktiviti Pelaburan</u>  |                 |                 |
| Pelaburan Komited yang Dilaksanakan  | 11.8            | T/B             |
| Pelaburan Yang Dimuktamadkan <sup>1</sup>  | 11.8            | T/B             |
| Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia   | 17.0            | T/B             |
| <u>Prestasi Kewangan</u>   |                 |                 |
| (i) Pulangan   |                 |                 |
| <i>Prestasi kewangan Dana ini tidak dibentangkan memandangkan dana ini masih di peringkat awal pelaburan dan pulangan kasar portfolio sebahagian besarnya mewakili perbelanjaan fi pengurusan, perbelanjaan dan kos penyediaan lain.</i> |                 |                 |
| (ii) Lembaran Imbangan   |                 |                 |
| Nilai portfolio  | 13.9            | T/B             |
| NAB  | 13.9            | T/B             |

<sup>1</sup> Modal dilabur dalam pelaburan yang dimuktamadkan, tidak termasuk modal yang digunakan untuk fi pengurusan dan perbelanjaan operasi lain

<sup>2</sup> Perbandingan tahunan tidak dibentangkan memandangkan penutupan pertama dan juga pelaburan pertama Dana dimuktamadkan pada tahun 2011

<sup>3</sup> Prestasi Dana dibentangkan secara kumulatif



## PERUTUSAN PENGERUSI



Kepada semua Pihak Berkepentingan yang dihormati,

“ Ekuinas baru sahaja menyempurnakan tahun kedua operasinya dan saya, bagi pihak Lembaga Pengarah, amat berbesar hati membentangkan laporan tahunan syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011. ”

## PENUBUHAN ASAS YANG KUKUH

Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia sebagai salah satu instrumen inovatif yang mesra-pasaran dan bertujuan mentransformasi syarikat Malaysia bersaiz sederhana yang berpotensi tinggi menjadi peneraju pasaran pada masa hadapan, telah melalui tahun kedua operasi yang memuaskan meskipun sangat mencabar.

Dengan berbekalkan peruntukan dana permulaan sebanyak RM500 juta yang bakal meningkat kepada RM10 bilion di masa akan datang, Ekuinas telah ditubuhkan di bawah Yayasan Ekuiti Nasional dan dijangka melabur sejumlah RM5 bilion sehingga 2015 dengan memperoleh kepentingan ekuiti strategik di dalam syarikat-syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi. Sektor-sektor penting yang telah dikenalpasti oleh Ekuinas adalah minyak dan gas, pendidikan, barangan pengguna laris, peruncitan dan percutian, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan.

Kami menitikberatkan perkongsian usahasama awam dan swasta yang tulen di dalam model operasi kami dan bertekad untuk menjana pulangan yang setaraf dengan pasaran komersial. Pada masa yang sama, kami juga ingin menyumbang ke arah penciptaan ekonomi yang lebih terangkum dengan penyertaan saksama oleh semua rakyat Malaysia.

Ini adalah kerana kami percaya bahawa kesan sosial yang mapan dan saksama seperti yang dituntut oleh Model Baru Ekonomi (MBE) hanya dapat dicapai menerusi disiplin kewangan yang tinggi dan menerusi penciptaan nilai untuk semua pemegang saham.

Kami memulakan operasi syarikat dengan penuh bertenaga pada tahun 2010, di mana penumpuan diberikan kepada penyediaan rangka kerja dan proses dalaman syarikat. Ini dilakukan dengan matlamat untuk mewujudkan sebuah firma ekuiti persendirian berkualiti tinggi di mana amalan ekuiti persendirian global yang terunggul dijadikan sebagai penanda aras. Sejajar dengan itu, Ekuinas telah mengumumkan dasar pendedahan maklumatnya yang menjanjikan standard ketelusan yang tinggi bagi operasi kami kepada semua pihak berkepentingan.

Salah satu landasan utama bagi menunjukkan komitmen kami ini adalah melalui pendedahan secara komprehensif berkenaan prestasi tahunan Ekuinas di dalam Laporan Tahunan kami, di mana laporan pertama bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 dengan sukacitanya telah diumumkan kepada pihak awam pada 29 April 2011.

Laporan tersebut mencerminkan permulaan kukuh yang positif oleh Ekuinas. Kami telah berjaya membuat sebanyak empat pelaburan berjumlah RM482.6 juta dan membantu menjana jumlah kemasukan modal sebanyak RM602.3 juta yang memberi kesan positif kepada ekonomi Malaysia. Pada masa yang sama, Ekuinas telah berjaya menjana pulangan portfolio yang teguh dengan Kadar Pulangan Dalaman atau Internal Rate of Return (IRR) bersih sebanyak 20.8% serta meningkatkan nilai ekuiti Bumiputera sebanyak lebih RM483.2 juta menerusi pelaburannya pada tahun 2010.

## TAHUN PELABURAN YANG LEBIH MENCABAR

Tahun 2011 pula telah menampilkan satu pengalaman yang berbeza kepada Ekuinas. Tahun 2011 telah mengalami satu permulaan yang positif, namun, berikutan iklim ekonomi yang tidak menentu di barat, ekonomi global kemudiannya telah terjejas khususnya akibat krisis hutang negara di Eropah. Dari sudut yang positif pula, ekonomi Malaysia secara relatifnya dilindungi oleh pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang dicatat antara 5 – 6% hasil permintaan domestik yang tinggi serta kadar inflasi dan pengangguran yang rendah.

Walau bagaimanapun, gabungan antara kadar pertumbuhan ekonomi Asia yang sederhana dengan harga aset pelaburan yang tinggi dan ketersediaan modal yang tidak digunakan dalam jumlah yang ketara menunjukkan bahawa aktiviti penggabungan dan pemerolehan (M&A) dalam pasaran ekuiti persendirian di rantau ini mempamerkan aliran peningkatan yang menurun. Meskipun secara keseluruhannya aktiviti M&A di rantau ASEAN terutamanya di Malaysia masih giat dijalankan, sebahagian besar daripadanya dipacu oleh urusaniaga besar yang dikendalikan dalam aktiviti korporat dan strategik. Dalam konteks ini, ekuiti persendirian terutamanya di Malaysia dan di rantau ASEAN masih secara relatif disifatkan sebagai industri baru dan kecil terutamanya dalam pasaran syarikat bersaiz sederhana.



## PERUTUSAN PENGERUSI

Berlatarkan senario ini, iklim pelaburan yang mencabar pada tahun 2011 bukanlah sesuatu yang menghairankan. Meskipun operasi pelaburan kami dijalankan secara aktif, aliran urusanniaga pelaburan didapati kian perlahan, menggambarkan iklim ekonomi global yang tidak menentu. Pada masa yang sama, tumpuan pasukan pelaburan kami diperluas kepada pengurusan pasca pelaburan syarikat-syarikat portfolio pelaburan Ekuinas demi memastikan mereka berada pada landasan yang betul selaras dengan pelan penciptaan nilai yang disediakan, agar mampu berhadapan dengan persekitaran yang kurang menggalakkan.

Namun begitu, saya amat berpuas hati Ekuinas berjaya menangani cabaran-cabaran ini dan mengakhiri tahun kedua operasinya dengan hasil yang memberangsangkan. Keputusan kewangan tahun 2011 telah mempamerkan prestasi dana keseluruhan yang kukuh, pelaburan-pelaburan baru yang memuaskan serta menunjukkan kemajuan di dalam penciptaan nilai bagi syarikat-syarikat portfolio.

Setelah menerima peruntukan tambahan daripada Kerajaan berjumlah RM600 juta dan giat berusaha dalam mencari peluang pelaburan, Ekuinas akhirnya berjaya melaksanakan empat pelaburan langsung berjumlah RM408.9 juta. Dua pelaburan (Cosmo Restaurants Sdn Bhd dan Lyndarahim Ventures Sdn Bhd) berjaya dimuktamadkan pada tahun 2011 manakala dua pelaburan lagi (Kumpulan Revenue Valley dan Kumpulan Cosmopoint), meskipun secara prinsipnya telah dipersetujui pada tahun 2011, hanya dapat disempurnakan pada awal 2012.

Pada masa yang sama, Program Penyumberan Luar Ekuinas telah dilancarkan pada 1 Januari 2011 menerusi tiga dana yang diurus oleh pengurus dana penyumberan luar terpilih. Dengan dana pelaburan sedia ada berjumlah RM543.6 juta, hanya satu pelaburan yang berjaya dilaksanakan di dalam syarikat Atelier Asia Sdn Bhd berjumlah RM17 juta.

Walau bagaimanapun, saya amat berpuas hati kerana aktiviti-aktiviti ini bermakna bahawa menjelang penghujung 2011, Ekuinas secara kumulatifnya telah membuat komitmen pelaburan bagi sembilan urusanniaga berjumlah RM903.4 juta dan membantu di dalam kemasukan modal ekonomi berjumlah lebih RM1 bilion yang telah memberi kesan positif secara langsung kepada ekonomi Malaysia.

“ Ekuinas secara kumulatifnya telah membuat komitmen pelaburan bagi sembilan urusanniaga berjumlah RM903.4 juta dan membantu di dalam kemasukan modal ekonomi berjumlah lebih RM1 bilion yang telah memberi kesan positif secara langsung kepada ekonomi Malaysia. ”

### TUMPUAN KEPADA PENCIPTAAN NILAI

Dengan penambahan syarikat-syarikat portfolio di bawah pengurusan Ekuinas, tumpuan pasukan pelaburan kami pada tahun ini adalah kepada melaksanakan pelan penciptaan nilai yang telah disediakan bagi setiap syarikat. Pelan yang dibangunkan bertujuan memastikan syarikat-syarikat tersebut berkembang dengan agresif dan berada pada landasan yang betul demi mencapai objektif untuk mencipta nilai yang mapan bagi semua pihak berkepentingan.

Hasilnya, kami amat berpuas hati dengan jumlah pendapatan dan perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) terkumpul syarikat-syarikat portfolio kami, yang masing-masing telah meningkat sebanyak 8.5% dan 2.1% kepada lebih RM1 bilion dan RM231.9 juta pada tahun 2011. Meskipun beberapa syarikat portfolio kami seperti Tanjung Offshore Berhad, Konsortium Logistik Berhad dan Atelier Asia Sdn Bhd menghadapi kesukaran di dalam persekitaran operasi yang mencabar, peningkatan ini tetap berjaya dicapai.

Yang paling penting, kami berbangga dengan dana Ekuinas Direct and Outsourced (Tranche 1) Fund yang mencatatkan jumlah keuntungan portfolio sebanyak RM165.7 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2011, di mana lebih RM96.6 juta atau 58.3% mewakili pendapatan direalisasi berbentuk dividen yang diterima daripada syarikat-syarikat portfolio. Ini bermakna IRR tahunan kasar adalah sebanyak 32.3%



dan IRR bersih selepas potongan fi pengurusan adalah sebanyak 20.6%. Sekali lagi, Ekuinas berjaya melangkaui sasaran pulangan jangka panjang minimum 12% dan sasaran aspirasi pada paras 20%.

Walaupun Ekuinas berjaya mencatat prestasi kewangan yang menggalakkan dalam tahun kedua operasi, namun saya ingin mengingatkan sekali lagi bahawa pulangan ini, pada dasarnya, adalah dipengaruhi oleh tempoh pelaburan yang singkat dan juga pelaburan di dalam syarikat-syarikat tersenarai, yang mana nilainya berubah-ubah bergantung kepada harga pasaran.

Oleh itu, kami menjangkakan prestasi Dana Ekuinas akan berubah dari tahun ke tahun, bergantung kepada nilai pasaran aset. Keadaan ini adalah konsisten dengan pengalaman sebahagian besar firma ekuiti persendirian global. Dalam ekuiti persendirian, ukuran sebenar sesuatu kejayaan hanya dapat dilakukan dengan sewajarnya setelah semua pelaburan dilupuskan. Sehubungan itu, pihak Pengurusan perlu memberi lebih banyak tumpuan kepada usaha meningkatkan prestasi syarikat-syarikat penerima pelaburan untuk menghasilkan penciptaan nilai jangka panjang yang berkekalan.

## **PERJUANGAN KE ARAH MENCAPAI IMPAK SOSIAL YANG BERKEKALAN**

Komitmen kami terhadap pencapaian objektif kewangan senantiasa dipacu oleh mandat yang diberikan kepada Ekuinas iaitu untuk mewujudkan penglibatan ekonomi Bumiputera yang saksama dan berkekalan. Ekuinas berusaha untuk membawa perubahan dari segi empat dimensi – pemilikan ekuiti, peningkatan bilangan pengurusan dan usahawan yang berbakat, peningkatan lebih banyak peluang pekerjaan dalam syarikat penerima pelaburan kami, dan penambahbaikan rantaian bekalan agar syarikat-syarikat mikro yang lain dapat bersama-sama meraih manfaat daripada pertumbuhan syarikat-syarikat penerima pelaburan kami.

Dari sudut pencapaian objektif sosial kami, pelaburan-pelaburan yang dilaksanakan telah serta-merta berjaya memberikan impak yang positif. Hasil daripada pelaburan Ekuinas berjumlah RM565.9 juta yang dimuktamadkan menjelang akhir tahun, Ekuinas telah berjaya meningkatkan nilai ekuiti Bumiputera sebanyak RM806.5 juta, iaitu 1.4 kali ganda jumlah modal yang dilaburkan daripada pelaburan yang telah dimuktamadkan.

“ Ekuinas telah berjaya meningkatkan nilai ekuiti Bumiputera sebanyak RM806.5 juta. ”

Dalam masa yang sama, syarikat-syarikat penerima pelaburan kami telah menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih 3,400 orang warga Malaysia, menunjukkan peningkatan sebanyak 12% sejak kemasukan Ekuinas ke dalam syarikat-syarikat tersebut. Di samping itu, syarikat portfolio kami mempunyai dan membangunkan lebih 100 orang pengurus yang berbakat, di mana 45% daripada jumlah ini adalah Bumiputera.

“ Ekuinas telah berjaya membantu meningkatkan nilai ekuiti bagi semua pemegang saham syarikat portfolio kami sebanyak RM986.2 juta. Ini mencerminkan bahawa model operasi Ekuinas berupaya meningkatkan nilai ekuiti pemegang saham demi kepentingan semua rakyat Malaysia. ”

Dari segi penciptaan nilai, saya benar-benar berpuas hati kerana Ekuinas telah berjaya membantu meningkatkan nilai ekuiti bagi semua pemegang saham syarikat portfolio kami sebanyak RM986.2 juta. Ini mencerminkan bahawa model operasi Ekuinas berupaya meningkatkan nilai ekuiti pemegang saham demi kepentingan semua rakyat Malaysia.

Peningkatan nilai ekuiti ini jelas membuktikan bahawa penglibatan Ekuinas mampu memberi impak yang berkesan dan boleh diukur. Kami mengharapkan ia akan dapat dipertingkatkan lagi pada masa hadapan.



## PERUTUSAN PENGERUSI

### SOKONGAN TERHADAP USAHA MEMPERKASA KOMUNITI BUMIPUTERA

Pada bulan Februari 2011, Kerajaan Malaysia telah mengumumkan penubuhan Unit Agenda Peneraju Bumiputera (TERAJU) di bawah Jabatan Perdana Menteri yang dimandatkan untuk menerajui, menyelaraskan dan memacu transformasi serta penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara bagi merapatkan jurang perbezaan ekonomi antara masyarakat setempat.

Ekuinas mengalu-alukan penubuhan TERAJU dan sejak dari itu telah menyertai pelbagai program yang dipimpin oleh TERAJU untuk meningkatkan kesedaran mengenai pelbagai inisiatif yang dikendalikan oleh Kerajaan dalam membantu membangunkan usahawan Bumiputera.

Pada masa yang sama, Ekuinas turut menyokong TERAJU dalam usahanya untuk menubuhkan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera, sebuah agensi amanah khusus untuk memastikan para pelajar Bumiputera yang berkelayakan berpeluang memiliki pendidikan berkualiti, manakala eksekutif berbakat pula diberi peluang untuk meningkatkan kemahiran mereka. Memandangkan sektor pendidikan juga merupakan salah satu daripada sektor tumpuan pelaburan Ekuinas, kami telah memberi komitmen berjumlah RM1 juta kepada Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera di mana 50% daripada jumlah ini akan digunakan untuk menaja para pelajar yang berkelayakan di salah sebuah syarikat portfolio pelaburan kami iaitu APIIT-UCTI, sebuah institusi pendidikan yang sedang pesat berkembang di dalam portfolio pelaburan kami.

### MELAKAR PERJALANAN MASA HADAPAN

Secara ringkasnya, saya dan rakan-rakan lembaga pengarah, amat berpuas hati dengan perkembangan Ekuinas sehingga kini, bermula dengan penubuhan asas yang kukuh serta kejayaan demi kejayaan yang telah dicapai dalam tempoh dua tahun operasi Syarikat. Ketua Pegawai Eksekutif kami, Dato' Abdul Rahman Ahmad, akan menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai kemajuan operasi Ekuinas sepanjang tahun ini di dalam bahagian ulasan perniagaan laporan ini.

Walau bagaimanapun, kami menyedari bahawa perjalanan kami masih jauh dan banyak lagi yang perlu dilakukan. Tahun 2012 menjanjikan satu lagi tahun yang mencabar dan pengalaman ini akan memantapkan Ekuinas untuk berusaha lebih gigih bagi memenuhi harapan semua pihak.

Dengan jangkaan penerimaan dana selanjutnya daripada pihak Kerajaan, kami berharap dapat membuat pelaburan berjumlah RM500 juta hingga RM600 juta lagi menerusi Pelaburan Langsung dan Program Penyumberan Luar kami. Kami berharap agar 2012 bakal menyaksikan dana sebanyak RM1 bilion di dalam Ekuinas Direct (Tranche 1) Fund dilaburkan sepenuhnya dalam tempoh sasaran tiga tahun serta akan melancarkan aktiviti pelaburan bagi Fasa Kedua dana Pelaburan Langsung.

Pada masa yang sama, kami juga ingin meningkatkan kadar pelaburan bagi Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund dan menyempurnakan proses pemilihan pengurus ekuiti persendirian bagi Fasa Kedua Program Penyumberan Luar kami dengan sasaran tarikh permulaan dana pada awal 2013.

Kami juga berhasrat untuk merangsang aliran cadangan urusan pelaburan bagi meningkatkan momentum pelaburan kami. Kami turut akan memastikan kemajuan terus dicapai oleh syarikat-syarikat penerima pelaburan kami serta mengekalkan prestasi portfolio dana yang teguh seperti yang telah berjaya dicapai pada tahun lalu.

Selain itu, kami berharap dapat meningkatkan nilai ekuiti Bumiputera melalui pelaburan kami dan, di mana sesuai, untuk menggalakkan penglibatan Bumiputera yang saksama di peringkat Pengurusan dan menerusi penyediaan peluang pekerjaan serta peningkatan nilai dalam rantai bekalan bagi semua syarikat penerima pelaburan kami berdasarkan keperluan dan meritokrasi.

## **PENGHARGAAN**

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh Lembaga Pemegang Amanah bagi Yayasan Ekuiti Nasional, di atas amanah dan kepercayaan yang diberikan kepada Ekuinas untuk melaksanakan tugas yang besar ganjarannya ini biarpun sangat mencabar, iaitu untuk mentransformasi syarikat-syarikat berpotensi tinggi menjadi syarikat peneraju pasaran pada masa hadapan.

Saya juga berasa amat bertuah kerana berpeluang untuk meraih manfaat daripada kepakaran dan kebijaksanaan rakan-rakan ahli Lembaga Pengarah. Justeru, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada mereka di atas komitmen dan sumbangan mereka dalam membimbing operasi Ekuinas.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih, khususnya kepada YBhg Datuk Noriyah Ahmad, salah seorang individu yang telah memainkan peranan penting dalam merealisasikan penubuhan Ekuinas. Beliau telah bersara daripada jawatan beliau sebagai Ketua Pengarah di UPE, JPM pada Oktober 2011 lalu, namun saya amat berbesar hati kerana beliau telah bersetuju untuk kekal sebagai ahli Lembaga Pengarah Ekuinas.

Sehubungan dengan itu, saya turut ingin mengalu-alukan kedatangan ahli baru lembaga pengarah Ekuinas, YBhg Datuk Dr Rahamat Bivi binti Yusoff, yang baru sahaja memegang tampuk kepimpinan sebagai Ketua Pengarah UPE, JPM dan berharap agar beliau dapat bersama-sama berkongsi pengalaman luas beliau demi kepentingan organisasi ini.

Kepada semua pihak berkepentingan, syarikat-syarikat penerima pelaburan dan rakan niaga Ekuinas, kami melahirkan setinggi-tinggi terima kasih di atas sokongan dan sumbangan anda sepanjang tahun yang amat mencabar ini. Akhir kata, saya juga ingin merakamkan penghargaan saya kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan pasukan Pengurusan Kanan beliau, serta semua kakitangan Ekuinas, yang telah mempamerkan komitmen dan keazaman yang utuh untuk memastikan Ekuinas berjaya memenuhi mandat yang ditetapkan.

Saya gembira dapat terus bekerjasama dengan Pasukan Ekuinas dalam meneruskan perjalanan ini, dan berharap agar tahun yang bakal kita lalui adalah lebih baik daripada tahun ini.

**Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda**

*Pengerusi*

# TINJAUAN INDUSTRI EKUITI PERSENDIRIAN DI MALAYSIA

## PENGENALAN


Pendekatan ekuiti persendirian telah dipilih sebagai model operasi Ekuinas semasa ia ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada September 2009 yang lalu. Ekuinas mengendalikan pelaburan berlandaskan Model Baru Ekonomi (MBE), iaitu secara telus, berdasarkan meritokrasi dan didorong oleh pasaran semasa. Pelaburan ekuiti persendirian yang dikendalikan oleh Ekuinas menyasarkan syarikat-syarikat Malaysia yang berada dalam peringkat pertumbuhan, yang pada kebiasaannya bersaiz sederhana hingga besar, serta mempamerkan potensi untuk berkembang maju dan menjadi peneraju pasaran generasi akan datang. Portfolio pelaburan Ekuinas kini merangkumi perniagaan-perniagaan dinamik yang melibatkan sektor peruncitan, minyak dan gas, logistik, pendidikan serta makanan & minuman (F&B).

Di dalam bahagian ini, Bain & Company, sebuah firma perundingan global terkemuka telah menyediakan satu ulasan berkenaan tinjauan keseluruhan yang dibuat ke atas industri ekuiti persendirian di Malaysia dan rantau Asia Tenggara bagi tahun 2011–2012. Kami ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada pasukan Bain & Company yang telah menghasilkan laporan ini, khususnya Encik Suvir Varma (*Partner dan Ketua*, Ekuiti Persendirian/Dana Pelaburan Negara, Asia Pasifik), Encik Mohd Khairil Kevin (*Partner*, Pejabat Kuala Lumpur) dan Encik Sebastien Lamy (*Pengurus*, Pejabat Singapura).

## EKUITI PERSENDIRIAN SEMAKIN MELUAS DI SELURUH ASIA TENGGARA

Pasaran ekuiti persendirian (PE) di Asia Tenggara adalah amat luas dan semakin berkembang. Pada tahun 2011, para pelabur ekuiti persendirian telah menyuntik pelaburan berjumlah AS\$6.5 bilion di rantau ini, menunjukkan peningkatan sekitar 21% berbanding tahun 2010 (Rajah 1), yang meliputi 12% daripada jumlah aktiviti ekuiti persendirian di rantau Asia. Meskipun pada tahun 2010, pelaburan di Asia Tenggara berada pada paras terendah bagi tempoh lima tahun ini, lonjakan momentum yang memacu peningkatannya pada tahun 2011 dilihat menunjukkan peningkatan yang berterusan.

Rajah 1: Urusniaga ekuiti persendirian menunjukkan aliran positif di Asia Tenggara



Nota: Data adalah sehingga Disember 2011  
Sumber: Asian Venture Capital Journal (AVCJ); analisis Bain

Berdasarkan tinjauan yang dikendalikan oleh Probitas Partners baru-baru ini, hampir 80% pelabur institusi yang aktif di wilayah ini meramalkan bahawa tahun 2012 akan menunjukkan satu peningkatan di dalam aktiviti ekuiti persendirian di rantau ini. Minat pelabur untuk melabur di Asia Tenggara telah meningkat dua kali ganda dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, justeru *trend* ini dijangka akan mempengaruhi kemasukan modal ke rantau ini.

Sebanyak 70% pelabur yang menyertai tinjauan tersebut meramalkan bahawa mereka akan melabur sehingga AS\$100 juta setahun sepanjang beberapa tahun akan datang, satu peningkatan berbanding jumlah peratusan 50% pada tahun lepas. Lebih daripada satu pertiga menjangkakan peningkatan dalam saiz setiap urusniaga, selain menjangkakan peningkatan yang kukuh dalam pelaburan pertumbuhan dan pelaburan persendirian dalam ekuiti awam.

## Rajah 2: Lonjakan minat para pelabur di Asia Tenggara



Sumber: Probitas Partners; Tinjauan Ernst & Young 2011

## KEBANGKITAN MALAYSIA SEBAGAI PEMIMPIN

Meskipun pasaran ekuiti persendirian Asia Tenggara telah sekian lama didominasi oleh Singapura, Malaysia kini beransur muncul sebagai satu tumpuan kukuh bagi aktiviti PE. Pada tahun 2011, Malaysia telah berjaya mengungguli Singapura dari segi kepopularan, dengan menjadi destinasi pelaburan paling utama di Asia Tenggara. Sebanyak 14 urusniaga pelaburan dilaksanakan di dalam negara oleh dana ekuiti persendirian yang berjumlah AS\$3.6 bilion, iaitu bersamaan 50% daripada jumlah nilai urusniaga bagi Asia Tenggara (Rajah 1).

Sepanjang beberapa tahun ini, para pelabur ekuiti persendirian telah memainkan peranan yang penting dalam urusniaga penggabungan dan pemerolehan utama di Malaysia. Kehadiran para pelabur ini di dalam negara dijangka berterusan berdasarkan beberapa faktor. Syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan seperti Ekuinas, Khazanah dan EPF, juga dilihat semakin giat dalam menjalankan aktiviti pelaburannya. Pada tahun 2011 sahaja, Khazanah telah membuat pelaburan hampir AS\$1.9 bilion dalam 13 urusniaga, dan merealisasikan sebanyak AS\$660 juta ekoran pelupusan lapan pelaburannya. Dana domestik persendirian Malaysia seperti CIMB Private Equity juga telah mula memainkan peranan yang lebih besar. Dana ekuiti persendirian global dan serantau turut menunjukkan minat yang tinggi untuk melabur di Malaysia.

## TINJAUAN INDUSTRI EKUITI PERSENDIRIAN DI MALAYSIA

Antaranya, CVC Capital Partners yang beribu pejabat di United Kingdom, baru-baru ini telah melaksanakan usaha sama dengan dana ekuiti persendirian tempatan dalam tawaran *buy-out* berjumlah AS\$1.65 bilion untuk melabur di dalam syarikat pengendali makanan segera KFC dan QSR. Urusniaga ini merupakan salah satu urusniaga ekuiti persendirian terbesar di Asia Tenggara pada tahun 2011. Satu lagi tarikan Malaysia: Malaysia sedang membina rekod prestasi bagi pelupusan pelaburan yang berjaya. Sebagai contoh, pada April 2011, Khazanah telah menjual sebahagian daripada kepentingannya di dalam syarikat Integrated Healthcare Holdings kepada pelabur strategik Jepun pada harga AS\$1.1 bilion. Untuk sekurang-kurangnya beberapa tahun akan datang, pasaran ekuiti persendirian Malaysia dijangka terus berkembang ekoran kehadiran banyak peluang pelaburan, ketersediaan modal tunai yang belum dilaburkan serta pinjaman yang mudah didapati.

### FIRMA EKUITI PERSENDIRIAN MENGGUNAKAN PENDEKATAN BERBEZA BAGI MENGATASI PERSAINGAN

Pergelutan untuk melabur di Asia Tenggara, dan ditambah pula dengan kehadiran lebih banyak dana ekuiti persendirian, telah meningkatkan persaingan antara firma-firma PE di rantau ini. Maka tidak hairanlah kesan semulajadinya – kekurangan syarikat sasaran yang berkualiti tinggi dan harga aset yang lebih tinggi – mula dapat dilihat. Mereka yang menyertai tinjauan ekuiti persendirian yang dilaksanakan oleh Bain & Company di Asia Tenggara pada tahun 2011 menyatakan bahawa dua kekangan terbesar yang akan membantutkan kemajuan industri ini adalah kesukaran untuk mencari syarikat yang berwibawa bagi tujuan pelaburan dan juga jangkakan harga jualan yang lebih tinggi daripada yang sepatutnya. Di samping itu, tinjauan tersebut menunjukkan bahawa kadar pulangan di rantau ini semakin terhad. Peratusan bagi pelupusan pelaburan ekuiti persendirian yang memperoleh pulangan negatif dilihat semakin meningkat beberapa tahun kebelakangan ini, manakala pelaburan yang merealisasikan pulangan lebih daripada tiga kali ganda telah menyusut.

Untuk berjaya dalam pasaran baru yang dinamik dan kian berdaya saing di Asia Tenggara, firma-firma ekuiti persendirian sudah mula memperhebatkan kemampuan mereka sendiri. Para pelabur yang berjaya adalah mereka yang membezakan diri daripada pelabur lain di semua peringkat proses pelaburan (Rajah 3).

Rajah 3: Kejayaan firma PE dalam merangsang nilai



Tiga faktor utama dalam menghasilkan pulangan yang lebih tinggi daripada biasa adalah:

**Penyumberan urusaniaga.** Dalam usaha mencari syarikat sasaran yang terbaik dengan segera dan mengelakkan daripada melabur dengan harga lebih tinggi daripada yang sepatutnya, pengurus dana perlu mempunyai hubungan dengan masyarakat setempat untuk mengesan peluang pelaburan sebelum dikesan oleh para pesaing. Hubungan tempatan adalah amat penting. Sebagai contoh, di Indonesia, TPG, sebuah firma terkemuka di AS, mengambil langkah bekerjasama dengan dana ekuiti persendirian setempat. Contoh pendekatan lain pula adalah di mana sebuah dana global utama dunia telah membentuk satu pakatan dengan kumpulan perindustrian terunggul di rantau ini, yang memberikannya keutamaan untuk menilai unit perniagaan atau pelaburan yang ingin dilupuskan oleh konglomerat ini. Pengurus dana juga boleh memastikan reputasi mereka lebih menonjol di kalangan syarikat-syarikat sasaran dengan menyertai persidangan, menggiatkan lagi usaha pemasaran serta aktiviti keraian dan membuka pejabat cawangan tempatan.

**Memperhebat proses ketekunan wajar dan pelaksanaan urusaniaga.** Dana PE yang berjaya membantu syarikat penerima pelaburan mencapai kejayaan dan mengelakkan daripada mengalami kerugian, kebiasaannya menggunakan proses ketekunan wajar yang amat teliti. Sebelum memberi komitmen untuk membuat pelaburan, mereka meneliti dengan terperinci setiap operasi syarikat sasaran tersebut. Usaha ketekunan wajar yang rapi dan teliti adalah sangat penting khususnya di Asia Tenggara di mana firma ekuiti persendirian menasarkannya syarikat-syarikat yang lebih kecil—lazimnya syarikat persendirian atau subsidiari kepada syarikat yang lebih besar—di mana penyediaan maklumat lazimnya kurang memuaskan.

**Aktivisme portfolio yang lebih proaktif.** Untuk meraih nilai selepas urusaniaga dimuktamadkan, pengurus dana perlu melengkapkan kumpulan pelaburan mereka dengan khidmat pengarah serta warga profesional pelaburan yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang perbankan dan operasi. Untuk menerapkan amalan terbaik di dalam syarikat sasaran, kebanyakan firma PE terkemuka mengambil langkah untuk mengukuhkan lagi bakat portfolio dalaman mereka, mewujudkan jawatankuasa penciptaan nilai bagi setiap portfolio serta membangunkan garis panduan untuk memastikan amalan-amalan terbaik sentiasa digunakan. Untuk melebarkan portfolio mereka merentasi rantau ini, firma ekuiti persendirian akan membangunkan rangkaian pakar setempat yang memahami geografi rantau ini serta meningkatkan penggunaan sokongan luar mereka. Dalam memahami tarikan setiap rantau yang baru diceburi, firma ekuiti persendirian perlu menyesuaikan pendekatan mereka kepada ciri-ciri khusus bagi setiap pasaran. Malaysia turut tidak terkecuali. Dana yang sesuai dan fleksibel akan berada pada kedudukan yang terbaik untuk mencapai kejayaan dalam industri ini.

## **AKTIVISME PORTFOLIO YANG PROAKTIF PENTING DALAM PENCIPTAAN NILAI**

Firma ekuiti persendirian terkemuka menyedari bahawa penglibatan aktif di dalam syarikat portfolio adalah faktor penting dalam penciptaan nilai. Data yang dikumpul oleh pihak Bain menunjukkan bahawa firma ekuiti persendirian yang melibatkan diri dari peringkat awal pelaburan dijalankan meraih pulangan lebih dua kali ganda berbanding firma yang tidak melibatkan diri dalam operasi syarikat portfolionya. Hasil tinjauan penaja kewangan bagi tahun 2010 yang dijalankan oleh Private Equity News menyemarakkan lagi keadaan semasa, dengan mendedahkan bahawa kriteria paling penting yang dititikberatkan oleh LP atau *Limited Partner* (yang merupakan Rakan Pelabur Terhad) dalam pemilihan sesuatu GP atau *General Partner* (yang merupakan Rakan Pelabur Awam) adalah penciptaan nilai yang berkesan pasca pelupusan pelaburan. Dalam persekitaran ekonomi berdaya saing dan mencabar hari ini, pelabur ekuiti persendirian tidak lagi boleh bergantung semata-mata kepada kuasa penggunaan dan gandaan harga perolehan yang tinggi untuk menjana pulangan yang lebih menguntungkan.


## TINJAUAN INDUSTRI EKUITI PERSENDIRIAN DI MALAYSIA

Menurut pengalaman Bain, firma ekuiti persendirian yang berjaya akan menambah nilai dan melibatkan diri dalam syarikat portfolio di sepanjang tempoh pelaburan mereka. Proses ketekunan wajar yang dijalankan merangkumi usaha menasarkankan peluang-peluang bagi penciptaan nilai dan menyediakan rancangan pengurangan risiko peringkat tinggi untuk menangani risiko utama syarikat. Dalam tempoh 100 hari pertama selepas pemerolehan, dana PE akan menjalankan perubahan pihak pengurusan (sekiranya diperlukan) dan membuat rumusan strategi, seterusnya menyediakan syarikat portfolio dengan rangka tindakan yang merangkumi pelan penciptaan nilai dan inisiatif utama. Proses ini berterusan sepanjang tempoh pemilikan ke atas syarikat portfolio tersebut. Ini termasuk pengarah pelaburan memberi pandangan dan menyoal pengurusan atasan syarikat sewaktu mesyuarat Lembaga Pengarah serta memantau metrik utama dan prestasi bulanan syarikat.

Antara bantuan yang diberikan oleh firma ekuiti persendirian terkemuka kepada syarikat portfolio mereka adalah menyediakan khidmat nasihat dan usaha ketekunan wajar untuk perolehan tambahan, turut sama dalam membuat keputusan bagi urusan pembiayaan, menghubungkan mereka dengan sumber operasi luar seperti jururunding, serta memperkenalkan rangkaian hubungan kepada kumpulan pengurusan untuk menyiapkan perancangan ke arah pelupusan pelaburan.

Paling penting sekali, firma ekuiti persendirian yang paling efektif memastikan pendekatan mereka cukup fleksibel agar bersesuaian dengan keperluan syarikat portfolio. Ini kerana keperluan di dalam syarikat adalah berbeza, bergantung kepada peringkat yang berlainan di dalam kitaran hayat pemilikan. Bain telah mengenalpasti enam pendekatan yang meliputi pelbagai aktiviti utama iaitu bermula dari mengekalkan pengawasan yang terhad sehingga pelaksanaan perniagaan (Rajah 4). Firma ekuiti persendirian yang bermatlamat untuk mencipta nilai boleh bermula dengan menerapkan pendekatan yang lazim, yang disesuaikan dengan gabungan unik ciri firma dan syarikat portfolio berkenaan.

Rajah 4: Firma PE terkemuka menggunakan gabungan beberapa pendekatan





### Memilih pendekatan yang tepat bergantung kepada lima faktor:

1. **Gaya “tersendiri” dan tesis pelaburan yang dominan.** Adakah firma ekuiti persendirian mencari situasi pemulihan yang mencabar? Atau adakah ia mahu melabur di dalam syarikat yang kukuh dengan kumpulan pengurusan yang berwibawa demi mendapatkan prestasi yang cemerlang? Keadaan yang pertama menuntut pendekatan yang lebih aktif; manakala yang kedua pula sebaliknya.
2. **Saiz portfolio.** Apakah jumlah nilai syarikat sasaran dan berapakah bilangan syarikat yang dimiliki?
3. **Kerumitan portfolio pelaburan.** Adakah syarikat-syarikat sasaran meliputi beberapa sektor industri, geografi dan cabaran perniagaan? Secara amnya, lebih besar dan rumit sesuatu portfolio itu, lebih mencabar keadaannya bagi firma ekuiti persendirian untuk memainkan peranan aktif dalam setiap syarikat portfolionya.
4. **Potensi syarikat portfolio.** Adakah mereka hanya akan menghasilkan penambahbaikan yang sedikit atau berkemampuan untuk melaksanakan transformasi besar-besaran? Sekiranya mereka mampu melakukan transformasi besar-besaran, maka rakan kongsi pelabur mungkin akan mempertimbangkan untuk memainkan peranan yang lebih aktif di dalam syarikat portfolio.
5. **Kekuatan syarikat portfolio.** Adakah kewangan syarikat berada di tahap yang baik? Adakah terdapat kekurangan dalam kumpulan pengurusan kanan mereka yang perlu diperkembangkan? Lazimnya, firma ekuiti persendirian akan meningkatkan penglibatan mereka di dalam syarikat portfolio sekiranya ia memerlukan perubahan strategi yang ketara, dan/atau sekiranya kumpulan pengurusan kurang berpengalaman bekerja dengan pelabur ekuiti persendirian.

Dengan mentakrifkan satu pendekatan yang lazim, firma ekuiti persendirian dapat mewujudkan satu model operasi yang boleh digunapakai, di mana ia merangkumi situasi umum yang dihadapi oleh firma dan syarikat portfolionya. Walau bagaimanapun, model yang dipilih oleh sesebuah firma hendaklah dijadikan hanya sebagai satu titik permulaan dan bukannya destinasi muktamad.

### KESIMPULAN

Pasaran ekuiti persendirian Malaysia dilihat semakin matang dan bersedia untuk berkembang ke peringkat seterusnya, selaras dengan peningkatan minat para pelabur dan persaingan di antara firma-firma PE. Meskipun pasaran bagi industri ini didominasi oleh para pelabur berkaitan Kerajaan, firma lain juga turut menunjukkan minat untuk menyertai industri ini. Dana ekuiti persendirian serantau dan antarabangsa yang ingin mencari peluang untuk memasuki pasaran ini perlu mempertimbangkan untuk menjalinkan usahasama dengan rakan pelabur tempatan atau membentuk satu gabungan domestik yang lain. Rakan kongsi seperti ini dapat membantu para pelabur menelusuri proses kawal selia di Malaysia dan membuka peluang kepada rangkaian perniagaan negara ini; yang merupakan unsur penting bagi kejayaan sesuatu penyumberan urusan, proses ketekunan wajar dan pelupusan pelaburan. Dana serantau dan antarabangsa pula akan membawa kepakaran kewangan, operasi serta rangkaian global mereka yang luas ke dalam negara. Untuk jangka masa panjang, faktor yang penting bagi memacu pulangan yang menguntungkan adalah keaktifan dan keberkesanan firma ekuiti persendirian melibatkan diri di dalam syarikat portfolio Malaysia mereka. Pada ketika ini, persekitaran perniagaan negara sudah cukup bersedia untuk berubah. Semua jenis dana ekuiti persendirian boleh meningkatkan nilai portfolio mereka secara ketara dengan memperkenalkan amalan terbaik global di dalam syarikat-syarikat tempatan, dan memacu penyatuan industri dalam semua sektor.

#### PENULIS:

**BAIN & COMPANY** 

- Suvir Varma adalah *partner* di pejabat Asia Tenggara Bain dan menerajui pejabat ekuiti persendirian Bain di Asia Pasifik. Beliau boleh dihubungi di [suvir.varma@bain.com](mailto:suvir.varma@bain.com).
- Mohd Khairil Kevin mengetuai pejabat Bain di Kuala Lumpur. Beliau boleh dihubungi di [mohdkhairil.kevin@bain.com](mailto:mohdkhairil.kevin@bain.com).
- Sebastien Lamy adalah prinsipal di pejabat Bain di Asia Tenggara dan beliau mengurus operasi ekuiti persendirian Bain di Asia Tenggara. Beliau boleh dihubungi di [sebastien.lamy@bain.com](mailto:sebastien.lamy@bain.com).





**Mewujudkan kerjasama awam-swasta yang saling memanfaatkan bagi semua pihak berkepentingan**



## ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Seperti yang dilaporkan di dalam Laporan Tahunan 2010, Ekuinas telah mempamerkan satu permulaan yang kukuh dalam tahun pertama operasinya. Ekuinas telah berjaya melaksanakan empat pelaburan dengan jumlah pelaburan komited bernilai RM482.6 juta, dan membantu kemasukan modal sebanyak RM602.3 juta ke dalam ekonomi negara serta menunjukkan pencapaian prestasi dana portfolio yang melebihi sasaran aspirasi kadar pulangan dalaman (IRR) jangka panjang pada paras 20%.



## TAHUN KEDUA YANG MENCABAR NAMUN PENUH PENGAJARAN

Seperti yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan 2010, Ekuinas telah mempamerkan satu permulaan yang kukuh dalam tahun pertama operasinya. Ekuinas telah berjaya melaksanakan empat pelaburan dengan jumlah pelaburan komited bernilai RM482.6 juta dan membantu kemasukan modal ke dalam ekonomi negara sebanyak RM602.3 juta serta menunjukkan pencapaian prestasi dana portfolio yang melebihi sasaran aspirasi kadar pulangan dalaman (IRR) jangka panjang pada paras 20%.



*YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pencapaian tahun pertama Ekuinas pada 29 April 2011*

Selepas permulaan yang begitu menggalakkan, tahun kedua operasi Ekuinas pada tahun 2011 merupakan satu tahun yang amat mencabar terutamanya dengan keadaan pertumbuhan ekonomi yang sederhana di Malaysia dan rantau ASEAN, serta keadaan ekonomi di negara-negara barat yang semakin lemah.

Meskipun persekitaran ekonomi global mengalami kemerosotan disebabkan oleh krisis hutang negara di Eropah dan kadar pengangguran yang kekal tinggi di Amerika Syarikat, ekonomi Malaysia masih terlindung ekoran rangsangan daripada penggunaan domestik yang kukuh dengan anggaran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada akhir tahun 2011 mencecah paras 5.1% (Jabatan Perangkaan Malaysia).

Pertumbuhan ekonomi yang positif di Malaysia dan rantau ASEAN telah memastikan pasaran penggabungan dan pemerolehan (M&A) kekal aktif. Urusniaga di seluruh rantau ini mencapai paras AS\$17.8 bilion, di mana Malaysia merupakan negara yang paling aktif.

Walau bagaimanapun, pelaburan ekuiti persendirian di ASEAN dan Malaysia hanya mewakili sebahagian kecil daripada keseluruhan aktiviti M&A, menggambarkan betapa barunya industri ini. Di samping itu, persekitaran pelaburan bagi firma ekuiti persendirian di rantau ini amat

mencabar disebabkan oleh harga aset yang kekal tinggi dan ketersediaan modal sedia ada. Ini ditambah pula dengan saiz ekonomi Malaysia yang kecil dan kekurangan pengetahuan di kalangan komuniti perniagaan mengenai ekuiti persendirian sebagai alternatif yang berpotensi menyediakan dana yang diperlukan berbanding pasaran modal.

Pada masa yang sama, iklim ekonomi global yang tidak menentu turut menjejaskan prestasi beberapa syarikat portfolio kami, seterusnya menimbulkan kesukaran dalam usaha mengembangkan syarikat secara organik. Ini menampilkan cabaran yang besar kepada pasukan pelaburan kami yang perlu menyeimbangkan tugas antara memberi tumpuan kepada pengurusan syarikat portfolio yang baru diperolehi, dengan meneruskan usaha mencari pelaburan baru secara agresif.

Kami gembira bahawa Ekuinas telah mampu menelusuri cabaran-cabaran sepanjang tahun dan berjaya mengakhiri tahun kedua operasi dengan hasil yang memberangsangkan. Secara keseluruhannya, Ekuinas telah mempamerkan prestasi dana keseluruhan yang kukuh, tahap pelaburan baru yang memuaskan dan kemajuan yang menggalakkan dalam penciptaan nilai di peringkat syarikat-syarikat portfolio.

## KERAJAAN – MENERUSKAN SOKONGAN DALAM PENYEDIAAN MODAL

Ekuinas telah ditubuhkan dengan peruntukan terikat Kerajaan Malaysia berjumlah RM5 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan Ke-10 sepanjang tempoh lima tahun hingga 2015.

Berdasarkan jumlah ini, Ekuinas telah menyediakan rancangan pelaburan lima tahun dengan memperuntukkan masing-masing sebanyak RM3.5 bilion dan RM1.0 bilion untuk mengendalikan dua aktiviti teras, iaitu pelaburan langsung dan program penyumberan luar.

Sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2011, Ekuinas telah menerima peruntukan komited tahunan daripada Kerajaan berjumlah **RM600 juta**, menjadikan jumlah dana terkumpul yang diterima oleh Ekuinas sebanyak **RM1.1 bilion**. Dana yang diterima ini telah dikenalpasti bagi tujuan pelaburan di bawah dana pertama Ekuinas, iaitu Ekuinas Direct (Tranche 1) Fund bagi aktiviti Pelaburan Langsung dan Ekuinas Outsourced (Tranche 1) Fund bagi Program Penyumberan Luar, masing-masing dengan jumlah modal terikat berjumlah RM1 bilion dan RM400 juta.

## ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

### PELABURAN LANGSUNG – TUMPUAN KEPADA PENCIPTAAN NILAI

Persekitaran pelaburan yang mencabar dan kesulitan dalam mendapatkan syarikat bersaiz sederhana berpotensi tinggi yang memenuhi kriteria pelaburan yang ketat menyebabkan pasukan pelaburan kami menghadapi kesukaran untuk mencapai sasaran bilangan pelaburan kami.

Meskipun Ekuinas telah meneliti lebih daripada 300 cadangan pelaburan sejak memulakan operasi, hanya empat pelaburan dengan jumlah pelaburan komited bernilai RM408.9 juta berjaya dilaksanakan bagi tahun ini. Walau bagaimanapun, menjelang akhir tahun, hanya dua daripada pelaburan ini dapat dimuktamadkan manakala dua pelaburan lagi dipersetujui dari segi prinsipnya, dan kemudiannya disempurna dan dilaksanakan hanya pada awal tahun 2012.

Empat pelaburan komited yang dilaksanakan sepanjang tahun ini adalah seperti berikut:-

- **Lyndarahim Ventures Sdn Bhd** – Ekuinas membuat pelaburan bernilai RM15 juta untuk memperoleh 90.0% kepentingan ekuiti dalam syarikat Bumiputera yang memiliki dan menguruskan rantaian kedai kopi popular di Malaysia, San Francisco Coffee.

Pelaburan tambahan berjumlah RM15 juta juga telah diperuntukkan bagi tujuan memperluas rangkaian kedai kopi ini dan untuk melabur dalam jenama F&B lain;



- **Cosmo Restaurants Sdn Bhd** – Ekuinas membuat pelaburan bernilai RM68.2 juta untuk memperoleh 74.1% pegangan saham di dalam syarikat francais Burger King® di Malaysia;



### PERISTIWA-PERISTIWA PENTING:

#### Februari 2011

Pemerolehan kepentingan majoriti 51% di dalam Kumpulan Pendidikan APIIT bernilai RM102 juta.

Dana tambahan berjumlah RM300 juta diterima bagi tahun 2011 daripada Kerajaan.

#### Mac 2011

Penutupan pertama bagi Fasa I Program Penyumberan Luar dengan dana berjumlah RM513.6 juta bagi tujuan pelaburan dalam syarikat-syarikat Malaysia yang teguh. Pengurus Dana Penyumberan Luar (OFM) telah berjaya mengumpulkan RM113.6 juta daripada jumlah tersebut.

Salah satu OFM iaitu Navis Capital Partners telah melaksanakan pelaburannya bernilai RM17 juta di dalam Atelier Asia Sdn Bhd, sebuah kumpulan syarikat pengedar pelbagai barangan berjenama popular di dalam segmen pakaian gaya hidup dan produk penjagaan bayi.

#### April 2011

YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, mengumumkan pencapaian tahun pertama Ekuinas dan melancarkan Laporan Tahunan pertama Syarikat.

- **Kumpulan Revenue Valley** – Ekuinas telah memberi komitmen untuk melabur sejumlah RM64.7 juta untuk memperoleh 85.7% kepentingan ekuiti di dalam kumpulan F&B yang memiliki dan mengurus rangkaian restoran Manhattan Fish Market, francais Tony Roma's di Malaysia dan francais Popeyes di Malaysia dan Singapura.
- **Kumpulan Cosmopoint** – Ekuinas telah memberi komitmen untuk melabur sejumlah RM246 juta untuk memperoleh 90% kepentingan ekuiti di dalam kumpulan pendidikan Bumiputera yang pesat berkembang dan memiliki jenama serta reputasi yang kukuh dalam penyediaan pendidikan yang mampu dimiliki.

Pelaburan di dalam ketiga-tiga rangkaian ini membentuk asas penting kepada strategi Ekuinas untuk membina portfolio makanan dan minuman (F&B) yang pelbagai serta memiliki jenama-jenama tempatan dan antarabangsa yang memenuhi kehendak semua segmen pasaran.

Ekuinas telah mengenalpasti sektor F&B sebagai salah satu sektor pelaburan teras. Ekuinas juga percaya bahawa industri F&B yang bersaiz besar dan bernilai lebih daripada RM23 bilion ini, serta menyaksikan penyertaan banyak syarikat yang bersaiz kecil, akan memberi peluang yang baik kepada Ekuinas untuk mencipta pertumbuhan dan meneraju pasaran melalui pemilikan pelbagai jenama.



Pelaburan yang dilaksanakan pada tahun ini memberi tumpuan kepada pemerolehan kepentingan majoriti di dalam syarikat sasaran dan menyuntik modal yang diperlukan untuk membawa syarikat-syarikat ini ke peringkat pertumbuhan seterusnya. Selanjutnya, pelaburan *buy-out* ini membolehkan Ekuinas menyokong pengurus profesional yang diberi peluang untuk memiliki ekuiti syarikat berdasarkan prestasi, selaras dengan mandat kami untuk mewujudkan lebih ramai lagi pengurus-pemilik profesional.



#### Ogos 2011

Dana tambahan sebanyak RM300 juta lagi diterima daripada Kerajaan.

#### September 2011

Pelaburan dalam sektor Makanan & Minuman (F&B) berjumlah RM98.2 juta di dalam syarikat francais Burger King® di Malaysia dan rangkaian kedai kopi San Francisco Coffee.

#### Januari 2012

Pemerolehan pegangan ekuiti sebanyak 85.7% di dalam Kumpulan Revenue Valley dengan jumlah pelaburan sebanyak RM64.7 juta, menjadikan Ekuinas pemilik kepentingan majoriti di dalam tiga rangkaian jenama F&B iaitu Manhattan Fish Market, Popeyes di Malaysia dan Singapura, serta Tony Roma's di Malaysia.

#### Mac 2012

Ekuinas perluas portfolio pendidikan dengan pemerolehan 90% kepentingan ekuiti bernilai RM246 juta di dalam Kumpulan Cosmopoint, sebuah kumpulan pendidikan terkemuka milik Bumiputera yang memiliki dan menguruskan Kuala Lumpur Metropolitan University College dan Cosmopoint International College of Technology.

## ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

### EKUINAS DIRECT (TRANCHE 1) FUND



Jumlah pelaburan komited

Bersama dengan portfolio pelaburan yang dibawa ke hadapan dari 2010, jumlah bilangan pelaburan komited yang dilaksanakan secara langsung oleh Ekuinas Direct (Tranche 1) Fund pada tahun 2011 ialah sebanyak 8 pelaburan. Ini membawa kepada jumlah pelaburan komited sebanyak RM891.6 juta, di mana sebanyak RM565.9 juta daripada jumlah tersebut telah dilaburkan pada akhir tahun 2011. Seterusnya, gabungan kesemua pelaburan ini telah berjaya menjana kemasukan modal ekonomi berjumlah lebih RM1.0 bilion, yang telah memberi kesan positif kepada ekonomi Malaysia.

Lebih penting lagi, Ekuinas Direct (Tranche 1) Fund mencapai pulangan kasar portfolio berjumlah RM174.1 juta, di mana lebih daripada RM96.6 juta atau 55.5% daripada jumlah ini telah direalisasikan dalam bentuk pendapatan dividen daripada syarikat-syarikat portfolio Ekuinas. Ini bersamaan dengan IRR tahunan kasar sebanyak 35.1% dan IRR bersih selepas fi pengurusan sebanyak 23.2%, yang melangkaui sasaran pulangan IRR minimum jangka panjang kami yang ditetapkan pada paras 12% setahun dan sasaran IRR aspirasi pada paras 20% setahun.



Prestasi yang baik ini amat menggalakkan tetapi harus saya ingatkan bahawa pulangan ini dipengaruhi oleh tempoh pelaburan yang singkat dan pelaburan dalam syarikat tersenarai, yang mana nilai saksamanya bergantung kepada harga pasaran, yang mungkin turun naik secara ketara.



Oleh itu, kami menjangkakan bahawa prestasi Dana Ekuinas akan turun naik dari tahun ke tahun, bergantung kepada nilai pasaran aset. Keadaan ini konsisten dengan pengalaman sebahagian besar firma ekuiti persendirian global. Kami selanjutnya ingin menekankan bahawa di dalam industri ekuiti persendirian, prestasi kewangan sebenar sesuatu dana hanya dapat benar-benar diukur apabila semua pelaburan telah dilupuskan. Dengan itu, faktor utama dalam menentukan kejayaan untuk menghasilkan pulangan yang menguntungkan adalah dengan memastikan tumpuan diberi terhadap usaha meningkatkan prestasi operasi dasar di syarikat-syarikat penerima pelaburan ini.



Dalam hal ini, kami berbesar hati melaporkan bahawa prestasi operasi dasar syarikat penerima pelaburan di bawah Ekuinas telah mencatatkan peningkatan yang menggalakkan walaupun berhadapan dengan persekitaran yang mencabar. Tidak termasuk syarikat portfolio yang baru diperoleh pada tahun 2011, keempat-empat syarikat portfolio pelaburan Ekuinas secara kolektifnya, mencatatkan pertumbuhan dalam hasil dan perolehan sebelum faedah, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) (sebelum perkara luar biasa) masing-masing pada kadar 8.5% dan 2.1% kepada lebih RM1.0 bilion dan RM231.9 juta.

Ini dapat dicapai melalui pelaksanaan Pelan Penciptaan Nilai yang dirancang terlebih dahulu bagi setiap pelaburan demi memastikan nilai pelaburan-pelaburan ini dipertingkatkan. Pasukan pelaburan kami meluangkan masa dan sumber yang banyak di dalam syarikat portfolio kami untuk membantu kumpulan pengurusan mengenalpasti dan menangani isu-isu penting yang dihadapi oleh setiap syarikat portfolio.



Kami amat berpuas hati melihat usaha yang dijalankan ini telah membuahkan hasil yang menggalakkan. Antaranya termasuk kejayaan inisiatif pelupusan pelaburan aset bukan teras dalam Konsortium Logistik Berhad, memperoleh tanah untuk peningkatan kapasiti Kumpulan Pendidikan APIIT dan rangkaian pengedaran yang meluas bagi Alliance Cosmetics Group di Indonesia.

Namun, kami yakin bahawa kami perlu berusaha lebih gigih lagi di dalam semua syarikat portfolio kami terutamanya di Tanjung Offshore Berhad dan Konsortium Logistik Berhad untuk memastikan prestasi syarikat dapat dipertingkatkan. Ini bagi memenuhi sasaran yang telah ditetapkan oleh Ekuinas kepada setiap syarikat portfolio.



**PROGRAM PENYUMBERAN LUAR – PERMULAAN YANG AGAK PERLAHAN**

Ekuinas Outsourced (Tranche 1) Fund telah berjaya dilancarkan pada tahun kewangan 2011 dengan modal terikat berjumlah RM543.6 juta, termasuk RM143.6 juta yang dikumpul daripada pelabur luaran. Ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk memanfaatkan modal swasta dan menggalakkan perkongsian awam-swasta.

Tiga pengurus dana penyumbangan luar (OFM) telah dipilih di bawah Fasa 1, iaitu Navis Capital Partners (Navis), CIMB Private Equity (CIMB PE) dan KFHAM Asset Management (KFHAM). Program Penyumbangan Luar ini melengkapi Pelaburan Langsung Ekuinas dengan memberi tumpuan kepada saiz urusniaga yang lebih kecil dan menyediakan modal pertumbuhan kepada perniagaan berpotensi tinggi menerusi kepentingan minoriti.

Walau bagaimanapun, prestasi keseluruhan Program Penyumbangan Luar pada tahun kewangan 2011 adalah di bawah jangkaan yang ditetapkan. Sehingga kini, hanya satu pelaburan berjumlah RM17.0 juta berjaya dilaksanakan di dalam kumpulan syarikat peruncitan terkemuka, Atelier Asia Sdn Bhd, yang memiliki rangkaian

kedai barangan berjenama gaya hidup dan penjagaan bayi termasuk Wrangler, Philips Avent, Mattel/Fisher Price, MacLaren, Crocs, Fred Perry dan Mom's Care, antara lainnya.

Oleh yang demikian, prestasi Ekuinas Outsourced (Tranche 1) Fund tidak dapat dianalisis secara mendalam kerana pelaburan tunggal ini masih dicatat pada harga kos dan Dana ini hanya dikenakan fi pengurusan sahaja.



## ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Firma-firma ekuiti persendirian penyumberan luar yang dilantik ini sedang mengusahakan beberapa urusaniaga dan kami akan melaporkan pelaburan tambahan yang dilaksanakan di dalam laporan tahunan kami pada tahun hadapan.

Lewat Disember 2011, pihak Lembaga Pengarah telah memberi kelulusan kepada Ekuinas untuk memulakan Fasa 2 dalam Program Penyumberan Luar dengan peruntukan dana di antara RM300 – 400 juta. Ekuinas merancang untuk membuat pemilihan OFM bagi fasa kedua ini berdasarkan proses penilaian ketat yang sama seperti yang telah digunakan pada Fasa 1 dan berharap untuk memuktamadkan dan memulakan operasi dana-dana ini bermula awal 2013.

### PENCAPAIAN OBJEKTIF SOSIAL

RM  
**806.5**  
JUTA  
PENINGKATAN  
DALAM  
NILAI  
EKUITI  
BUMIPUTERA

### OBJEKTIF SOSIAL – BERADA PADA LANDASAN YANG BETUL DAN TERUS MELANGKAH MAJU

Sebagai sebuah firma ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, Ekuinas memenuhi objektif sosial yang ditetapkan menerusi pelaburan yang dibuat dengan penumpuan kepada empat dimensi iaitu meningkatkan pemilikan ekuiti, meningkatkan bilangan pengurusan dan usahawan yang berbakat, menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dan menambahbaik rantaian bekalan agar lebih banyak syarikat-syarikat mikro lain dapat meraih manfaat daripada pertumbuhan syarikat-syarikat penerima pelaburan Ekuinas.

Ekuinas berhasrat untuk menambah nilai ekuiti Bumiputera melalui peningkatan nilai pemegang saham semua syarikat portfolio kami, yang secara langsung juga turut meningkatkan nilai pelaburan Ekuinas sendiri, serta nilai ekuiti milik pemegang saham lain dan para pengurus dalam syarikat tersebut.

>RM1.4  
BILION  
JUMLAH  
NILAI  
EKONOMI  
DICIPTA  
UNTUK SEMUA  
PEMEGANG SAHAM

Bagi tempoh dalam tinjauan, kami berbangga bahawa dengan jumlah pelaburan yang telah dilaksanakan, Ekuinas telah menyumbang kepada usaha menambah nilai ekuiti Bumiputera sebanyak RM806.5 juta, iaitu 1.4 kali ganda modal pelaburan dari pelaburan yang telah dilaksanakan berjumlah RM565.9 juta. Ini menunjukkan impak ketara, nyata dan boleh diukur dapat dilihat dalam meningkatkan nilai ekuiti Bumiputera, selaras dengan aspirasi jangka panjang Ekuinas untuk mencapai pulangan sebanyak RM10 bilion atau 2 kali ganda daripada modal yang dijangka akan dilaburkan, iaitu sebanyak RM5 bilion.

Pada masa yang sama, pelaburan kami juga telah menghasilkan jumlah nilai ekonomi bagi semua pemegang saham syarikat-syarikat portfolio kami sebanyak lebih RM1.4 bilion, iaitu peningkatan sebanyak RM986.2 juta atau 1.7 kali ganda daripada modal yang dilaburkan Ekuinas. Ini seterusnya membuktikan bahawa pelaburan Ekuinas memberi kesan positif dan berupaya memanfaatkan semua rakyat Malaysia.

Syarikat portfolio kami setakat ini menyediakan peluang pekerjaan dan membangunkan lebih 100 orang pengurus berbakat, di mana 45% daripada jumlah ini adalah Bumiputera. Beberapa orang pengurus telah ditawarkan skim ekuiti berasaskan prestasi yang diharap akan mendorong mereka ke arah mencapai kecemerlangan dan memberi peluang kepada mereka untuk berkongsi nilai yang tercipta di dalam syarikat.

EkuiNAS juga telah berjaya menambah bilangan kakitangan dalam syarikat-syarikat portfolio kami sebanyak 12% kepada lebih 3,400 orang, di mana 76% daripada jumlah ini adalah Bumiputera. Ini menyokong prinsip asas kami bahawa segala objektif sosial hanya dapat dicapai melalui pertumbuhan dan daya maju komersial.

Kami menyedari sepenuhnya bahawa masih banyak usaha perlu dilaksanakan demi memastikan kemapanan jangka panjang objektif sosial kami, walaupun usaha kami telah sedikit sebanyak membuahkan hasil. Secara khususnya, kami menyedari bahawa kami perlu mengenalpasti cara yang lebih berkesan untuk membolehkan syarikat portfolio kami memberi manfaat sampingan kepada syarikat-syarikat dan pihak berkepentingan lain menerusi aktiviti perniagaan masing-masing. Bagi tujuan ini, kami telah menyediakan Pelan Penciptaan Nilai khusus bagi pencapaian objektif sosial untuk setiap syarikat portfolio kami di mana ia dapat mengenalpasti bidang-bidang yang boleh memberi impak dan memantau kemajuan pencapaian objektif sosial ini.

Walaupun bagaimanapun, kami sentiasa prihatin dan menyedari bahawa sebarang usaha untuk mencapai objektif sosial di dalam syarikat-syarikat portfolio kami hendaklah dikendalikan secara saksama dan berdasarkan merit demi memastikan keterangkuman dan manfaat bersama untuk semua. Hanya melalui pendekatan ini, segala usaha yang dijalankan mampu mendatangkan hasil jangka panjang yang berkekalan.

Ulasan Prestasi Pelaburan yang dibentangkan di halaman 53 hingga 81 laporan tahunan ini memberi sorotan aktiviti pelaburan EkuiNAS dengan lebih terperinci.


## MENERAPKAN AMALAN TERBAIK EKUITI PERSENDIRIAN BERTARAF DUNIA

Sebagai sebuah syarikat pengurus dana yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan melabur dana yang diperuntukkan oleh Kerajaan, EkuiNAS berusaha untuk menjadikan amalan terbaik firma ekuiti persendirian global sebagai penanda aras operasi.

Salah satu prinsip yang dijadikan panduan oleh EkuiNAS dalam pengurusan dana-dana ini adalah dengan menggunakan piawai tadbir urus tertinggi dan memastikan ia dilakukan secara berkesan kos.

Bagi tujuan ini, EkuiNAS terus membina rangka kerja operasi dan tadbir urus yang telah dibangunkan dalam tahun pertama operasi. Pada tahun ini pula, EkuiNAS telah memperluaskan skop untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat portfolio juga menerapkan rangka kerja tadbir urus berpiawai tinggi seperti ini, yang disesuaikan dengan keperluan khusus syarikat masing-masing. Seterusnya, kami meneruskan usaha membangunkan keupayaan unit perkhidmatan bersama untuk memastikan jabatan-jabatan ini terus menyediakan sokongan bermutu tinggi dan berkesan kepada kumpulan pelaburan dan syarikat portfolio kami.

## BILANGAN PEKERJA DI SYARIKAT-SYARIKAT PORTFOLIO





## ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

### EKUINAS SYARIKAT PENGURUS DANA



Kami amat gembira untuk memaklumkan bahawa Ekuinas telah mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM4.3 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011. Lebih penting lagi, nisbah perbelanjaan operasi (OPEX) kepada jumlah dana di bawah pengurusan (FuM) ialah 1.5%, berbanding 1.3% pada tahun kewangan 2010. Ini selaras dengan, dan mungkin lebih baik daripada, penanda aras yang ditetapkan oleh agensi kerajaan dan firma ekuiti persendirian lain.

Dalam mengorak langkah ke hadapan, kami berazam untuk memastikan operasi kami terus setanding dengan institusi perkhidmatan kewangan dan firma ekuiti persendirian lain di Malaysia dan rantau ini. Untuk mencapai tujuan ini, pelaburan dalam modal insan menjadi teras strategi kami. Meskipun kami telah menyediakan rangka kerja strategik modal insan yang terperinci untuk menarik minat, mengekal dan membangunkan tenaga kerja yang berkualiti, kami juga berhasrat untuk mempercepatkan pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini dalam usaha memastikan bahawa warga profesional kami mampu memenuhi harapan tinggi yang ditetapkan.

Pada masa yang sama, kami berhasrat untuk meningkatkan keupayaan kami dengan mengenalpasti dan membangunkan para pengurus serta usahawan profesional di dalam syarikat portfolio, memandangkan mereka merupakan faktor utama yang menjadi penentu kejayaan syarikat-syarikat tersebut.

### HUBUNGAN YANG BERKESAN DAN BERTERUSAN

Sejak awal penubuhan lagi, Ekuinas telah menggunakan dasar perhubungan aktif dengan semua pihak berkepentingan yang merangkumi media arus perdana dan baru, pihak Kerajaan, komuniti perniagaan, badan bukan kerajaan (NGO) serta khalayak awam.

Pelbagai sesi pertemuan, pembentangan dan perbincangan diadakan sepanjang tahun ini untuk memberi penjelasan berkenaan mandat Ekuinas dan peranan kami dalam melengkapkan usaha negara untuk mencapai matlamat sosio-ekonominya. Ini telah membuahkan hasil positif dari segi kesedaran dan kefahaman yang lebih baik mengenai model ekuiti persendirian dan kemajuan Ekuinas setakat ini.

Pada tahun ini, sebuah tinjauan telah dikendalikan bagi kumpulan-kumpulan pihak berkepentingan dan media untuk mendapatkan maklum balas bagaimana Ekuinas dapat meningkatkan keberkesanan strategi komunikasi kami. Keputusan tinjauan menunjukkan bahawa sebahagian besar pihak berkepentingan memahami mandat Ekuinas dan yakin Ekuinas berada pada landasan yang betul dalam mencapai objektif untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera secara saksama di dalam ekonomi.

Kami juga akur bahawa sesetengah pihak berkepentingan memohon penyediaan maklumat tambahan secara kerap dan Ekuinas akan memenuhi keperluan ini selaras dengan Dasar Pendedahan kami yang dijelaskan di halaman 111 dan 112. Ekuinas juga akan meneruskan usaha untuk meningkatkan kesedaran mendidik komuniti perniagaan, pertubuhan perdagangan dan khalayak awam mengenai konsep pelaburan ekuiti persendirian dan bagaimana ekuiti persendirian boleh memberi kesan positif kepada pertumbuhan dan nilai sesebuah syarikat.



## TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Sepanjang tahun yang dilaporkan, usaha tanggungjawab sosial korporat (CSR) Ekuinas tertumpu kepada aktiviti menghulurkan bantuan kepada pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang memberi bantuan dan mengatur program-program untuk meningkatkan keupayaan para usahawan. Sumbangan telah dibuat kepada pelbagai kumpulan NGO untuk aktiviti-aktiviti yang menggalakkan keusahawanan serta yang memberi peluang perniagaan bagi membina rangkaian di kalangan syarikat usahawan.

Pada masa yang sama, kami juga memperuntukkan sejumlah kecil untuk disumbangkan kepada NGO yang membantu mereka yang kurang bernasib baik, termasuk ibu tunggal, anak yatim dan mereka yang menghidap penyakit-penyakit kritikal. Maklumat lanjut mengenai aktiviti-aktiviti ini boleh didapati dalam bahagian CSR kami di halaman 82 hingga 85 Laporan Tahunan ini.

Di samping itu, kami juga telah memulakan proses merumus dan merangka program CSR yang tersusun agar Ekuinas dapat membuat sumbangan secara lebih bermakna dan memberi impak di dalam bidang yang berkaitan dengan mandat kami. Kami berharap agar program CSR kami akan mencerminkan peranan Ekuinas sebagai pemangkin pembangunan modal insan dan juga perniagaan. Kami berharap akan dapat melaksanakan program tersebut pada tahun 2012.

## KESIMPULAN

Tahun kedua operasi Ekuinas merupakan tahun yang agak mencabar, namun saya amat berbangga dengan ketekunan pasukan kami yang kekal berdisiplin dalam melaksanakan strategi dan operasi pelaburan Ekuinas.

Dalam menghadapi suasana ekonomi global 2012 yang tidak menentu, kami masih optimistik dengan prospek ekonomi Malaysia dan potensi tersembunyi syarikat-syarikat Malaysia. Kami yakin bahawa masih terdapat peluang bagi syarikat-syarikat Malaysia untuk berkembang secara organik atau menerusi penggabungan dan berharap Ekuinas akan terus menjadi pilihan rakan strategik yang menarik dan unik bagi syarikat-syarikat ini.

Justeru, kami terus menetapkan sasaran tinggi bagi tahun akan datang. Bergantung kepada ketersediaan peruntukan dana, kami merancang untuk membuat pelaburan antara RM500 hingga RM600 juta pada tahun 2012. Pada masa yang sama, kami juga berhasrat untuk mencipta nilai yang lebih tinggi di dalam syarikat penerima pelaburan kami, mencapai sasaran pulangan kewangan minimum serta mencapai kemajuan yang lebih memuaskan dalam memenuhi objektif sosial kami.

Paling penting sekali, kami berharap agar dapat mula merealisasikan wawasan kami untuk mentransformasi beberapa syarikat portfolio agar mereka menjadi peneraju pasaran dan industri masa hadapan. Seterusnya, usaha ini mampu melahirkan syarikat-syarikat yang berdaya maju dan mapan, serta memberi kesan positif kepada masyarakat.

Saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Pengerusi Ekuinas, YM Raja Tan Sri Arshad, dan semua ahli Lembaga Pengarah Ekuinas yang telah memberi wawasan dan panduan yang begitu berharga dalam membantu kami mengemudi bahtera Ekuinas menghadapi pelbagai cabaran sepanjang peringkat awal operasi kami ini. Kami juga ingin mengalu-alukan kehadiran Datuk Dr Rahamat Bivi yang baru menyertai Lembaga Pengarah Ekuinas dan teruja untuk bekerjasama dengan beliau serta seluruh ahli Lembaga Pengarah untuk terus meningkatkan prestasi Ekuinas pada masa hadapan.





## ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Pada masa yang sama, kami juga ingin melahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Ekuiti Nasional di atas kepercayaan yang diberikan kepada kami untuk merealisasikan wawasan yang telah diamanahkan kepada kami.

EkuiNAS juga amat bertuah kerana menerima sokongan yang berterusan daripada semua pihak berkepentingan, syarikat-syarikat penerima pelaburan serta rakan perniagaan kami. Kami amat terhutang budi dan menghargai segala sumbangan yang telah diberikan dalam usaha memastikan operasi kami dapat berjalan dengan lancar.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh pasukan di EkuiNAS yang telah bekerja dengan gigih dan memberi komitmen mereka yang tidak berbelah bahagi serta penuh dedikasi. Mereka inilah sebenarnya tonggak kekuatan EkuiNAS. Saya merasa amat bertuah kerana berkesempatan untuk bekerjasama dengan anda semua, dan berharap akan dapat terus bersama di dalam perjalanan kita ke arah menubuhkan sebuah organisasi ekuiti persendirian setanding institusi-institusi terkemuka di dalam industri ini.

**ABDUL RAHMAN AHMAD**

*Ketua Pegawai Eksekutif*



## ULASAN PRESTASI PELABURAN

EkuiNAS telah menerima sejumlah RM1.1 bilion daripada pihak Kerajaan untuk tujuan pelaburan. Dengan jumlah ini, dua dana telah ditubuhkan di bawah Tranche 1, seperti berikut:

1. EkuiNAS Direct (Tranche 1) Fund dengan modal terikat berjumlah RM1 bilion di bawah E-Cap (Internal) One Sdn Bhd; dan
2. EkuiNAS Outsourced (Tranche 1) Fund dengan modal terikat berjumlah RM400 juta di bawah E-Cap (External) One Sdn Bhd.

### 1 EKUINAS DIRECT (TRANCHE 1) FUND

#### Tinjauan Dana

EkuiNAS Direct (Tranche 1) Fund telah ditubuhkan pada tahun 2010, dengan modal terikat berjumlah RM1 bilion untuk melaksanakan aktiviti Pelaburan Langsung. Dana ini mempunyai tempoh pelaburan selama tiga (3) hingga lima (5) tahun untuk pelaburan di dalam syarikat-syarikat Malaysia di peringkat pertumbuhan. Dana ini mempunyai tempoh lima (5) tahun, dengan tempoh lanjutan selama dua (2) tahun.

|   |   |
|---|---|
| Nama Dana                               | ● <b>EkuiNAS Direct (Tranche 1) Fund</b>  |
| Tahun Permulaan ( <i>Vintage Year</i> ) | ● 1 Januari 2010  |
| Modal Terikat                           | ● RM1 bilion  |
| Tempoh                                  | ● 5 Tahun (+ 2 tahun)   |
| Tempoh Pelaburan                        | ● 3 – 5 Tahun   |
| Bentuk & Struktur Rasmi                 | ● Satu pengurus dana dan satu pelabur<br>Dana: EkuiNAS Direct (Tranche 1) Fund<br>Pengurus Dana: Ekuiti Nasional Berhad<br>Domisil Dana: Malaysia   |
| Tumpuan Pelaburan                       | ● Malaysia  |
| Tumpuan Pelaburan mengikut Peringkat    | ● Dana Modal Pertumbuhan  |
| Tumpuan Pelaburan mengikut Industri     | ● <ul style="list-style-type: none"> <li>– Pendidikan</li> <li>– Minyak &amp; Gas</li> <li>– Barangan Pengguna Laris (FMCG)</li> <li>– Peruncitan &amp; Percutian</li> <li>– Penjagaan Kesihatan</li> <li>– Perkhidmatan</li> </ul> |

## ULASAN PRESTASI PELABURAN

### Aktiviti-Aktiviti Pelaburan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011, Dana ini melaksanakan empat (4) pelaburan berjumlah RM408.9 juta. Daripada jumlah ini, dua (2) pelaburan berjumlah RM98.2 juta di dalam Cosmo Restaurants Sdn Bhd dan Lyndarahim Ventures Sdn Bhd disempurnakan menjelang akhir tahun. Dua (2) pelaburan lagi iaitu di dalam Kumpulan Revenue Valley dan Kumpulan Cosmopoint berjumlah RM310.7 juta yang dipersetujui secara prinsip sebelum tahun berakhir hanya dimuktamadkan pada awal 2012.

Pelaburan-pelaburan ini membawa kepada jumlah kumulatif pelaburan komited yang dilaksanakan oleh Dana ini sejak permulaan kepada lapan (8) pelaburan yang bernilai RM891.5 juta. Jumlah modal yang dilaburkan oleh Dana ini pada akhir tahun ialah RM565.9 juta tanpa mengambilkira pelaburan yang belum dimuktamadkan.

Menerusi semua pelaburan yang dijalankan, Dana ini telah berjaya sehingga kini membantu kemasukan modal melebihi RM1.0 bilion ke dalam ekonomi, dan secara langsung memberi kesan positif kepada ekonomi Malaysia.

### Rajah 1: Aktiviti-aktiviti pelaburan yang dilaksanakan

|  | Nama                             | Sektor                               | Kepentingan % | Pelaburan Komited RM juta | Pelaburan Komited oleh Pihak Lain RM juta | Kemasukan Modal Ekonomi RM juta | Pelaburan Muktamad RM juta |
|--|----------------------------------|--------------------------------------|---------------|---------------------------|---|---------------------------------|----------------------------|
| 1  | Alliance Cosmetics Group (ACG)   | FMCG                                 | 20.00%        | 39.88                     | 119.64                                    | 159.52                          | 39.88                      |
| 2  | Tanjung Offshore Berhad (TOFF)   | Minyak & Gas                         | 24.00%        | 99.80                     | –   | 99.80                           | 99.80                      |
| 3  | Konsortium Logistik Berhad (KLB) | Perkhidmatan                         | 61.62%        | 240.96                    | –   | 240.96                          | 240.96                     |
| 4  | Kumpulan Pendidikan APIIT        | Pendidikan                           | 51.00%        | 102.00                    | –   | 102.00                          | 102.00 <sup>1</sup>        |
| Prestasi Portfolio Dibawa Ke Hadapan (A) |                                  |                                      |               | 482.64                    | 119.64                                    | 602.28                          | 482.64                     |
| 5  | Lyndarahim Ventures Sdn Bhd      | Peruncitan – Makanan & Minuman (F&B) | 90.00%        | 30.00                     | –   | 30.00                           | 15.00                      |
| 6  | Cosmo Restaurants Sdn Bhd        | Peruncitan – Makanan & Minuman (F&B) | 74.10%        | 68.21                     | –   | 68.21                           | 68.21                      |
| 7  | Kumpulan Revenue Valley (RV)     | Peruncitan – Makanan & Minuman (F&B) | 85.67%        | 64.70                     | –   | 64.70                           | 0.00                       |
| 8  | Kumpulan Cosmopoint              | Pendidikan                           | 90.00%        | 246.00                    | –   | 246.00                          | 0.00                       |
| Jumlah Pelaburan bagi tahun ini (B)      |                                  |                                      |               | 408.91                    | –   | 408.91                          | 83.21                      |
| Jumlah Kumulatif (C) = (A) + (B)         |                                  |                                      |               | 891.55                    | 119.64                                    | 1,011.19                        | 565.85                     |

<sup>1</sup> Pelaburan di dalam Kumpulan Pendidikan APIIT dilaksanakan akhir tahun 2010 dan dimuktamadkan pada awal tahun 2011




Pelaburan komited yang dilaksanakan setakat tarikh Laporan Tahunan ini mempunyai ciri-ciri berikut:


- Sebahagian besar pelaburan dilaksanakan di dalam industri pendidikan iaitu pelaburan di dalam Kumpulan Pendidikan APIIT dan Kumpulan Cosmopoint, dan di dalam sektor Peruncitan-F&B melalui pelaburan di dalam Cosmo Restaurants Sdn Bhd, Lyndarahim Ventures Sdn Bhd dan Kumpulan Revenue Valley.

Ini selaras dengan strategi Ekuinas untuk mendapatkan peluang-peluang perniagaan di dalam sektor yang sedang pesat berkembang ini, di samping menyediakan pelan jangka panjang untuk menyatukan semua pelaburan-pelaburan ini di bawah kumpulan-kumpulan induk Pendidikan dan F&B yang boleh menjadi peneraju pasaran masa hadapan di dalam industri masing-masing.

Secara keseluruhannya, Ekuinas telah membuat pelaburan di dalam lima (5) daripada enam (6) sektor teras yang telah dikenalpasti, iaitu Barangan Pengguna Laris (FMCG), Pendidikan, Minyak & Gas, Perkhidmatan dan Peruncitan-F&B.




- Pelaburan-pelaburan yang dilaksanakan berada di dalam ketiga-tiga (3) kategori pelaburan yang telah dikenalpasti oleh Ekuinas, iaitu pelaburan di dalam syarikat Bumiputera/Malaysia berpotensi tinggi untuk mempercepatkan pertumbuhan, pelaburan *buy-out* di dalam syarikat Malaysia yang mantap dan ingin berkembang ke peringkat seterusnya dan pemerolehan aset bukan teras daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC)/syarikat awam tersenarai (PLC)/syarikat multinasional (MNC).






## ULASAN PRESTASI PELABURAN

- Semua pelaburan yang dilaksanakan pada tahun 2011 membabitkan pemerolehan kepentingan kawalan, di mana kami menyokong usahawan dan pengurus profesional yang berwibawa dan berpengalaman untuk membantu mengembangkan perniagaan mereka.




Urusniaga Pelaburan dengan Kawalan vs  
 Urusniaga Modal Pertumbuhan  
 2011




Urusniaga Pelaburan dengan Kawalan vs  
 Urusniaga Modal Pertumbuhan  
 2010

- Keempat-empat (4) pelaburan pada tahun ini adalah pelaburan di dalam syarikat persendirian. Ini menjadikan jumlah pelaburan dalam syarikat persendirian sebanyak 62% daripada jumlah portfolio kami, manakala yang selebihnya adalah pelaburan di dalam syarikat tersenarai.



Syarikat tersenarai  
 vs  
 Syarikat persendirian  
 2011



Syarikat tersenarai  
 vs  
 Syarikat persendirian  
 2010

## Nilai Aset Bersih (NAB) Dana pada 31 Disember 2011

|  | 2010<br>RM juta | Perubahan<br>pada tahun<br>2011<br>RM juta | 2011<br>RM juta |
|--|-----------------|--|-----------------|
| Modal Dilabur <sup>1</sup>                                       | 403.53          | 167.53                                     | 571.06          |
| Campur pertambahan kepada Nilai Aset Bersih:                     |                 |  |                 |
| Pendapatan Dividen   | 23.82           | 72.78                                      | 96.60           |
| Keuntungan belum direalisasi atas Nilai Saksama pelaburan        | 31.51           | 51.35                                      | 82.86           |
| Perbelanjaan Faedah  | (0.86)          | (4.50)                                     | (5.36)          |
| Jumlah Pulangan Kasar Portfolio                                  | 54.47           | 119.63                                     | 174.10          |
| Tolak pengurangan kepada Nilai Aset Bersih:                      |                 |  |                 |
| Jumlah Perbelanjaan Operasi                                      | (31.01)         | (41.92)                                    | (72.93)         |
| Pertambahan Bersih dalam Nilai Aset Bersih                       | 23.46           | 77.71                                      | 101.17          |
| Nilai Aset Bersih  | 426.99          | 245.24                                     | 672.23          |
| Nilai Aset Bersih merangkumi:                                    |                 |  |                 |
| Pelaburan – pada harga kos                                       | 380.64          | 185.21                                     | 565.85          |
| Keuntungan belum direalisasi bersih atas Nilai Saksama Pelaburan | 31.51           | 51.35                                      | 82.86           |
| Pelaburan dibawa pada Nilai Saksama                              | 412.15          | 236.56                                     | 648.71          |
| Tambah: Modal kerja  | 14.84           | 8.68                                       | 23.52           |
| Bersamaan Nilai Aset Bersih                                      | 426.99          | 245.24                                     | 672.23          |
| IRR Kasar  | 53.09%          |  | 35.07%          |
| IRR Bersih (sebelum pembahagian keuntungan)                      | 24.28%          |  | 23.16%          |

<sup>1</sup> Jumlah modal yang digunakan bagi pelaburan yang telah dimuktamadkan, fi pengurusan dan perbelanjaan operasi lain

Sepanjang tahun dalam tinjauan, jumlah modal bernilai RM167.5 juta telah digunakan untuk pelaburan dalam Kumpulan Pendidikan APIIT, Cosmo Restaurants Sdn Bhd dan Lyndarahim Ventures Sdn Bhd, serta perbelanjaan pengurusan, yang membawa kepada jumlah kumulatif modal yang digunakan kepada RM571.1 juta pada akhir tempoh laporan dibuat.

Berdasarkan pelaburan yang telah dimuktamadkan setakat 31 Disember 2011, Dana ini telah berjaya mencapai pulangan kasar portfolio berjumlah RM174.1 juta, di mana sebanyak RM96.6 juta daripada jumlah itu telah direalisasikan melalui pendapatan dividen.

## ULASAN PRESTASI PELABURAN

Ini bersamaan dengan Kadar Pulangan Dalaman atau *Internal Rate of Return* (IRR) kasar tahunan sebanyak 35.1%, dan IRR bersih sebanyak 23.2%, setelah ditolak fi pengurusan yang perlu dibayar kepada Ekuinas. Pulangan ini adalah lebih rendah daripada yang dicatatkan pada tahun 2010 kerana ia dipengaruhi oleh tempoh pelaburan yang singkat, namun begitu, ia masih melebihi sasaran IRR minimum pada paras 12% dan sasaran aspirasi 20%.


Oleh yang demikian, nilai aset bersih Dana pada akhir tahun meningkat sebanyak 57.4% kepada RM672.2 juta daripada jumlah RM427.0 juta yang dicatat pada tahun 2010. Ini termasuk jumlah pelaburan dengan kos asal berjumlah RM565.9 juta yang dibawa pada nilai saksama kolektif RM648.7 juta, justeru menunjukkan peningkatan nilai pelaburan setelah mengambilkira nilai pasaran semasa aset-aset ini.

**Rajah 2: Prestasi Portfolio pada 31 Disember 2011**

| Syarikat | Tarikh Pelaburan | Kepentingan % | Kos Pelaburan RM juta | Nilai Saksama 2011 RM juta | Pulangan Kasar Portfolio RM juta         | IRR %                |
|----------|------------------|---------------|-----------------------|----------------------------|--|----------------------|
| ACG      | 4-Jan-10         | 20.00         | 39.88                 | 648.71                     | Pendapatan Direalisasi<br>96.60          | IRR Kasar<br>35.07%  |
| TOFF     | 26-Jul-10        | 24.00         | 99.80                 |                            |  |                      |
| KLB      | 18-Okt-10        | 61.62         | 240.96                |                            | Peningkatan dalam Nilai Saksama<br>82.86 | IRR Bersih<br>23.16% |
| APIIT    | 18-Feb-11        | 51.00         | 102.00                |                            |  |                      |
| SF       | 12-Sep-11        | 90.00         | 15.00                 |                            | Perbelanjaan<br>(5.36)                   |                      |
| BK       | 15-Sep-11        | 74.10         | 68.21                 |                            |  |                      |
| Jumlah   |                  |               | 565.85                |                            | 174.10                                   |                      |

IRR kasar adalah selepas ditolak perbelanjaan faedah  
IRR bersih adalah selepas ditolak fi pengurusan dan perbelanjaan operasi yang lain

**Rajah 3: Perubahan Nilai Portfolio<sup>1</sup> pada 31 Disember 2011 (RM juta)**



Berdasarkan profil komposisi portfolio pelaburan Ekuinas, pertumbuhan dalam nilai portfolio sebanyak RM304.9 juta bagi tahun ini dipacu oleh pelaburan baru berjumlah RM185.2 juta. Ini menunjukkan penambahan bersih dalam nilai saksama pelaburan berjumlah RM51.3 juta dan pendapatan yang direalisasikan berjumlah RM72.8 juta yang berpunca daripada pendapatan dividen. Peningkatan dalam nilai saksama yang tidak direalisasikan berpunca daripada peningkatan nilai saksama pelaburan Ekuinas di dalam syarikat persendirian berjumlah RM109.6 juta, namun sebahagiannya dipengaruhi oleh penguncupan nilai pasaran pelaburan di dalam syarikat tersenarai berjumlah RM58.3 juta.

### Prestasi Syarikat Portfolio

Ia merupakan satu tahun yang mencabar bagi syarikat-syarikat portfolio Ekuinas berikutan keadaan ekonomi dan pasaran global yang tidak menentu lalu menyebabkan persekitaran operasi yang menyulitkan di dalam negara. Pada tahun 2011, syarikat portfolio Ekuinas mencatatkan pertumbuhan hasil secara kolektif pada kadar 8.5% kepada lebih RM1 bilion dan pertumbuhan perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) (dan tidak termasuk sebarang perkara luar biasa) pada kadar 2.1% kepada RM231.9 juta.

**Rajah 4: Prestasi Syarikat Portfolio – Pendapatan dan EBITDA Bergabung**

|                           | Jumlah Pendapatan (RM juta) |         |               | Jumlah EBITDA (RM juta) |       |               |
|---------------------------|-----------------------------|---------|---------------|-------------------------|-------|---------------|
|                           | 2010                        | 2011    | Pertumbuhan % | 2010                    | 2011  | Pertumbuhan % |
| Jumlah Syarikat Portfolio | 924.8                       | 1,003.5 | 8.5%          | 227.1                   | 231.9 | 2.1%          |

Keputusan kewangan di atas tidak termasuk syarikat-syarikat yang diperoleh kurang daripada enam (6) bulan dari akhir tahun



## ULASAN PRESTASI PELABURAN

# ALLIANCE COSMETICS GROUP

**New**  
**Hi-Definition**  
Waterproof Mascara

**70%\*** Longer lashes | **10x\*** Thicker lashes

**Extra Fiber-Extender**  
Blade longer, thicker and more defined lashes

**Lash Nutrient Complex**  
Strengthens lashes from root to tip

**Dual action brush applicator**  
Magnifies your lashes to extreme clarity and definition

**Hi-Definition My Eyes!**

**New**  
**Hi-Definition**  
Gel Liner

Smooth and easy application  
Long-lasting definition  
Waterproof, resists sweat and smudge-proof

**New**  
**Hi-Definition**  
Brow Liner

**Angled-tip**

With angled-tip to shape and fill your brows with precision  
Super smooth and long-lasting  
With attached brow brush for easy blending

**IMPORTANT**  
The product is water proof. It can only be washed out with wet face. To use, gently rinse eye or steam face (avoid direct eye contact).

**SILKYGIRL**



### Butiran Urusniaga

|                          |   |
|--------------------------|---|
| Jenis Pelaburan          | : Pelaburan majoriti di dalam syarikat Malaysia yang mantap |
| Status                   | : Syarikat persendirian                                     |
| Sektor                   | : Barangan Pengguna Laris (FMCG)                            |
| Tarikh Perolehan         | : Januari 2010  |
| Modal Dilabur            | : RM39.9 juta   |
| Pemilikan                | : Efektif 20.0%   |
| Pelabur Bersama          | : Navis Capital Partners                                    |
| Jumlah Pelaburan Bersama | : RM119.6 juta  |



### Profil Syarikat

Syarikat kosmetik dan haruman pasaran umum yang terkemuka di Malaysia, Singapura dan Brunei. Syarikat memasarkan, mengedar dan menjual pelbagai jenama kosmetik dan produk kecantikan termasuk Silkygirl, Silky White, SG Men, Revlon, Pierre Fabre dan Elancyl. Jenama sendiri iaitu Silkygirl menguasai pasaran di Malaysia bagi rangkaian kosmetik untuk pasaran umum.

### Rasional Pelaburan

- Syarikat pertumbuhan tinggi dengan operasi di Malaysia, Singapura dan Brunei
- Pasukan pengurusan yang mantap dan terbukti
- Jenama tempatan yang terkemuka
- Peluang yang teguh untuk berkembang di rantau ini terutamanya di Indonesia

### Maklumat Utama Kewangan

|        | Diaudit<br>2010<br>(Indeks) | Belum<br>Diaudit<br>2011<br>(Indeks) | Pertumbuhan<br>% |
|--------|-----------------------------|--------------------------------------|------------------|
| Hasil  | 100.0                       | 104.9                                | 4.9%             |
| EBITDA | 100.0                       | 96.4                                 | -3.6%            |

\* bagi melindungi sensitiviti perniagaan pihak rakan pelabur, keputusan ACG dilaporkan dalam bentuk indeks

- Hasil ACG meningkat sebanyak 4.9%, manakala EBITDA menyusut pada kadar 3.6% berbanding tahun lalu disebabkan oleh kerugian permulaan yang dialami operasi Indonesia. Walau bagaimanapun, EBITDA meningkat sedikit pada kadar 3%.
- ACG terus menunjukkan pertumbuhan yang baik dari segi jualan terutama di dalam perdagangan moden tetapi dikekang oleh permintaan yang rendah daripada perdagangan am dan kos promosi yang lebih tinggi.
- Pengembangan operasi ke Indonesia terus berkembang maju di mana produk Silkygirl kini dijual di lebih 11,000 saluran pengedaran di seluruh negara, manakala di Malaysia pula, syarikat telah berjaya melancarkan himpunan produk dandanan lelaki di bawah jenama SG Men.



## ULASAN PRESTASI PELABURAN

# TANJUNG OFFSHORE BERHAD





### Butiran Urusniaga

|                  |  |
|------------------|--|
| Jenis Pelaburan  | : Pelaburan modal pertumbuhan di dalam Syarikat Bumiputera |
| Status           | : Syarikat Tersenarai                                      |
| Sektor           | : Minyak dan Gas (O&G)                                     |
| Tarikh Perolehan | : Julai 2010   |
| Modal Dilabur    | : RM99.8 juta  |
| Pemilikan        | : 24.0%  |



### Profil Syarikat

Salah sebuah syarikat penyedia perkhidmatan minyak dan gas (O&G) luar pesisir tempatan terkemuka yang memiliki dan mengendalikan 16 kapal bekalan luar pesisir, dan menyediakan perkhidmatan tenaga kerja, perkhidmatan kejuruteraan dan penyelenggaraan, serta menjual dan mengilang peralatan untuk industri O&G luar pesisir.

### Rasional Pelaburan

- Sektor O&G yang pesat berkembang
- Syarikat Bumiputera tempatan dengan pengalaman luas di dalam sektor O&G
- Keupayaan unik menawarkan penyelesaian ujian telaga dan *marginal field*

### Maklumat Utama Kewangan

|                   | Diaudit<br>2010<br>RM juta | Belum<br>Diaudit<br>2011<br>RM juta | Pertumbuhan<br>% |
|-------------------|----------------------------|-------------------------------------|------------------|
| Hasil             | 406.8                      | 497.6                               | 22.3%            |
| EBITDA sebelum EI | 84.8                       | 90.4                                | 6.7%             |
| PAT sebelum EI    | 15.1                       | 10.4                                | -31.1%           |
| PAT selepas EI    | 6.8                        | -55.4                               | <-100%           |

EI: Perkara Luar Biasa

- Hasil pendapatan TOFF meningkat sebanyak 22.3% dipacu oleh penggunaan kapal yang tinggi oleh segmen perniagaan marin disebabkan peningkatan aktiviti industri O&G domestik.
- Walau bagaimanapun, margin yang lebih rendah dalam segmen kejuruteraan, peralatan, penyelenggaraan dan perkhidmatan menyebabkan EBITDA sebelum EI hanya meningkat sebanyak 6.7%. Peruntukan lanjut hutang ragu, prabayar dan kos penutupan anak syarikat di UK mengakibatkan kerugian yang ketara ditanggung oleh segmen perniagaan bukan marin dan seterusnya mengakibatkan kumpulan menanggung kerugian selepas cukai berjumlah RM55.4 juta.
- TOFF kini sedang menjalankan aktiviti penstrukturan semula dan rasionalisasi komprehensif syarikat untuk memulihkan segmen perniagaan bukan marin dan memberi semula tumpuan kepada aktiviti supaya dapat memanfaatkan peluang di dalam sektor O&G.



## ULASAN PRESTASI PELABURAN

# KONSORTIUM LOGISTIK BERHAD



### Butiran Urusniaga

|                  |   |
|------------------|---|
| Jenis Pelaburan  | : Pelaburan majoriti di dalam syarikat Malaysia yang mantap |
| Status           | : Syarikat Tersenarai                                       |
| Sektor           | : Perkhidmatan  |
| Tarikh Perolehan | : Oktober 2010  |
| Modal Dilabur    | : RM241.0 juta  |
| Pemilikan        | : 61.6%   |



### Profil Syarikat

Syarikat penyedia perkhidmatan logistik bersepadu dengan perkhidmatan yang merangkumi pengangkutan kontena, pengangkutan pukal kering, pergudangan dan pengedaran, penghantaran kargo dan pelepasan kastam. Syarikat juga merupakan pakar dalam penyediaan penyelesaian logistik bagi sektor automotif dan pengangkutan arang batu.

### Rasional Pelaburan

- Syarikat penyedia perkhidmatan logistik bersepadu yang terkenal dengan kedudukan pasaran yang kukuh, khususnya dalam bidang automotif, perkapalan arang batu dan pengangkutan
- Peluang untuk merealisasi nilai daripada Lembaran Imbangan yang tidak dimaksimumkan
- Keupayaan menjana aliran tunai yang kukuh

### Maklumat Utama Kewangan

|                   | Diaudit<br>2010<br>RM juta | Belum<br>Diaudit<br>2011<br>RM juta | Pertumbuhan<br>% |
|-------------------|----------------------------|-------------------------------------|------------------|
| Hasil             | 294.4                      | 258.7                               | -12.1%           |
| EBITDA sebelum EI | 67.4                       | 56.6                                | -16.1%           |
| PAT sebelum EI    | 33.0                       | 25.3                                | 23.5%            |
| PAT selepas EI    | -26.4                      | 26.0                                | >100%            |


EI: Perkara Luar Biasa

- Hasil dan EBITDA sebelum EI masing-masing menyusut sebanyak 12.1% dan 16.1%, disebabkan oleh kelewatan memperoleh kontrak projek logistik, serta persekitaran pasaran yang mencabar dalam industri automotif domestik.
- Sebahagian daripada kesan ini dikurangkan oleh peningkatan prestasi operasi dalam bahagian pengangkutan yang dipacu oleh penjimatan daripada kecekapan kos. Hasilnya, untung selepas cukai meningkat dengan ketara kepada RM26.0 juta pada tahun 2011 berbanding kerugian yang dialami pada tahun 2010 memandangkan keputusan tahun lepas terjejas oleh peruntukan dan hapus kira yang tidak berulang.
- Nilai dan aliran tunai yang ketara dijana daripada proses pelupusan pelaburan aset bukan teras dengan jumlah dividen yang diumumkan kepada para pemegang saham berjumlah RM100 juta bagi tahun 2011.



## ULASAN PRESTASI PELABURAN

# KUMPULAN PENDIDIKAN APIIT



### Butiran Urusniaga

|                  |   |
|------------------|---|
| Jenis Pelaburan  | : Pemerolehan aset bukan teras daripada PLC |
| Status           | : Syarikat persendirian                     |
| Sektor           | : Pendidikan                                |
| Tarikh Perolehan | : Februari 2011                             |
| Modal Dilabur    | : RM102.0 juta                              |
| Pemilikan        | : 51.0%                                     |



### Profil Syarikat

Syarikat penyedia pendidikan terkenal yang menyediakan pendidikan di peringkat rendah, menengah serta pengajian tinggi. Kolej Universiti APIIT/UCTI yang telah banyak memenangi anugerah, menawarkan program-program bermutu tinggi khususnya di bidang Teknologi, Kejuruteraan dan Perniagaan bagi pelajar tempatan dan asing.

### Rasional Pelaburan

- Pasukan pengurusan yang mantap dengan rekod prestasi pencapaian pertumbuhan yang terbukti
- Platform teguh untuk meningkatkan penglibatan Ekuinas di dalam industri pendidikan yang pesat berkembang
- Potensi tinggi untuk mengembangkan operasi dan menambah bilangan pelajar

### Maklumat Utama Kewangan

|        | Diaudit<br>2010<br>RM juta | Belum<br>Diaudit<br>2011<br>RM juta | Pertumbuhan<br>% |
|--------|----------------------------|-------------------------------------|------------------|
| Hasil  | 95.7                       | 112.9                               | 18.0%            |
| EBITDA | 35.8                       | 47.0                                | 31.6%            |

- Pertumbuhan hasil dan EBITDA yang kukuh, masing-masing sebanyak 18.0% dan 31.6%, dipacu oleh peningkatan bilangan pelajar di peringkat kolej universiti dan sekolah swasta. APIIT/UCTI dan Sapura Smart School kini masing-masing mempunyai lebih 9,000 dan 1,000 orang pelajar.
- Program pengembangan kapasiti bagi APIIT/UCTI sedang dilaksanakan di mana tanah untuk pembangunan kampus baru di Taman Teknologi Malaysia telah diperolehi.
- Kumpulan Pendidikan APIIT akan mengukuhkan lagi asas pendapatannya melalui penembusan pasaran bagi pelajar tempatan, menerokai pasaran antarabangsa baru bagi merangsang pengambilan pelajar asing dan potensi untuk memperkenalkan kursus-kursus baru.

ULASAN PRESTASI PELABURAN

# COSMO RESTAURANTS SDN BHD DAN LYNDARAHIM VENTURES SDN BHD



## SAN FRANCISCO COFFEE



### Butiran Urusniaga

### COSMO RESTAURANTS SDN BHD

### LYNDARAHIM VENTURES SDN BHD

|                  |  |  |
|------------------|--|--|
| Jenis Pelaburan  | : Pelaburan modal pertumbuhan di dalam Syarikat Malaysia | Pelaburan modal pertumbuhan di dalam Syarikat Bumiputera |
| Status           | : Syarikat persendirian                                  | Syarikat persendirian                                    |
| Sektor           | : Peruncitan – F&B                                       | Peruncitan – F&B   |
| Tarikh Perolehan | : September 2011   | September 2011   |
| Modal Dilabur    | : RM68.2 juta  | RM15.0 juta  |
| Pemilikan        | : 74.1%  | 90.0%  |

### Profil Syarikat

#### – Cosmo Restaurants Sdn Bhd

Cosmo Restaurants Sdn Bhd (Cosmo) telah ditubuhkan pada tahun 1997 sebagai francais tempatan dengan hak untuk membangunkan jenama Burger King® di Semenanjung Malaysia, tidak termasuk KLIA. Kini, syarikat memiliki dan menguruskan 27 cawangan di Malaysia.

#### – Lyndarahim Ventures Sdn Bhd

Lyndarahim Ventures Sdn Bhd memiliki dan menguruskan San Francisco Coffee, jenama yang telah diasaskan pada tahun 1997 untuk menjual kopi premium yang dibru, minuman panas dan sejuk berasaskan espresso dan makanan kafe seperti sandwic, pastri dan kudapan di Malaysia. Kini, syarikat mempunyai 22 cawangan di Malaysia dan Singapura, di mana 6 daripadanya telah difrancais.

### Rasional Pelaburan

- Pelaburan di dalam francais Malaysia dengan jenama global yang teguh serta jenama mantap yang telah dibangunkan dalam negara
- Pelaburan di dalam industri F&B, yang sedang berkembang, dipacu oleh pertumbuhan dalam perbelanjaan pengguna
- Menyediakan platform untuk membina salah sebuah kumpulan F&B yang terbesar dalam negara

### Maklumat Utama Kewangan

Pelaburan di dalam Cosmo Restaurants Sdn Bhd dan Lyndarahim Ventures Sdn Bhd disempurnakan kurang daripada enam (6) bulan sebelum tahun berakhir. Oleh itu, maklumat utama kewangan syarikat hanya akan dibentangkan pada tahun 2012.





## ULASAN PRESTASI PELABURAN

# KUMPULAN REVENUE VALLEY





### Butiran Urusniaga

- Jenis Pelaburan : Pelaburan majoriti di dalam syarikat Malaysia yang mantap
- Status : Syarikat persendirian
- Sektor : Peruncitan – Makanan dan minuman (F&B)
- Tarikh Perolehan : Januari 2012
- Modal Dilabur : RM64.7 juta
- Pemilikan : 85.7%



### Profil Syarikat

Syarikat pelaburan yang beribu pejabat di Malaysia ini memiliki Manhattan Fish Market, francais Tony Roma's di Malaysia dan francais Popeyes di Malaysia dan Singapura.

### Rasional Pelaburan

- Pelaburan dalam syarikat F&B yang mantap dengan tiga jenama yang amat berpotensi
- Menyediakan kehadiran serantau segera dengan operasi rangkaian di Malaysia, Singapura dan Thailand
- Kumpulan pengurusan yang kukuh dan berpengalaman
- Memberi platform lanjutan kepada rancangan keseluruhan Ekuinas untuk membina salah sebuah kumpulan F&B yang terbesar dengan pelbagai portfolio

### Maklumat Utama Kewangan

Pelaburan di dalam Kumpulan Revenue Valley telah dipersetujui pada November 2011 dan dimuktamadkan pada awal 2012.

Selaras dengan itu, maklumat utama kewangan bagi Kumpulan Revenue Valley hanya akan disediakan pada tahun 2012 dan tidak dimuatkan di dalam keputusan kewangan Ekuinas bagi tahun 2011.





## ULASAN PRESTASI PELABURAN

# KUMPULAN COSMOPOINT



**cosmopoint**  
COLLEGE OF TECHNOLOGY



Kuala Lumpur Metropolitan  
University College

### Butiran Urusniaga

|                  |   |
|------------------|---|
| Jenis Pelaburan  | : Pelaburan majoriti di dalam syarikat Malaysia yang mantap |
| Status           | : Syarikat persendirian                                     |
| Sektor           | : Pendidikan  |
| Tarikh Perolehan | : Mac 2012  |
| Modal Dilabur    | : RM246.0 juta  |
| Pemilikan        | : 90.0%   |



### Profil Syarikat

Kumpulan Cosmopoint memiliki dua institusi pendidikan swasta pasaran umum iaitu Kuala Lumpur Metropolitan University College dan Cosmopoint International College of Technology yang menyediakan kursus peringkat ijazah dan diploma, serta latihan ICT, dengan jumlah pelajar berdaftar seramai 11,000 orang di 13 kampus di seluruh negara.

### Rasional Pelaburan

- Pelaburan di dalam salah sebuah kumpulan pendidikan yang menunjukkan keuntungan yang tinggi dan mempunyai rekod prestasi pertumbuhan yang kukuh
- Meningkatkan penglibatan di dalam industri pendidikan yang pesat berkembang
- Menyediakan platform lanjut bagi rancangan Ekuinas untuk membina satu daripada kumpulan pendidikan yang terbesar di Malaysia

### Maklumat Utama Kewangan

Pelaburan di dalam Kumpulan Cosmopoint ini telah dipersetujui pada November 2011 dan dimuktamadkan pada bulan Mac 2012.

Selaras dengan itu, maklumat utama kewangan bagi Kumpulan Cosmopoint hanya akan disediakan pada tahun 2012 dan tidak dimuatkan di dalam keputusan kewangan Ekuinas bagi tahun 2011.



## ULASAN PRESTASI PELABURAN

### 2 EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE 1) FUND

#### Tinjauan Dana

EkuiNAS Outsourced (Tranche 1) Fund telah ditubuhkan pada tahun 2011 dengan modal terikat berjumlah RM400 juta yang diperuntukkan untuk diurus dan dilabur oleh pengurus dana ekuiti persendirian pihak ketiga (OFM) yang terpilih. Dana ini mempunyai tempoh pelaburan antara tiga (3) hingga enam (6) tahun di dalam syarikat-syarikat yang berada di peringkat pertumbuhan di Malaysia.

Ia diwujudkan sebagai dana modal pertumbuhan di mana 70% daripada modalnya perlu diperuntukkan bagi pelaburan kepentingan minoriti di dalam syarikat-syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi. OFM terpilih dikehendaki mengumpul modal minimum sebanyak 20% daripada saiz Jumlah Dana daripada sumber swasta, selaras dengan seruan Kerajaan untuk menggalakkan perkongsian awam-swasta.

|  |  |
|--|--|
| <b>Nama Dana</b>                             | ● <b>EkuiNAS Outsourced (Tranche 1) Fund</b>   |
| <b>Tahun Permulaan (<i>Vintage Year</i>)</b> | ● 2011   |
| <b>Modal Terikat</b>                         | ● RM400 juta   |
| <b>Tempoh</b>                                | ● 6 Tahun (+ 1 Tahun)  |
| <b>Tempoh Pelaburan</b>                      | ● 3 hingga 6 Tahun   |
| <b>Bentuk &amp; Struktur Rasmi</b>           | ● Satu pengurus dana dan pelbagai pelabur. Disumber luar kepada dana/pengurus dana berikut:<br><ol style="list-style-type: none"> <li>1) Dana: Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P.<br/>Pengurus Dana: Navis MGO 1 GP Ltd<br/>Domisil Dana: Kepulauan Cayman</li> <li>2) Dana: CIMB National Equity Fund Ltd. P.<br/>Pengurus Dana: CIMB General Partner Ltd<br/>Domisil Dana: Labuan</li> <li>3) Dana: MK-One Fund (Labuan) Limited<br/>Pengurus Dana: Kuwait Finance House (Labuan) Berhad<br/>Domisil Dana: Labuan</li> </ol> |
| <b>Tumpuan Pelaburan</b>                     | ● Malaysia   |
| <b>Tumpuan Pelaburan mengikut Peringkat</b>  | ● Dana Modal Pertumbuhan   |
| <b>Tumpuan Pelaburan mengikut Industri</b>   | ● Am kecuali sektor-sektor terlarang EkuiNAS   |

Pada tahun ini, Dana ditutup secara muktamad dengan jumlah komitmen dana sebanyak RM543.6 juta, justeru, memperluaskan lagi penyertaan daripada para pelabur swasta.

#### Rajah 5: Komitmen Modal Dana

|                        | Tarikh Penutupan Pertama | Tarikh Penutupan Akhir | Saiz Dana RM juta | Komitmen Modal Ekuinas RM juta | Modal Swasta RM juta |
|------------------------|--------------------------|------------------------|-------------------|--------------------------------|----------------------|
| OFM:                   |                          |                        |                   |                                |                      |
| Navis Capital Partners | 1-Dis-10                 | 18-Apr-11              | 543.57            | 400.00                         | 143.57               |
| CIMB Private Equity    | 12-Jan-11                | 11-Jul-11              |                   |                                |                      |
| KFH Asset Management   | 1-Dis-10                 | 31-Mei-11              |                   |                                |                      |

*Nota: RM88 juta daripada jumlah RM143.6 juta adalah modal asing*

#### Aktiviti-Aktiviti Pelaburan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011, Dana telah melaksana dan menyempurnakan satu (1) pelaburan berjumlah RM11.8 juta. Bersama-sama modal yang dilaburkan oleh rakan pelabur sebanyak RM5.2 juta, Ekuinas telah membantu kepada kemasukan modal ke dalam ekonomi negara sebanyak RM17.0 juta.

#### Rajah 6: Aktiviti pelaburan yang dilaksanakan

| Nama   | Sektor                      | Kepentingan % | Pelaburan Komited RM juta | Pelaburan Komited oleh Pihak Lain RM juta | Kemasukan Modal Ekonomi RM juta | Pelaburan Dilaksanakan oleh Ekuinas RM juta |       |
|--|-----------------------------|---------------|---------------------------|---|---------------------------------|---|-------|
| Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P. |                             |               |                           |   |                                 |   |       |
| 1  | <b>Atelier Asia Sdn Bhd</b> | FMCG          | 70.30%                    | 11.83                                     | 5.17                            | 17.00                                       | 11.83 |
| Jumlah bagi tahun 2011                           |                             |               |                           | 11.83                                     | 5.17                            | 17.00                                       | 11.83 |

## ULASAN PRESTASI PELABURAN

### Nilai Aset Bersih (NAB) Dana pada 31 Disember 2011

|   | 2010<br>RM juta | Perubahan<br>pada tahun<br>2011<br>RM juta | 2011<br>RM juta  |
|---|-----------------|--|------------------|
| Modal Dilabur <sup>1</sup>                              | 20.44           | 3.91                                       | 24.35            |
| Tolak pengurangan kepada Nilai Aset Bersih:             |                 |  |                  |
| Kerugian Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan | –               | (8.39)                                     | (8.39)           |
| Jumlah Perbelanjaan Operasi                             | (0.14)          | (1.97)                                     | (2.11)           |
| Pengurangan Bersih dalam Nilai Aset Bersih              | (0.14)          | (10.36)                                    | (10.50)          |
| Nilai Aset Bersih                                       | 20.30           | (6.45)                                     | 13.85            |
| Nilai Aset Bersih merangkumi:                           |                 |  |                  |
| Pelaburan – pada kos <sup>1</sup>                       | 20.08           | 2.18                                       | 22.26            |
| Kerugian Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan | –               | (8.39)                                     | (8.39)           |
| Pelaburan dibawa pada Nilai Saksama                     | 20.08           | (6.21)                                     | 13.87            |
| Tambah: Modal kerja                                     | 0.22            | (0.24)                                     | (0.02)           |
| Bersamaan Nilai Aset Bersih                             | 20.30           | (6.45)                                     | 13.85            |
| IRR Kasar   | N/A             |  | N/A <sup>2</sup> |
| Net IRR   | N/A             |  | N/A <sup>2</sup> |

<sup>1</sup> Nilai adalah termasuk pelaburan yang dimuktamadkan sebanyak RM11.83 juta dan modal dilabur bagi fi pengurusan dan perbelanjaan operasi lain oleh Dana

<sup>2</sup> Dana ini baru memulakan operasi dan hanya mempunyai satu pelaburan setakat ini. Fi pengurusan dan perbelanjaan operasi lain adalah ketara pada peringkat awal Dana dan menghasilkan IRR kasar dan bersih Dana yang tidak bermakna

Ekuias Outsourced (Tranche 1) Fund memulakan operasinya pada awal 2011. Sebanyak RM24.3 juta daripada modal terikat Ekuias yang berjumlah RM400 juta telah dilaburkan sehingga akhir tahun, di mana RM22.3 juta daripada jumlah ini telah dilaburkan di dalam dana penyumberan luar pada akhir tahun. Modal yang dilaburkan sebahagian besarnya diperuntukkan kepada Navis MGO Fund yang mengendalikan pelaburan tunggal yang dilaksanakan sepanjang tahun ini dalam Atelier Asia Sdn Bhd (Atelier).

Prestasi Dana bagi tahun ini dipengaruhi oleh perbelanjaan fi pengurusan dan kos korporat lain yang dikenakan sepanjang tahun ini. Ini telah menghasilkan pengurangan nilai aset bersih dana daripada RM20.3 juta kepada RM13.9 juta.

### Rajah 7: Prestasi Portfolio pada 31 Disember 2011

| Syarikat  | Tarikh Pelaburan | Kepentingan % | Kos Pelaburan RM juta | Nilai saksama RM juta | Pulangan Kasar Portfolio RM juta | IRR Kasar %      |
|---|------------------|---------------|-----------------------|-----------------------|----------------------------------|------------------|
| <b>Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P.</b> |                  |               |                       |                       |                                  |                  |
| Atelier   | 28-Mac-11        | 70.30         | 17.00                 | 17.00 <sup>1</sup>    | –                                | N/A <sup>2</sup> |

<sup>1</sup> Pelaburan ini masih dibawa pada harga kos kerana ia dalam tempoh permulaan pelaburan

<sup>2</sup> Dana ini baru memulakan operasi dan hanya mempunyai satu pelaburan setakat ini. Fi pengurusan dan perbelanjaan operasi lain adalah ketara pada peringkat awal Dana dan menghasilkan IRR kasar dan bersih Dana yang tidak bermakna

## Syarikat Portfolio

### ATELIER ASIA SDN BHD

Pada tahun ini, Dana ini telah melaksanakan pelaburan pertama menerusi Navis MGO Fund memperoleh kepentingan ekuiti sebanyak 70.3% di dalam Atelier, sebuah kumpulan syarikat yang menjual pelbagai produk gaya hidup dan penjagaan bayi premium terkemuka. Antara produk yang diedar oleh Atelier termasuk Wrangler, produk barangan bayi Philips Avent, Mattel, kasut Crocs, pakaian Winx Club dan kereta sorong bayi Maclaren.



## PROFIL OFM YANG DILANTIK

Profil ringkas OFM yang dilantik bagi Ekuinas Outsourced (Tranche 1) Fund adalah seperti berikut.

### Navis Capital Partners

Navis ditubuhkan pada tahun 1998 untuk membuat pelaburan ekuiti persendirian menerusi *buy-out* yang berorientasikan pertumbuhan di Asia Selatan dan Asia Tenggara. Firma ini menyumbangkan modal dan kepakaran pengurusan kepada beberapa syarikat yang mantap dengan matlamat untuk meningkatkan prestasi strategik, operasi dan kewangan syarikat. Firma ini memberi tumpuan kepada syarikat di Asia, terutamanya Asia Selatan dan Asia Tenggara, di mana prinsipal-prinsipal Navis telah lama berada di sini. Firma ini mengurus modal terikat berjumlah kira-kira AS\$3 bilion.



### CIMB Private Equity

CIMB Private Equity & Venture Capital ialah salah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian dan modal teroka terkemuka di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan lebih RM900 juta dengan 9 dana yang mempunyai mandat berbeza. Dengan tumpuan kepada peluang pelaburan jangka sederhana dan panjang di Malaysia dan bahagian lain ASEAN, ia kini mempunyai pelaburan di dalam syarikat-syarikat pelbagai industri termasuk pembuatan, peruncitan, pendidikan, perkhidmatan, pertanian dan teknologi.



### KFH Asset Management

KFH Asset Management Sdn Bhd adalah anak syarikat milik penuh Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad yang menyediakan perkhidmatan pengurusan aset dan dana meliputi ekuiti persendirian, pelaburan alternatif dan amanah saham. Dana ini beroperasi sebagai entiti bebas dan mempunyai pasukan pengurus dana tempatan yang amat berpengalaman dengan rekod prestasi yang kukuh di dalam industri Ekuiti Persendirian (PE) serantau. Pada tahun 2008, dana ekuiti persendirian sulungnya yang tertumpu kepada rantau Asia Pasifik, Al-Faiz Fund I Ltd, telah berjaya dilancarkan, dengan menarik modal terikat sebanyak AS\$97 juta.



## ULASAN PRESTASI PELABURAN

### 3 EKUINAS DIRECT & OUTSOURCED (TRANCHE 1) FUND

#### Tinjauan Dana

Dana yang digabungkan ini mewakili kedudukan kewangan dana Pelaburan Langsung dan dana Penyumberan Luar yang digabungkan. Ekuinas Direct (Tranche 1) Fund telah ditubuhkan pada tahun 2010 dengan dana terikat sebanyak RM1.0 bilion, manakala Ekuinas Outsourced (Tranche 1) Fund telah ditubuhkan pada tahun 2011 dengan dana terikat sebanyak RM400 juta.

#### Aktiviti-Aktiviti Pelaburan

Sejak penubuhan, Dana telah melaksanakan sembilan (9) pelaburan berjumlah RM903.4 juta dan berjaya memuktamadkan tujuh (7) pelaburan sebanyak RM577.7 juta. Menerusi pelaburan-pelaburan ini, Dana telah berjaya membantu kemasukan modal ke dalam ekonomi negara melebihi RM1.0 bilion sehingga kini.

#### Rajah 8: Aktiviti-aktiviti pelaburan yang dilaksanakan

|      | Nama Dana                           | Bilangan Pelaburan | Pelaburan Komited RM juta | Pelaburan Komited oleh Pihak Lain RM juta | Kemasukan Modal Ekonomi RM juta | Pelaburan Dimuktamadkan oleh Ekuinas RM juta |
|------|-------------------------------------|--------------------|---------------------------|---|---------------------------------|--|
| 2011 | Ekuinas Direct (Tranche 1) Fund     | 8                  | 891.55                    | 119.64                                    | 1,011.19                        | 565.85                                       |
|      | Ekuinas Outsourced (Tranche 1) Fund | 1                  | 11.83                     | 5.17                                      | 17.00                           | 11.83  |
|      | <b>Jumlah</b>                       | <b>9</b>           | <b>903.38</b>             | <b>124.81</b>                             | <b>1,028.19</b>                 | <b>577.68</b>                                |
| 2010 | Ekuinas Direct (Tranche 1) Fund     | 4                  | 482.64                    | 119.64                                    | 602.28                          | 380.64                                       |
|      | Ekuinas Outsourced (Tranche 1) Fund | -                  | -                         | -   | -                               | -  |
|      | <b>Jumlah</b>                       | <b>4</b>           | <b>482.64</b>             | <b>119.64</b>                             | <b>602.28</b>                   | <b>380.64</b>                                |

#### Nilai Aset Bersih (NAB) Dana pada 31 Disember 2011

|  | 2010<br>RM juta | Perubahan<br>pada tahun<br>2011<br>RM juta | 2011<br>RM juta |
|--|-----------------|--|-----------------|
| Modal Dilabur <sup>1</sup>                                       | 423.97          | 171.44                                     | 595.41          |
| Campur pertambahan kepada Nilai Aset Bersih:                     |                 |  |                 |
| Pendapatan Dividen   | 23.82           | 72.78                                      | 96.60           |
| Keuntungan belum direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan        | 31.51           | 42.96                                      | 74.47           |
| Perbelanjaan Faedah  | (0.86)          | (4.50)                                     | (5.36)          |
| Jumlah Pulangan Kasar Portfolio                                  | 54.47           | 111.24                                     | 165.71          |
| Tolak pengurangan kepada Nilai Aset Bersih:                      |                 |  |                 |
| Jumlah Perbelanjaan Operasi                                      | (31.15)         | (43.89)                                    | (75.04)         |
| Pertambahan Bersih dalam Nilai Aset Bersih                       | 23.32           | 67.35                                      | 90.67           |
| <b>Nilai Aset Bersih</b>   | <b>447.29</b>   | <b>238.79</b>                              | <b>686.08</b>   |
| Nilai Pertambahan Bersih merangkumi:                             |                 |  |                 |
| Pelaburan – pada kos <sup>1</sup>                                | 400.72          | 187.39                                     | 588.11          |
| Keuntungan belum direalisasi bersih atas Nilai Saksama Pelaburan | 31.51           | 42.96                                      | 74.47           |
| Pelaburan  |                 |  |                 |
| Pelaburan dibawa pada Nilai Saksama                              | 432.23          | 230.35                                     | 662.58          |
| Tambah: Modal kerja  | 15.06           | 8.44                                       | 23.50           |
| <b>Bersamaan Nilai Aset Bersih</b>                               | <b>447.29</b>   | <b>238.79</b>                              | <b>686.08</b>   |
| IRR Kasar  | 53.07%          |  | 32.30%          |
| IRR Bersih (sebelum pembahagian keuntungan)                      | 20.77%          |  | 20.56%          |

<sup>1</sup> Ini termasuk modal yang digunakan bagi pelaburan yang telah dimuktamadkan, fi pengurusan dan perbelanjaan operasi lain untuk Dana Penyumberan Luar



Sepanjang tahun ini, dana modal berjumlah RM171.4 juta telah dilabur oleh dana gabungan Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar bagi pelaburan di dalam Kumpulan Pendidikan APIIT, Cosmo Restaurants Sdn Bhd dan Lyndarahim Ventures Sdn Bhd, pembayaran serta perbelanjaan pengurusan kepada OFM, yang menjadikan jumlah modal kumulatif yang dilabur berjumlah RM595.4 juta pada akhir tempoh pelaporan.

Berdasarkan pelaburan yang telah dimuktamadkan setakat 31 Disember 2011, Dana ini telah berjaya mencapai pulangan kasar portfolio berjumlah RM165.7 juta, di mana RM96.6 juta daripada jumlah tersebut telah direalisasikan melalui pendapatan dividen.

Ini bersamaan dengan Kadar Pulangan Dalamann (IRR) kasar tahunan sebanyak 32.3%, dan IRR bersih pada paras 20.6%, setelah ditolak fi pengurusan yang perlu dibayar kepada Ekuinas. Pulangan ini lebih rendah daripada yang dicatatkan pada tahun 2010 kerana dipengaruhi oleh tempoh pelaburan yang singkat, tetapi masih melebihi sasaran IRR minimum pada paras 12% dan sasaran aspirasi 20%.

Selaras dengan itu, nilai aset bersih Dana melonjak sebanyak 53.4% daripada RM447.3 juta kepada RM686.1 juta.

## PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL

Bagi tahun dalam tinjauan, Ekuinas terus menunjukkan kemajuan yang mantap dari segi pencapaian objektif sosial untuk menambah penyertaan Bumiputera secara saksama merentasi empat dimensi utama, iaitu pemilikan ekuiti, peningkatan kumpulan pengurusan, penambahan peluang pekerjaan dan penambahbaikan rantaian bekalan.

Melalui pelaburan yang dilaksanakan sehingga akhir 2011, Ekuinas telah berjaya membantu meningkatkan ekuiti Bumiputera sebanyak RM806.5 juta, atau 1.4 kali ganda jumlah modal yang dilaburkan oleh Syarikat. Ini menandakan penambahbaikan yang menggalakkan berbanding peningkatan nilai sebanyak RM483.2 juta atau 1.28 kali ganda modal dilabur yang dicatatkan semasa tahun pertama Syarikat beroperasi pada tahun lalu.

Pada masa yang sama, pelaburan Ekuinas telah membantu meningkatkan jumlah nilai ekonomi bagi semua pemegang saham sebanyak RM986.2 juta atau 1.7 kali ganda jumlah modal yang dilaburkan oleh Syarikat. Ini mencerminkan kesan positif ke atas semua rakyat Malaysia hasil pembabitan Ekuinas di dalam syarikat-syarikat portfolio.

Rajah 9: Nilai Ekuiti Bumiputera dan Nilai Ekonomi

| 2011             | Bumiputera                     |                   |                  |                              | Jumlah Syarikat                    |                   |                  |                            |
|------------------|--------------------------------|-------------------|------------------|------------------------------|------------------------------------|-------------------|------------------|----------------------------|
|                  | Jumlah bagi Syarikat Portfolio | Sebelum Kemasukan | Pada 31 Dis 2011 | Peningkatan Nilai Bumiputera | Gandaan bagi Modal Dilabur Ekuinas | Sebelum Kemasukan | Pada 31 Dis 2011 | Nilai Ekonomi yang Dicipta |
| Pemilikan Ekuiti | 473.5                          | 1,043.6           | 806.5            | 1.40x                        | 1,108.4                            | 1,425.5           | 986.2            | 1.71x                      |
| 2010             | Bumiputera                     |                   |                  |                              | Jumlah Syarikat                    |                   |                  |                            |
|                  | Jumlah bagi Syarikat Portfolio | Sebelum Kemasukan | Pada 31 Dis 2011 | Peningkatan Nilai Bumiputera | Gandaan bagi Modal Dilabur Ekuinas | Sebelum Kemasukan | Pada 31 Dis 2011 | Nilai Ekonomi yang Dicipta |
| Pemilikan Ekuiti | 313.1                          | 726.0             | 483.2            | 1.28x                        | 865.7                              | 1,066.7           | 582.1            | 1.53x                      |

## ULASAN PRESTASI PELABURAN

Selanjutnya, pada 31 Disember 2011, enam (6) syarikat portfolio Ekuinas dan satu (1) syarikat di bawah Pengurus Dana Penyumberan Luar, secara kolektifnya telah menyediakan peluang pekerjaan kepada 3,480 kakitangan di mana sebanyak 76% daripada jumlah ini adalah Bumiputera. Ini mewakili peningkatan kepada paras pekerjaan yang menggalakkan sebanyak 12% berbanding sebelum kemasukan Ekuinas.

Syarikat portfolio Ekuinas setakat ini menyediakan pekerjaan kepada sekumpulan 101 pengurus, di mana sebanyak 45% daripada jumlah ini adalah Bumiputera. Melangkah ke hadapan, Ekuinas berharap dapat mengembangkan lagi kumpulan pengurusan dan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada semua warga Malaysia menerusi perkembangan syarikat-syarikat portfolio.


**Rajah 10: Syarikat Portfolio – Pengurusan dan Kakitangan**

| 2011       | Bilangan Kakitangan Bumiputera | Keseluruhan Kakitangan | % Bumiputera berbanding Keseluruhan Kakitangan 2011 | Peningkatan daripada Kemasukan Ekuinas |
|------------|--------------------------------|------------------------|---|--|
| Pengurusan | 45                             | 101                    | 44.6%   | 12.5%                                  |
| Kakitangan | 2,647                          | 3,480                  | 76.1%   | 12.4%                                  |
| 2010       | Bilangan Kakitangan Bumiputera | Keseluruhan Kakitangan | % Bumiputera berbanding Keseluruhan Kakitangan 2011 | Peningkatan daripada Kemasukan Ekuinas |
| Pengurusan | 19                             | 42                     | 45.2%   | 11.8%                                  |
| Kakitangan | 1,565                          | 1,861                  | 83.9%   | 4.1%                                   |

## EKUITI NASIONAL BERHAD – SYARIKAT PENGURUS DANA

EkuiNAS telah ditubuhkan sebagai syarikat pengurus dana yang berperanan mengurus dana yang diperuntukkan oleh Yayasan Ekuiti Nasional (YEN) kepada EkuiNAS Capital Sdn Bhd (E-Cap), yang merupakan sebuah syarikat modal dana.

Pengaturan pengurusan dana ini tertakluk kepada Perjanjian Pengurusan Dana Global (GFMA) yang ditandatangani oleh EkuiNAS, YEN dan E-Cap. Di bawah GFMA, EkuiNAS dibayar fi pengurusan sebagai sebahagian daripada keuntungan pelaburan selepas direalisasi. Fi pengurusan yang diterima secara amnya digunakan oleh EkuiNAS untuk menampung perbelanjaan operasinya (OPEX). Justeru itu, EkuiNAS sendiri tidak akan mencatat tahap keuntungan operasi yang tinggi.



Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011, EkuiNAS dibayar fi pengurusan berjumlah RM22.0 juta sebagai ganjaran melaksanakan pengurusan dana bagi pihak E-Cap iaitu EkuiNAS Direct (Tranche 1) Fund dan EkuiNAS Outsourced (Tranche 1) Fund. Ini menghasilkan keuntungan selepas cukai (PAT) sebanyak RM4.3 juta selepas ditolak perbelanjaan operasi (OPEX) berjumlah RM20.5 juta, berbanding tahun kewangan lalu di mana Syarikat mencatat PAT sebanyak RM3.4 juta selepas OPEX berjumlah RM17.9 juta.

OPEX yang ditanggung sebahagian besarnya digunakan untuk membayar gaji, kos penghunian, kos urusniaga dan pembinaan kepercayaan. Ini bersamaan dengan nisbah OPEX kepada Dana di bawah Pengurusan (FuM) pada kadar 1.5%, yang setara, bahkan mungkin lebih baik daripada penanda aras yang ditetapkan oleh agensi pelaburan kerajaan dan firma ekuiti persendirian yang lain.

### Rajah 11: Maklumat Kewangan

| Ekuiti Nasional Berhad (Syarikat Pengurus Dana) | 2011<br>RM juta | 2010<br>RM juta |
|---|-----------------|-----------------|
| Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM)           | 1,400.0         | 1,400.0         |
| Jumlah Perbelanjaan Operasi (OPEX)              | 20.5            | 17.9            |
| Keuntungan Selepas Cukai (PAT)                  | 4.3             | 3.4             |
| Nisbah OPEX kepada FuM                          | 1.5%            | 1.3%            |

# TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

## KESINAMBUNGAN KOMITMEN UNTUK MEREALISASIKAN POTENSI

Melangkah ke tahun kedua operasi, Ekuinas terus memberikan tumpuan kepada usaha memenuhi objektif sosial agar selari dengan pencapaian objektif kewangan. Ini adalah antara prinsip asas yang diwujudkan di dalam proses membuat keputusan penting dalam Syarikat. Urusniaga yang berpotensi dipertimbangkan bukan sahaja dari sudut nilai pulangan pelaburan tetapi juga dari segi bagaimana Ekuinas dapat membantu mencetus perubahan dalam usaha untuk meningkatkan kepimpinan dan keupayaan profesional, menambah peluang pekerjaan dan juga menambahkan baik rantaian bekalan di dalam syarikat pelaburan.

Ekuinas telah sekali lagi membuat peruntukan yang sederhana pada tahun 2011 bagi tujuan memenuhi tanggungjawab sosial korporat. Tema 'Memperkasakan' telah dipilih menjadi tema dasar bagi semua program yang dikendalikan dan disokong oleh Ekuinas. Antara aktiviti teras yang mencerminkan kesinambungan komitmen Ekuinas dalam merealisasikan potensi dalam komuniti pada tahun ini adalah – **Memperkasakan usahawan** melalui pembangunan keupayaan dan rangkaian yang diperkembangkan, memperkasakan peneraju masa hadapan dengan **mencetus perubahan di dalam bidang pendidikan** dan memperkasakan golongan belia sebagai **tenaga kerja baru** melalui program-program khusus.



### Memperkasakan Usahawan

Dalam usaha mencapai matlamat yang telah ditetapkan sejak 2009, Syarikat terus memberi sokongan kepada pelbagai program pembangunan usahawan yang dianjurkan oleh agensi kerajaan serta organisasi pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Pada tahun 2011, Syarikat telah menghulur bantuan kewangan untuk program pembinaan keupayaan usahawan di samping mengendalikan taklimat untuk menjelaskan konsep ekuiti persendirian dan bagaimana ia dapat membantu mencipta nilai dalam syarikat yang mempunyai pertumbuhan tinggi. Antara acara dan projek yang disertai oleh Ekuinas sepanjang tahun termasuk acara yang dianjurkan oleh Malaysian Venture Capital & Private Equity Association (MVCA) dan pelbagai NGO perniagaan termasuk Persatuan Usahawan Wanita Bumiputera Malaysia (USAHANITA), Persatuan Industri dan Usahawan ICT Bumiputera Malaysia (NEF) dan Gabungan Persatuan Usahawan Wanita Malaysia (FEM).

Ekuinas sedar Syarikat telah ditubuhkan sebagai sebahagian daripada ekosistem agensi kerajaan yang diperkenalkan bagi membantu pembangunan usahawan tempatan. Untuk itu, Ekuinas turut menjalin kerjasama erat dengan agensi lain untuk membantu meningkatkan kesedaran mengenai rangkaian perkhidmatan lengkap yang disediakan kepada pemilik perniagaan baru dan berpengalaman. Agensi yang dimaksudkan termasuklah bahagian Pembangunan Usahawan di Kementerian Perdagangan dan Industri Antarabangsa, SME Corp, MTDC dan khususnya Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) bagi program TERAS mereka.



*Ekuinas mengambil bahagian dalam Program yang bertujuan memberi maklumat kepada para usahawan TERAJU pada bulan Julai 2011*

## Pelaburan di dalam Bidang Pendidikan

Sepanjang tahun ini, Ekuinas juga membuat sumbangan penting di dalam bidang Pendidikan dengan memberi sokongan kepada usaha bersepadu untuk meningkatkan kualiti dan tahap pendidikan Bumiputera secara keseluruhannya.

Memandangkan Malaysia sedang berusaha untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020, beberapa perancangan Kerajaan telah mengenalpasti sektor pendidikan sebagai salah satu bidang yang penting untuk dibangunkan dengan lebih pesat. Antara perancangan tersebut ialah Rancangan Malaysia Ke-10 bagi tahun 2011–2015, yang menyenaraikan pendidikan sebagai salah satu daripada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), dan Pelan Induk Perindustrian 3 bagi tahun 2006–2020. Di dalam Belanjawan tahun 2010, Kementerian Pendidikan telah menerima peruntukan sebanyak 15.9% manakala Kementerian Pendidikan Tinggi pula telah menerima 6.8%, mencakupi sebahagian besar daripada Belanjawan negara.

Dengan penekanan yang diberikan kepada sektor pendidikan, Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan bahawa pelbagai peluang disediakan kepada semua rakyat Malaysia. Sebagai sebahagian daripada Program Transformasi Bumiputera yang diterajui oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera di dalam ekonomi, YAB Perdana Menteri juga telah melancarkan dana amanah pendidikan khas pada 26 November 2011 untuk membantu Bumiputera yang layak untuk merealisasikan sepenuhnya potensi mereka.

Dana amanah tersebut, yang dikenali sebagai Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan), mendukung tiga prinsip utama Model Baru Ekonomi dan berhasrat untuk memastikan pelaksanaan yang **berasaskan keperluan** – dengan memberi tumpuan kepada mereka yang berada dalam golongan pendapatan 40% paling rendah; **berasaskan meritokrasi** – memperuntukkan bantuan bagi calon cemerlang yang mempamerkan potensi tinggi untuk berjaya dalam bidang yang dipilih; dan **telus** – dasar, prosedur dan kriteria pemilihan akan diumumkan kepada khalayak awam.

Dana amanah ini telah diumumkan sempena pelancaran Pelan Pelaksanaan Transformasi Ekonomi Bumiputera oleh Kerajaan. Pelan tersebut merupakan sebuah rangka tindakan untuk memacu perubahan yang positif demi memastikan golongan Bumiputera mampu memainkan peranan yang lebih aktif dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Ia bertujuan untuk meningkatkan keupayaan Bumiputera dalam bidang yang dikenalpasti dengan memberi mereka sokongan pendidikan yang mantap serta bantuan kewangan untuk meningkatkan kelayakan pendidikan mereka. Usaha ini diharap akan meningkatkan kebolehpasaran mereka dalam mencari pekerjaan, dan juga membantu para pelajar yang memerlukan peluang kedua untuk memperbaiki prospek mereka pada masa hadapan (sumber: perjanjian jaminan sumbangan antara Yayasan dengan Ekuinas).



*Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, menyerahkan cek contoh sebagai simbol jaminan sumbangan berjumlah RM1 juta oleh Ekuinas kepada Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera.*



(sumber: [www.teraju.gov.my](http://www.teraju.gov.my))



## TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Setakat tarikh pengumuman yang dibuat oleh YAB Perdana Menteri, Yayasan telah menerima jaminan sumbangan berjumlah RM158 juta daripada agensi-agensi Kerajaan, syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan serta syarikat persendirian dan individu. Bagi tempoh lima tahun akan datang, Yayasan telah menetapkan sasaran sebanyak RM500 juta di mana ia berhasrat untuk membantu pelajar Bumiputera yang layak dan modal insan yang berbakat, khususnya dengan memberi tumpuan kepada calon daripada golongan pendapatan 40% paling rendah, memberi peluang kedua kepada bakat-bakat terpendam, serta menyediakan peluang kepada golongan profesional yang masih bekerja untuk mengasah semula kemahiran mereka.

Yayasan menggunakan kaedah pelaksanaan tiga peringkat: memanfaatkan organisasi dan mekanisme sedia ada untuk menambah bilangan pelajar Bumiputera dalam bidang pendidikan terpilih yang akan membawa kepada peluang pekerjaan berpendapatan tinggi; kerjasama dengan institusi pendidikan tinggi tempatan dan antarabangsa untuk menawarkan laluan pendidikan tinggi kepada sektor-sektor penting, dan menjadi pemangkin pembangunan profesional dari segi kualiti dan kuantiti demi memastikan modal insan yang berbakat dapat menyertai dan mampu bersaing dalam pasaran global.



Memandangkan pendidikan adalah salah satu sektor tumpuan pelaburan Ekuinas, Lembaga Pengarah Ekuinas telah memberi kelulusan kepada Syarikat untuk memberi jaminan sumbangan sejumlah RM1 juta kepada Yayasan. Ekuinas memberi komitmen bahawa separuh daripada jumlah dana ini akan digunakan bagi menaja para pelajar untuk mengikuti kursus pengajian tinggi di syarikat portfolio yang kami miliki sebanyak 51% iaitu Asia Pacific University College of Technology & Innovation (APIIT-UCTI), sebuah institusi pendidikan yang terkenal dengan kursus-kursus bidang Perniagaan, Teknologi Maklumat dan Kejuruteraan yang bermutu tinggi.

APIIT-UCTI telah dianugerahkan status Kolej Universiti pada tahun 2004 dan kini mempunyai kelebihan berbanding institusi lain dengan menjadi institusi pendidikan pertama yang memenangi Anugerah Perdana Menteri di Majlis Anugerah Kecemerlangan Industri Tahunan 2011 yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan dan Industri Antarabangsa. Ekuinas berharap menerusi penglibatan di dalam Yayasan, lebih ramai golongan belia dari latar belakang yang serba kekurangan berpeluang untuk meneruskan pengajian dalam tiga bidang teras yang merupakan keistimewaan APIIT-UCTI, atau di institusi pendidikan lain di bawah portfolio pelaburan Ekuinas yang semakin berkembang.

## Memperkasa Tenaga Kerja Baru – Program Pelatih Pengurusan Syarikat Penerima Pelaburan Ekuinas

Satu lagi inisiatif yang diperkenalkan oleh Ekuinas untuk memenuhi objektif sosial kami dalam mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan bagi warga Malaysia yang berpotensi tinggi adalah melalui Program Pelatih Pengurusan Syarikat Penerima Pelaburan Ekuinas. Program ini bertujuan untuk membantu menyediakan pengalaman luas kepada bakat muda yang baru mula bekerja. Untuk mencapai matlamat ini, Ekuinas telah memperkenalkan program pelatih pengurusan dengan menempatkan siswazah yang berkelayakan di pelbagai jabatan dalam syarikat penerima pelaburan kami – yang meliputi jabatan kewangan, perniagaan, media dan pemasaran, dan juga bidang khusus seperti kejuruteraan, teknologi maklumat dan hospitaliti.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan siswazah baru menerusi latihan amali dalam bidang-bidang utama sesebuah perniagaan, di mana mereka bekerja bersama-sama dan dibimbing oleh para pengurus di syarikat penerima pelaburan. Jabatan modal insan Syarikat sedang giat mencari calon-calon dari kalangan graduan dengan pencapaian cemerlang di universiti-universiti awam serta institusi pengajian tinggi swasta, dengan memberi keutamaan kepada mereka yang mempamerkan minat yang mendalam terhadap bidang keusahawanan.

Kumpulan pertama baru sahaja memulakan latihan mereka pada Februari 2012 dan Ekuinas berharap untuk menarik lebih ramai golongan belia yang cemerlang dari seluruh negara untuk menyertai portfolio pelaburan kami yang kian berkembang. Kami juga berharap ini dapat merealisasikan matlamat untuk mewujudkan peneraju pasaran masa hadapan daripada syarikat-syarikat pelaburan kami yang berpotensi tinggi.

*Pada bulan Februari 2012, kumpulan pertama pelatih pengurusan memulakan latihan formal mereka. Ekuinas berhasrat untuk mengambil lebih ramai belia Malaysia yang bijak dan berbakat untuk bekerja dan menyertai perniagaan syarikat-syarikat pelaburan di bidang kosmetik, minyak & gas, logistik, pendidikan dan peruncitan F&B di tahun-tahun akan datang.*

## Sumbangan Ekuinas kepada Masyarakat – Pendekatan yang Berterusan

Selain daripada tiga program yang dinyatakan, Ekuinas juga turut menghulurkan bantuan kewangan kepada pelbagai kumpulan lain, antaranya mereka yang menjaga atau memberi bantuan kewangan kepada anak-anak yatim terbiar, kanak-kanak serta warga emas yang menghidap penyakit tenat dan juga golongan kurang upaya.

Bagi tahun akan datang, Ekuinas merancang untuk mengukuhkan lagi sokongan kepada industri ekuiti persendirian serta menyumbang secara lebih aktif ke arah perkembangan komuniti usahawan. Turut dimuatkan di dalam perancangan tahun hadapan adalah persediaan untuk membangunkan inisiatif CSR Ekuinas sendiri yang akan membolehkan kakitangan Syarikat memainkan peranan lebih aktif dalam membuat sumbangan kepada masyarakat. Ekuinas akan terus mendukung prinsip dasar 'Merealisasikan Potensi' dalam inisiatif-inisiatif yang berkaitan dengan mandat Syarikat demi manfaat semua pihak berkepentingan.



**ekuinas**  
EKUITI NASIONAL BERHAD

**REALISING POTENTIAL**

**EKUINAS INVESTEE COMPANY  
MANAGEMENT TRAINEE  
PROGRAMME 2012**

Established since September 2009 to create future market leaders by transforming high potential Malaysian companies, Ekuinas now has various businesses ranging from cosmetics, oil and gas, and logistics, to education and retail food and beverage (F&B) under its investment portfolio. Ekuinas aims to create value in all its investee companies by driving value improvements to enable the companies to realise their full potential.

We are now in search of talented and driven graduates to join our **Ekuinas Investee Company Management Trainee Programme for 2012** where successful candidates will be deployed in various key activities within the companies such as Finance, Marketing, Human Resources, Communications, IT and others. The one year programme will provide graduates with on-the-job work experience and expose them to vital office and managerial skills. Candidates will also gain business awareness and eventually participate in supervised assignments.

**Requirements:**

- Talented high achievers in Finance, Business, Media, Marketing, Engineering, IT courses and Hospitality industry from local or international universities or higher learning institutions.
- Passion for business
- Creative thinkers
- Strong interpersonal and leadership skills
- Good written and spoken proficiency in English and BM
- Good computer skills with working knowledge of Microsoft Office programmes

If you believe you have what it takes and will thrive in a fast-expanding company, please send in your resume to:

Human Capital Department,  
Ekuiti Nasional Berhad (982055 U),  
Level 13 Sultan Tower, No 1, Jalan P.J. 7/3 Mutiara Damansara,  
47810 Petaling Jaya, Selangor, DE.

T: +60 3 7710 7171  
F: +60 3 7710 7173  
E: [recruitment@ekuinas.com.my](mailto:recruitment@ekuinas.com.my)  
W: [www.ekuinas.com.my](http://www.ekuinas.com.my)

Only shortlisted candidates will be notified.



**ekuinas**  
EKUITI NASIONAL BERHAD





**Menginstitusikan amalan terbaik  
sambil meningkatkan prestasi dan  
akauntabiliti korporat**



## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

### PENDAHULUAN

Oleh kerana Ekuinas bukan sebuah entiti tersenarai, Syarikat tidak perlu mematuhi syarat-syarat pendedahan tadbir urus korporat yang telah digariskan oleh Bursa Malaysia atau Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

Walau bagaimanapun, sebagai sebuah syarikat ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, Ekuinas memberikan komitmen penuh untuk bersifat telus dan menyediakan laporan berkualiti di dalam Laporan Tahunan Syarikat. Oleh itu, pendedahan di dalam bahagian ini telah disediakan berdasarkan amalan tadbir urus korporat terbaik yang digariskan oleh Bursa Malaysia, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Pindaan 2007) serta Dasar Pendedahan Ekuinas dan meliputi Penyata Tadbir Urus Korporat, Penyata Pengurusan Risiko, Penyata Kawalan Dalaman serta Laporan Jawatankuasa Audit.

Penyata-penyata ini, di mana bersesuaian, telah disediakan berdasarkan pematuhan terhadap Keperluan Penyenaian Bursa dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Pindaan 2007) dan kami berharap dapat menyediakan maklumat penting yang bermakna berkenaan amalan tadbir urus Ekuinas kepada semua pihak berkepentingan.

Sehubungan itu, kami ingin menekankan bahawa semua ahli Lembaga Pengarah Ekuinas telah dilantik oleh Kerajaan Malaysia sebagai pemegang saham muktamad Syarikat. Walau bagaimanapun, kami telah mengklasifikasikan Pengarah Bebas sebagai pengarah yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan (dan tidak berada di dalam perkhidmatan Kerajaan selama dua tahun), bebas dari pihak pengurusan dan bebas daripada sebarang perniagaan atau hubungan lain yang boleh mempengaruhi sebarang keputusan perniagaan. Pengarah yang bukan di dalam lingkungan takrifan ini dianggap sebagai Pengarah Bukan Bebas.

Lembaga Pengarah Ekuinas percaya bahawa tadbir urus korporat yang mantap membentuk asas organisasi yang berjaya. Ia berfungsi memelihara kepentingan pihak-pihak berkepentingan di samping meningkatkan prestasi dan akauntabiliti korporat.

Sebagai syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Ekuinas komited untuk mencapai standard tertinggi dalam tadbir urus korporat dan dengan itu, telah melaksanakan Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat Ekuinas di peringkat Syarikat di samping menggalakkan amalan tadbir urus yang mantap dalam Rangka Kerja ini di semua syarikat penerima pelaburan.

Bagi memperkukuhkan penciptaan nilai jangka panjang dan untuk mencapai keseimbangan antara risiko dan pulangan, satu rangka kerja tadbir urus yang pragmatik telah disediakan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Rangka kerja ini bertujuan menggalakkan inovasi dan keusahawanan dalam Syarikat melalui rangka kerja pengawasan dan pengurusan risiko yang cekap.



Penyata ini menghuraikan bagaimana Ekuinas menerapkan prinsip-prinsip utama yang digariskan di dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Pindaan 2007) (Kod) dan tahap pematuhannya terhadap amalan terbaik yang terkandung di dalam Kod ini sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011.



## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

### LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah mengiktiraf peranan penting semua ahlinya dan pihak Pengurusan dalam merumus dan menentukan hala tuju serta operasi Ekuinas.

Ekuinas diterajui dan diurus oleh ahli Lembaga Pengarah yang berpengalaman luas dan berkemahiran tinggi daripada latar belakang berbeza yang meliputi sektor Kerajaan dan sektor swasta. Ini amat penting bagi menentukan hala tuju strategik keseluruhan Ekuinas.

Sepanjang tahun ini, Lembaga Pengarah terus memastikan standard tadbir urus yang tertinggi diamalkan demi melindungi dan meningkatkan nilai pihak-pihak berkepentingan.

Sebagai sebahagian daripada amalan terbaik dalam tadbir urus korporat, Lembaga Pengarah telah meluluskan piagam tadbir urus yang menggariskan prinsip-prinsip tadbir urus penting yang perlu digunapakai oleh Lembaga Pengarah. Seperti yang termaktub di dalam piagam tersebut, ahli-ahli Lembaga Pengarah dikehendaki melaksanakan kewajipan mereka dengan penuh integriti, kejujuran dan secara profesional, selaras dengan undang-undang dalam memastikan kepentingan pihak berkepentingan sentiasa terpelihara. Piagam ini merangkumi, antara lain, perkara-perkara berikut:-

- Tugas dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah;
- Kod Kelakuan;
- Komposisi Lembaga Pengarah;
- Mesyuarat dan Sokongan Lembaga Pengarah;
- Jawatankuasa Lembaga Pengarah;
- Pengasingan Kuasa;
- Perwakilan Kuasa;
- Interaksi dan Komunikasi dengan Pihak-pihak Berkepentingan; dan
- Kawalan Dalaman dan Proses Audit.

Ekuinas juga telah menerapkan Kod Etika Pengarah bagi semua Pengarah Ekuinas, yang berlandaskan prinsip kejujuran, integriti, bertanggungjawab dan tanggungjawab sosial korporat. Prinsip-prinsip di dalam Kod ini meliputi tanggungjawab individu dan kolektif semua Pengarah demi kepentingan Ekuinas dan pihak berkepentingan Syarikat. Penerapan Kod Etika Pengarah ini di seluruh Syarikat memastikan nilai etika sentiasa dihormati dan dipatuhi.

### Komposisi dan Keseimbangan Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah pada masa ini dianggotai oleh enam (6) ahli, yang terdiri daripada Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, seorang (1) Pengarah Eksekutif yang dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), dua (2) orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan dua (2) orang Pengarah Bukan Eksekutif. Lebih 50% daripada jumlah ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Ini melebihi syarat keperluan satu pertiga pengarah bebas yang telah digariskan oleh Kod dan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities (Keperluan Penyenaraian Bursa), dan mencerminkan komitmen Lembaga Pengarah untuk mengekalkan perwakilan Pengarah Bebas yang kukuh dalam Lembaga Pengarah. Di samping itu, ia juga memastikan objektiviti dalam semua isu berbangkit yang dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah sentiasa terpelihara.

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif bukan sahaja bersikap saksama tetapi turut mendalami dan mempersoalkan keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah, malah mereka juga memberikan input yang mantap dan bernilai dalam usaha mencapai sesuatu keputusan. Mereka telah dilantik oleh Kerajaan Malaysia, tidak berada di dalam perkhidmatan awam atau berada di dalam perkhidmatan bagi dua tahun yang lepas, bebas daripada pihak Pengurusan Ekuinas serta bebas daripada sebarang perniagaan atau hubungan yang boleh mempengaruhi sebarang keputusan atau keupayaan yang diambil demi memelihara kepentingan terbaik syarikat.

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa berdasarkan skala operasi Syarikat sekarang, bilangan pengarah yang ada adalah saiz yang optimum untuk memastikan Lembaga Pengarah dapat berfungsi dengan berkesan.

Saiz dan komposisi Lembaga Pengarah disemak dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran, demi memastikan saiz tersebut adalah kondusif bagi perbincangan dan proses membuat keputusan yang berkesan, dan bahawa Lembaga Pengarah mempunyai bilangan pengarah bebas yang sewajarnya. Jawatankuasa tersebut juga berusaha untuk mengekalkan keseimbangan kepakaran, kemahiran dan keupayaan yang berkesan di kalangan para Pengarah, termasuk mengelakkan potensi konflik kepentingan.

### **Mengekalkan Kebebasan, Kemantapan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah**

Komposisi Lembaga Pengarah mengandungi perkadaran yang lebih tinggi berbanding keperluan minimum satu pertiga pengarah bebas yang ditetapkan oleh Kod dan Keperluan Penyenaian Bursa. Struktur semasa Lembaga Pengarah dan kewibawaan setiap Pengarah memastikan bahawa tiada individu atau kumpulan yang mendominasi proses membuat keputusan.

Lembaga Pengarah diterajui oleh ahli-ahli yang aktif dan berpengalaman, dengan latar belakang profesional yang berbeza meliputi pengalaman industri dan komersial, perakaunan dan kewangan, perniagaan dan pengurusan, serta kawal selia dan perkhidmatan awam. Gabungan kemahiran dan pengalaman ini menambah nilai dalam usaha memantapkan hala tuju strategik dan prestasi Ekuinas dalam mengorak langkah menjadi firma ekuiti persendirian yang terkemuka.

Para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, yang merupakan individu-individu berkelayakan tinggi dan terbilang, saling berkongsi pengetahuan yang mendalam tentang bidang masing-masing. Mereka tidak turut serta di dalam operasi harian dan tidak terlibat di dalam sebarang urusan perniagaan atau perhubungan lain dengan Ekuinas. Ini adalah untuk memastikan mereka mampu melakukan pertimbangan secara objektif dan bertindak demi kepentingan Ekuinas.

Profil ahli-ahli Lembaga Pengarah dibentangkan di halaman 6 hingga 9 Laporan Tahunan ini.

### **Tanggungjawab Lembaga Pengarah**

Lembaga Pengarah telah menerima pakai piagam rasmi, yang dikenali sebagai Piagam Tadbir Urus, yang menetapkan nilai, prinsip dan etos utama Ekuinas. Dalam hal ini, Piagam Tadbir Urus bukan sahaja berfungsi sebagai peringatan tentang peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, bahkan ia juga merupakan pernyataan am mengenai hasrat dan jangkaan bagaimana Lembaga Pengarah akan menyempurnakan tugas-tugasnya. Ia juga berfungsi sebagai sumber rujukan, yang memberi panduan kepada ahli-ahli lembaga pengarah baru serta kumpulan Pengurusan Kanan.

Lembaga Pengarah menyelia hal ehwal perniagaan Ekuinas dan memikul tanggungjawab bagi perkara-perkara berikut:-

- menyediakan bimbingan strategik kepada Ekuinas dengan menentukan matlamat Ekuinas serta cara untuk mencapainya;
- meningkatkan nilai jangka panjang bagi pihak-pihak berkepentingan Ekuinas dengan memelihara serta melindungi nilai dasar Ekuinas demi kepentingan mereka;
- mengawasi pengurusan Ekuinas dengan berkesan, termasuk sistem kawalan dan akauntabiliti;
- melantik dan melucutkan jawatan CEO;
- meratifikasi pelantikan dan, di mana sesuai, meluluskan pelucutan jawatan Pengurusan Kanan (berdasarkan saranan CEO);
- memastikan kemajuan dan perancangan penggantian bagi Lembaga Pengarah dan juga Pengurusan Kanan;
- memberi input dan meluluskan strategi korporat dan belanjawan tahunan Syarikat;
- meluluskan dan memantau perkembangan perbelanjaan modal utama, pengurusan modal dan pemerolehan/pelupusan pelaburan;
- memantau pematuhan terhadap semua kewajipan undang-undang, cukai dan kawal selia
- menyemak dan meratifikasi sistem pengurusan risiko dan pematuhan serta kawalan dalaman, tatasusila kod kelakuan, pendedahan berterusan, pematuhan undang-undang dan dasar korporat penting lain;
- memantau prestasi Pengurusan dan pelaksanaan strategi dan dasar, sambil memastikan ketersediaan sumber yang secukupnya;
- meluluskan dan memantau laporan kewangan dan laporan lain untuk diedarkan kepada pasaran, kakitangan dan pihak berkepentingan lain; dan
- meluluskan pelantikan, pelantikan semula atau penggantian juruaudit luar.



## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

EkuiNAS turut menetapkan Had Bidang Kuasa – had pemberian kuasa dan kelulusan bagi keputusan penting, perbelanjaan operasi dan modal, perolehan barangan dan perkhidmatan, dan pemerolehan serta pelupusan pelaburan. Selain daripada hal-hal yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah secara khusus, di mana ia merangkumi urusan niaga yang melebihi had tertentu, Lembaga Pengarah mewakili kuasa kepada pihak pengurusan untuk membuat keputusan tentang hal-hal lain untuk memastikan kecekapan operasi yang optimum.

### Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun untuk menyemak dan meluluskan keputusan kewangan dan membincangkan laporan tentang prestasi, rancangan dan usul Syarikat yang dibuat oleh pihak Pengurusan. Mesyuarat Lembaga Pengarah juga diadakan pada penghujung tahun kewangan untuk mempertimbang dan meluluskan belanjawan Syarikat bagi tahun yang berikutnya. Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah akan diadakan apabila perlu bagi mempertimbangkan hal-hal yang memerlukan keputusan segera Lembaga Pengarah.

Di samping itu, mesyuarat lembaga pengarah juga turut diadakan secara khusus untuk mempertimbangkan dan meluluskan cadangan pelaburan dan isu-isu lain yang berbangkit. Lazimnya, Lembaga Pengarah juga bermesyuarat, sekurang-kurangnya setahun sekali, dengan pihak pengurusan kanan syarikat-syarikat penerima pelaburan untuk membincangkan hal-hal strategik, prestasi atau sebarang isu yang berkaitan dengan bidang perniagaan tertentu.

### Kehadiran di Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Rekod kehadiran para Pengarah di Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

| Nama Pengarah   | Ahli | NRC | AC  | IC  |
|---|------|-----|-----|-----|
| Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda                         | 7/7  | 1/1 | 5/5 | –   |
| Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar                                   | 7/7  | 1/1 | 5/5 | –   |
| Datuk Noriyah Ahmad   | 6/7  | –   | 5/5 | –   |
| Datuk Mohamed Azman Yahya   | 6/7  | 1/1 | –   | 4/4 |
| Datuk Dr. Rahamat Bivi Binti Yusoff (dilantik pada 19 Oktober 2011) | 2/2  | –   | –   | –   |
| Dato' Abdul Rahman Ahmad  | 7/7  | –   | –   | 4/4 |

Nota:

NRC – Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran

AC – Jawatankuasa Audit

IC – Jawatankuasa Pelaburan

Jawatankuasa Audit bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun selaras dengan bidang tugasnya.

### **Pembahagian Tugas dan Tanggungjawab antara Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif**

Bagi memastikan keseimbangan kuasa yang sewajarnya, kedudukan Pengerusi Lembaga Pengarah dan CEO tidak dipegang oleh individu yang sama. Pengasingan yang jelas bagi kedua-dua peranan ini menggalakkan perdebatan dan perbincangan yang membina di peringkat Lembaga Pengarah. Jika kedua-dua jawatan ini digabungkan, kemungkinan timbul sikap berat sebelah yang boleh menjejaskan keupayaan dan kesanggupan para Pengarah Bebas untuk membuat pertimbangan secara bebas. Di Ekuinas, Pengerusi dan CEO tiada kaitan antara satu sama lain.

Pengerusi, yang bersifat bukan eksekutif, menerajui dan memudahkan usaha Lembaga Pengarah semasa bermesyuarat dan bertanggungjawab ke atas kepimpinan, kecekapan serta fungsi Lembaga Pengarah, di samping memastikan prinsip dan proses Lembaga Pengarah sentiasa terpelihara.

CEO bertanggungjawab menyediakan dan melaksanakan strategi, dasar serta pengendalian operasi Ekuinas bagi pihak Lembaga Pengarah.

### **Penyediaan Maklumat**

Bagi membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugasnya, pihak Pengurusan menyediakan laporan pelaburan dan kewangan yang menyeluruh secara berkala. Lazimnya, agenda mesyuarat bersama-sama dengan kertas Lembaga Pengarah yang mengandungi maklumat yang berkaitan dengan perkara-perkara yang akan dipertimbangkan semasa mesyuarat akan diedarkan kepada para ahli Lembaga Pengarah, sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum mesyuarat diadakan. Dengan itu, ahli-ahli Lembaga Pengarah mempunyai masa yang secukupnya untuk menyemak, mempertimbangkan dan memahami isu-isu yang berbangkit dengan lebih mendalam sebelum mesyuarat diadakan, agar perbincangan akan lebih tertumpu kepada soalan yang ingin mereka ajukan berhubung dengan mana-mana isu berbangkit.

Kertas Lembaga Pengarah disediakan dalam format yang distrukturkan dengan kemas, konsisten, ringkas dan tepat yang memberikan maklumat kuantitatif dan kualitatif, agar keputusan terbaik dapat dibuat. Kertas Lembaga Pengarah merangkumi antara lainnya, minit-

minit mesyuarat Lembaga Pengarah serta hal-hal yang berbangkit daripada mesyuarat tersebut, laporan mesyuarat semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah termasuk perkara yang memerlukan pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah, prestasi kewangan dan laporan pelaburan suku tahunan Syarikat dan perkembangan penting lain yang perlu dibincangkan dan diluluskan. CEO, Pengarah Urusan Pelaburan dan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) hadir di pembentangan ini untuk menjawab sebarang pertanyaan daripada ahli Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah sentiasa dimaklumkan tentang perkembangan mutakhir mengenai keperluan statutori dan kawal selia berkaitan tugas dan tanggungjawab mereka. Apabila perlu, para Pengarah turut disediakan dengan laporan *ad hoc*, kertas maklumat dan latihan yang berkaitan, demi memastikan mereka sedia maklum akan hal ehwal penting yang berkaitan dengan perniagaan, operasi, korporat, perundangan dan industri.

### **Akses kepada Sumber dan Khidmat Nasihat Bebas**

Lembaga Pengarah mempunyai akses bebas kepada CEO, Pengurusan Kanan, Setiausaha Syarikat, serta juruaudit dalaman dan luar pada bila-bila masa dirasakan perlu. Lembaga Pengarah boleh meminta nasihat profesional bebas mengikut budi bicara, sekiranya perlu, bagi memastikan maklumat dan nasihat yang lengkap sudah tersedia sebelum keputusan penting dibuat.

Setiausaha Syarikat membantu Lembaga Pengarah menyediakan agenda mesyuarat serta mentadbir, menghadiri dan menyediakan minit-minut mesyuarat Lembaga Pengarah, justeru, memastikan aliran maklumat yang berkesan antara Lembaga Pengarah dengan jawatankuasanya. Pihak Pengurusan juga membantu Lembaga Pengarah melaksanakan amalan dan proses tadbir urus yang mantap dalam Syarikat.

### **Pelantikan dan Pemilihan Semula Pengarah**

Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran Ekuinas menentukan dan menyemak profil yang dikehendaki bagi ahli-ahli Lembaga Pengarah dan membuat saranan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan, pencalonan semula dan persaraan Pengarah, dengan sokongan daripada Yayasan Ekuiti Nasional.



## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Apabila Pengarah sedia ada memilih untuk bersara atau dikehendaki bersara daripada jawatannya mengikut giliran, atau Pengarah baru perlu dilantik, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran akan mengkaji semula kepakaran, kemahiran dan ciri-ciri ahli dan komposisi Lembaga Pengarah. Jawatankuasa tersebut akan mengenalpasti keperluan Ekuinas dan menyediakan senarai pendek calon yang mempunyai profil yang bersesuaian untuk dicalonkan atau dicalonkan semula. Sekiranya perlu, Jawatankuasa juga boleh meminta nasihat daripada perunding luar bidang sumber manusia.

### Latihan Pengarah

Belanjawan yang khusus bagi latihan Pengarah disediakan setiap tahun untuk menggalakkan para Pengarah menghadiri latihan yang berkaitan dan bermanfaat bagi membantu mereka menjalankan tanggungjawab dengan berkesan. Pengarah sentiasa dimaklumkan mengenai perniagaan Syarikat termasuk menerusi taklimat oleh Pengurusan Kanan dan perunding/pakar luar tentang isu-isu strategik yang berkaitan dengan bidang atau industri tertentu. Para pengarah juga menghadiri latihan untuk memastikan mereka mengetahui perkembangan semasa serta keperluan statutori dan kawal selia yang terbaru.

### JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya dengan cekap dari segi pemantauan pengurusan syarikat secara bebas, beberapa jawatankuasa lembaga pengarah (Jawatankuasa Lembaga Pengarah) telah ditubuhkan, seperti berikut:-

- Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran;
- Jawatankuasa Audit; dan
- Jawatankuasa Pelaburan.

Fungsi dan Bidang Tugas bertulis bagi semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah ditakrifkan dengan jelas dan mematuhi saranan Kod di mana berkenaan. Kuasa dan bidang tugas akan disemak secara berkala untuk memastikan kandungannya kekal relevan dan dikemaskinikan.

Kepelbagaian pengalaman dan kemahiran yang sesuai dipertimbangkan seiring dengan keperluan untuk mengekalkan keseimbangan di kalangan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah. Saranan dan

keputusan yang dibuat oleh setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dicatat dan direkodkan di dalam minit mesyuarat. Ringkasan laporan dan pertimbangan setiap Jawatankuasa ini seterusnya dimasukkan ke dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah.

Huraian ringkas setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:-

#### (a) Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC)

Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC) dianggotai oleh tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, kesemuanya bukan ahli kumpulan Pengurusan dan tiada sebarang hubungan perniagaan atau perhubungan lain yang mampu menjejaskan pertimbangan bebas mereka.

Ahli-ahlinya terdiri daripada:-

Pengerusi:

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar

Ahli:

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda

Datuk Mohamed Azman Yahya

Satu (1) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun kewangan ini dan rekod kehadiran setiap ahli disediakan di dalam jadual di halaman 92.

#### **Bidang Tugas**

Tanggungjawab utama NRC selaras dengan bidang tugasnya adalah untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan fungsi-fungsi berikut:-

##### a. *Fungsi Utama*

Tanggungjawabnya berhubung dengan pelantikan merangkumi perkara-perkara berikut:

- mencalonkan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, calon-calon yang akan dilantik sebagai Pengarah Syarikat;
- semasa membuat saranannya, mempertimbangkan calon bagi jawatan pengarah yang dicadangkan oleh CEO atau oleh mana-mana eksekutif kanan atau pengarah atau pemegang saham;
- menyarankan kepada Lembaga Pengarah, calon-calon pengarah untuk menganggotai jawatankuasa lembaga pengarah;



- membantu Lembaga Pengarah membuat semakan tahunannya berhubung dengan gabungan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan dan ciri-ciri lain, termasuk keupayaan teras yang harus dimiliki oleh pengarah bukan eksekutif sebagai anggota Lembaga Pengarah; dan
- membantu Lembaga Pengarah melaksanakan program penilaian tahunan untuk menilai keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, jawatankuasa lembaga pengarah dan pengarah individu.

Tanggungjawab NRC berhubung dengan ganjaran merangkumi perkara berikut:

- menentukan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah rangka kerja atau dasar umum bagi pakej ganjaran CEO Syarikat, dan mana-mana ahli Pengurusan lain yang perlu dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah;
- mewujudkan prosedur yang rasmi dan telus untuk merangka dasar tentang jumlah pakej ganjaran individu bagi CEO dan ahli Pengurusan lain yang ditetapkan, termasuk bonus, insentif dan opsiyen saham, di mana sesuai;
- merangka pakej ganjaran untuk CEO dan ahli Pengurusan lain yang ditetapkan, dengan matlamat menarik dan mengekalkan Pengurusan berkaliber tinggi yang berupaya meraih kejayaan untuk pemegang saham dan mendukung standard perkhidmatan yang tinggi untuk pihak berkepentingan, dengan mengambilkira persekitaran perniagaan di mana Syarikat beroperasi. Setelah selesai, saranan akan dibuat bagi mendapatkan kelulusan daripada Lembaga Pengarah;
- menyemak dan membuat saranan kepada Lembaga Pengarah tentang sebarang penambahbaikan kepada dasar dan pakej ganjaran Pengurusan yang ditetapkan, dan isu-isu lain yang berkaitan dengan ganjaran Pengurusan setiap tahun;
- menyemak sebarang perubahan ketara dalam struktur ganjaran kakitangan di seluruh Syarikat, dan jika dianggap wajar, membuat saranan kepada Lembaga Pengarah untuk menerima perubahan sedemikian; dan

- menyemak dan membuat saranan kepada Lembaga Pengarah tentang rangka kerja bagi skim insentif tahunan Syarikat. Rangka kerja skim insentif tahunan ini merangkumi:-
  - Kenaikan gaji berasaskan merit;
  - Bonus berasaskan merit; dan
  - Insentif pengekalan dan ganjaran.

#### b. *Bidang Kuasa*

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya berkaitan dengan isu ganjaran:-

- NRC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan sebarang maklumat yang diperlukan daripada mana-mana kakitangan Syarikat untuk melaksanakan tugasnya; dan
- NRC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan sebarang nasihat undang-undang atau profesional luar termasuk nasihat perunding bebas berhubung ganjaran, dan jika perlu, memastikan penasihat luar ini hadir semasa mesyuaratnya serta mendapatkan maklumat berwibawa yang terkini mengenai ganjaran yang ditawarkan di syarikat-syarikat lain, di mana segala perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat.

NRC mempunyai kuasa penuh untuk mengarahkan supaya sebarang laporan atau tinjauan dibuat untuk membantu memenuhi kewajibannya sekiranya perlu.

#### c. *Komposisi Ahli*

- NRC dianggotai oleh sekurang-kurangnya tiga (3) Pengarah Bukan Eksekutif, yang kesemuanya bukan ahli kumpulan Pengurusan dan tidak mempunyai sebarang hubungan perniagaan atau hubungan lain yang boleh menjejaskan pertimbangan bebas mereka. Salah seorang Pengarah Bebas ini akan dilantik sebagai Pengerusi NRC.

#### d. *Setiausaha*

- Setiausaha Syarikat dan/atau Setiausaha-setiausaha Syarikat dilantik sebagai Setiausaha NRC.

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

### e. *Mesyuarat*

- Mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun atau apabila perlu.
- Notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari untuk mengadakan mesyuarat NRC diberikan kepada ahli-ahli NRC yang berada di Malaysia.
- Korum dicapai apabila mana-mana dua ahli hadir.
- Pengerusi mesyuarat mempunyai undi pemutus apabila bilangan undi adalah sama.
- Setiausaha bertanggungjawab untuk menyelaras butir-butir pentadbiran termasuk memanggil mesyuarat, mengundi dan merekodkan minit mesyuarat.
- Resolusi yang ditandatangani oleh semua ahli NRC disifatkan sebagai resolusi yang diluluskan semasa mesyuarat NRC yang bersidang, dan boleh merangkumi beberapa dokumen dalam bentuk yang serupa, yang mana setiap satunya ditandatangani oleh seorang atau lebih daripada seorang ahli NRC.

### (b) Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit dianggotai oleh tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif iaitu:-

Pengerusi:

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda

Ahli:

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar

Datuk Noriyah Ahmad

Butir-butir lanjut mengenai ringkasan aktiviti Jawatankuasa Audit sepanjang tahun kewangan ini dibentangkan di halaman 109 Laporan Tahunan ini.

### (c) Jawatankuasa Pelaburan

Jawatankuasa Pelaburan dianggotai oleh ahli-ahli Pengurusan Kanan Syarikat dan seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif iaitu, Datuk Mohamed Azman Yahya, yang mempengerusikan Jawatankuasa Pelaburan. Struktur yang diterima pakai merupakan struktur yang lazimnya diamalkan di sebahagian besar firma ekuiti persendirian bagi memastikan keputusan

pelaburan dibuat tepat pada masanya dengan pengawasan yang mencukupi, komitmen yang teguh dan akauntabiliti pihak kakitangan profesional Syarikat yang membuat pelaburan tersebut.

Jawatankuasa Pelaburan secara amnya bertanggungjawab untuk menyemak semula semua cadangan urusniaga pelaburan dan jika berdaya maju, mengesyorkan agar kelulusan muktamad dibuat oleh Lembaga Pengarah. Semua keputusan pelaburan dibuat oleh Lembaga Pengarah.

## GANJARAN PARA PENGARAH

Objektif dasar ganjaran Pengarah Syarikat adalah untuk menarik dan mengekalkan Pengarah berkualiti tinggi yang diperlukan untuk menerajui Syarikat ke arah mencapai kejayaan. Bagi Pengarah Eksekutif, unsur-unsur komponen ganjaran dirangka agar ganjaran berkait rapat dengan prestasi korporat dan juga individu. Bagi Pengarah Bukan Eksekutif pula, tahap imbuhan adalah berdasarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dilaksanakan oleh Pengarah Bukan Eksekutif tersebut.

NRC menyarankan rangka kerja bagi pakej ganjaran untuk Pengarah Eksekutif kepada Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab muktamad meluluskan ganjaran Pengarah Eksekutif.

Butir-butir ganjaran Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011, secara agregat, dikategorikan ke dalam komponen yang berkenaan, adalah seperti berikut:-

| Pengarah Bukan Eksekutif | RM             |
|--------------------------|----------------|
| Fi                       | 213,760        |
| Elaun dan imbuhan lain   | 44,500         |
| <b>Jumlah</b>            | <b>258,260</b> |

| Pengarah Eksekutif    | RM               |
|-----------------------|------------------|
| Gaji dan imbuhan lain | 842,400          |
| Bonus tidak tetap     | 304,950          |
| Sumbangan KWSP        | 187,416          |
| <b>Jumlah</b>         | <b>1,334,766</b> |

Ganjaran yang dibayar kepada para Pengarah sepanjang tahun ini, dikategorikan dalam julat RM50,000, serta mematuhi keperluan pendedahan di bawah Keperluan Penyenaraian Bursa adalah seperti berikut:-

| Julat Ganjaran (RM)       | Pengarah  |                 |
|---------------------------|-----------|-----------------|
|                           | Eksekutif | Bukan Eksekutif |
| Sehingga RM50,000         | –         | 1*              |
| RM50,001 – RM100,000      | –         | 4               |
| RM1,300,000 – RM1,350,000 | 1         | –               |

\* Pengarah Bukan Eksekutif yang baru dilantik menerima fi yang diprorata

## HUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

EkuiNAS perlu berurusan dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam memainkan peranan dan memenuhi matlamatnya sebagai syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan. Dalam perkara ini, Syarikat sedar akan kepentingan memelihara ketelusan dan akauntabiliti bagi memastikan hubungan dengan pihak berkepentingan Syarikat sentiasa baik dan produktif. Komitmen penuh untuk mengekalkan ketelusan dan akauntabiliti ini merupakan sebahagian daripada amalan terbaik tadbir urus korporat EkuiNAS, selain daripada memastikan keperluan kawal selia dipenuhi dengan sewajarnya.

Oleh itu, EkuiNAS terus berusaha untuk mengekalkan standard yang tertinggi dalam menyediakan maklumat penting yang relevan mengenai perkembangan Syarikat serta mengurus kepentingan pihak berkepentingannya. Oleh yang demikian, Syarikat amat menitikberatkan kepentingan penyebaran maklumat yang tepat pada masanya dan telus kepada masyarakat awam dan pihak berkepentingan.

## Interaksi dan Komunikasi dengan Pihak-pihak Berkepentingan

Syarikat mengamalkan dasar pengurusan dan komunikasi pihak berkepentingan yang komprehensif dan dasar ini sentiasa dikaji semula dari semasa ke semasa. Dasar tersebut menyediakan panduan bagaimana Syarikat berinteraksi dengan kumpulan pihak berkepentingan yang berbeza termasuk masyarakat awam, badan kerajaan dan pihak berkuasa, demi mematuhi keperluan pendedahan yang berterusan dan tepat pada masanya.

EkuiNAS amat menitikberatkan komunikasi dan interaksi dengan pihak-pihak berkepentingan dan ini dilakukan melalui komunikasi secara proaktif dengan mereka tentang isu-isu penting dalam usaha memahami keperluan

dan harapan mereka dengan lebih mendalam. Dengan ini, Syarikat berharap dapat memberikan maklum balas yang sesuai dan sewajarnya.

## Laporan Tahunan

Selain membuat pengumuman media, Syarikat juga menyediakan maklumat kepada pihak-pihak berkepentingan tentang perniagaan, kewangan dan aktiviti utama lain di dalam Laporan Tahunan Syarikat. Lembaga Pengarah telah memutuskan untuk mengemukakan pendedahan yang jelas dan menyeluruh di dalam Laporan Tahunan, selaras dengan prinsip yang termaktub dalam Keperluan Penyenaraian Bursa (setakat yang berkenaan) dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

## Kod Etika Kakitangan

Kod Etika Syarikat memastikan semua kakitangan mematuhi dan mengekalkan standard perniagaan beretika tinggi dari segi kejujuran dan integriti di dalam semua aspek operasi Syarikat. Kod ini menekankan isu-isu penting untuk membantu kakitangan menjalankan tugas mereka sejajar dengan standard syarikat, seperti memastikan persekitaran kerja yang selamat, mengurus aset dan harta Syarikat dengan berkesan, memelihara maklumat sulit syarikat serta mengawal cara berurusan dengan pihak luar seperti pelanggan, syarikat penerima pelaburan, vendor, kontraktor, media, pesaing dan agensi kerajaan. Kod Etika ini disampaikan kepada semua kakitangan dan dipraktikkan oleh mereka. Pematuhan terhadap Kod ini adalah mandatori.

## Pengumuman Akhbar

Syarikat membuat pengumuman melalui siaran akhbar dan mengadakan sidang media untuk memaklumkan maklumat terkini mengenai kemajuan syarikat, perkembangan korporat penting dan pelbagai inisiatif perniagaan.



## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

### Laman Sesawang Syarikat

Syarikat komited untuk memastikan khalayak awam dapat mengakses laporan tahunan Syarikat, siaran akhbar, pengumuman Syarikat dan maklumat korporat lain dengan mudah melalui laman sesawangnya di [www.ekuinias.com.my](http://www.ekuinias.com.my).

### Pendedahan Urusniaga Sekuriti

Sejajar dengan komitmen Syarikat untuk memperkukuhkan standard perniagaan beretika tinggi, Dasar Dagangan Maklumat dan Pendedahan telah digunapakai. Kakitangan Ekuinas diwajibkan menandatangani Akujanji Perilaku Profesional yang mengandungi garis panduan tentang larangan pendedahan maklumat sulit, konflik kepentingan dan larangan dagangan maklumat dalaman sepanjang berkhidmat dengan Syarikat. Senarai syarikat-syarikat awam tertentu yang mana kakitangan dilarang daripada melabur di dalamnya, diedarkan secara kerap kepada semua kakitangan.

### Kod Etika Rakan Perniagaan dan Perkhidmatan

Syarikat percaya bahawa hubungan dengan rakan perniagaan dan perkhidmatan hendaklah berlandaskan prinsip integriti, kejujuran dan akauntabiliti dan benar-benar menentang sebarang bentuk rasuah atau sogokan. Bersandarkan matlamat ini, Kod ini menghendaki semua penyedia perkhidmatan utama termasuk perunding, penasihat profesional dan pembekal utama mematuhi kod etika kelakuan ini semasa berurusan dengan Ekuinas. Ekuinas boleh mengambil tindakan yang perlu apabila berlaku kemungkiran Kod ini, yang mana merangkumi tetapi tidak hanya terhad kepada penamatan dan pengecualian daripada menyediakan sebarang perkhidmatan kepada Ekuinas bagi satu tempoh yang ditetapkan.

### Buku Panduan Pencegahan Penipuan

Syarikat menggunapakai Buku Panduan Pencegahan Penipuan dengan matlamat untuk mencegah penipuan dan memastikan platform yang saksama dan telus disediakan bagi membolehkan kakitangan melaporkan aktiviti penipuan dalam Syarikat. Buku Panduan ini merangkumi dua bahagian, iaitu Dasar Anti-Penipuan dan Dasar *Whistle-Blowing* yang menggariskan bila, bagaimana dan kepada siapa sesuatu kebimbangan sewajarnya dikemukakan dan membolehkan pelapor penyelewengan mengutarakan kebimbangan melangkaui hierarki pelaporan semasa mereka.

## AKAUNTABILITI DAN AUDIT

### Laporan kewangan

Lembaga Pengarah bertekad untuk menyedia dan mengemukakan penilaian yang seimbang dan bermakna ke atas prestasi kewangan Syarikat dalam semua pendedahan yang dibuat kepada pihak berkepentingan. Lembaga Pengarah, dengan bantuan Jawatankuasa Audit, mengawasi proses dan mutu laporan kewangan, serta menyemak dan memantau integriti penyata kewangan Syarikat. Lembaga Pengarah turut menyemak kesesuaian dasar perakaunan Syarikat dan sebarang perubahan pada dasar ini serta memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi keperluan perakaunan dan kawal selia serta amalan tadbir urus korporat yang baik.

### Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang mampu menjamin operasi yang berkesan dan cekap, dengan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa, serta prosedur dan garis panduan dalaman.

Penyata Kawalan Dalaman, yang memberi gambaran keseluruhan kawalan dalaman Syarikat, dimuatkan di halaman 103 dan 104 Laporan Tahunan ini.

### Hubungan dengan Juruaudit Luar

Lembaga Pengarah menjalinkan hubungan rasmi dan telus dengan juruaudit dalaman dan luar Syarikat, melalui Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa Audit bersidang secara tetap bersama-sama juruaudit luar dan dalaman untuk membincangkan dan menyemak semula pelan audit, prestasi kewangan suku tahunan, penyata kewangan tahunan dan sebarang hasil audit, serta membuat saranan untuk kelulusan pihak Lembaga Pengarah. Sepanjang tahun ini, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak pengurusan selaras dengan keperluan amalan terbaik Syarikat.

Laporan Jawatankuasa Audit dibentangkan di halaman 105 hingga 110 Laporan Tahunan ini.

Penyata Tadbir Urus Korporat ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 8 Mac 2012.

## PENYATA PENGURUSAN RISIKO

### **DASAR DAN RANGKA KERJA KESELURUHAN PENGURUSAN RISIKO**

Lembaga Pengarah Ekuinas telah meluluskan Dasar dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Syarikat yang menerangkan dengan jelas akauntabiliti dan tanggungjawab bagi proses pengurusan risiko, termasuk mengenalpasti risiko dan cara mengurus risiko yang mampu menjejaskan matlamat strategik atau pelaksanaan Syarikat.

Pengurusan risiko adalah sebahagian daripada aktiviti perniagaan, fungsi dan proses penting Syarikat. Aspek pengurangan dan kawalan risiko dirangka dan dilaksanakan dengan cara yang dapat menjamin pencapaian matlamat strategik Syarikat secara munasabah.

Pengurusan risiko merupakan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan ia mencakupi struktur tadbir urus atau pengawasan Syarikat dan penghasilan rangka kerja kawalan dalaman yang sesuai. Pihak Pengurusan pula bertanggungjawab mengurus risiko bagi pihak Lembaga Pengarah dan melaksanakan kajian semula risiko dengan lebih rapi bagi sebarang cadangan atau urusanniaga strategik khusus serta memastikan isu-isu risiko dikenalpasti, dianalisis, ditetapkan keutamaannya dan diurus secara konsisten.



## PENYATA PENGURUSAN RISIKO

### STRATEGI PENGURANGAN RISIKO

Rangka kerja pengurusan risiko Syarikat adalah panduan pragmatik mengenai pengenalpastian dan pengurusan risiko yang penting untuk mencapai objektif strategik. Keberkesanan rangka kerja pengurangan risiko sentiasa dikaji semula dan ditambah baik secara sistematik.

Syarikat telah mengenalpasti jenis-jenis risiko seperti berikut – strategik, kewangan, operasi dan pelaburan. Terdapat lagi risiko lain yang wujud, tetapi risiko pelaburan dianggap sebagai risiko perniagaan paling kritikal dalam Syarikat.

### KATEGORI RISIKO

| Risiko Ekuinas (Syarikat)  |  |   |  |
|--|--|---|--|
| Strategik  | Pelaburan Langsung   | Program Penyumberan Luar  | Operasi  |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>– Persekitaran Luaran</li> <li>– Pembiayaan</li> <li>– Kawal Selia</li> <li>– Pihak Berkepentingan</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>– Aliran urusniaga dan penilaian</li> <li>– Prestasi dan pengurusan pelaburan</li> <li>– Objektif sosial</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>– Pemilihan OFM</li> <li>– Prestasi OFM</li> <li>– Pengurusan OFM</li> </ul>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>– Sumber Manusia</li> <li>– Perbendaharaan</li> <li>– Pengurusan &amp; Pelaporan Kewangan</li> <li>– Pematuhan</li> <li>– Perkhidmatan Bersama</li> </ul> |
| Risiko Syarikat Penerima Pelaburan   |  |   |  |
| Strategik dan Pasaran  | Perniagaan & Kewangan  | Penciptaan Nilai Strategik  | Pelaksanaan  |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>– Persekitaran Luaran</li> <li>– Industri</li> <li>– Kerajaan dan Kawal Selia</li> </ul>                      | <ul style="list-style-type: none"> <li>– Operasi Perniagaan</li> <li>– Perbelanjaan Modal dan Pelaburan</li> <li>– Pengegaraan/Hutang</li> </ul>           | <ul style="list-style-type: none"> <li>– Pengembangan perniagaan</li> <li>– Penggabungan &amp; Pemerolehan</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>– Sumber Manusia</li> <li>– Sistem dan proses IT</li> <li>– Pengurusan &amp; Pelaporan Kewangan</li> <li>– Tadbir Urus &amp; Pematuhan</li> </ul>         |

Risiko strategik yang merangkumi persekitaran luaran, pasaran dan industri, serta pengurusan kawal selia dan pihak berkepentingan, diurus melalui usaha pemantauan faktor-faktor utama ekonomi, prospek industri, perkembangan kawal selia, perjumpaan dan pengemaskinian secara berkala dengan pihak kerajaan, serta penggunaan dan pelaksanaan dasar-dasar Pendedahan, Pengurusan Pihak Berkepentingan dan Komunikasi.

Bagi mengurus risiko kewangan, dasar perbendaharaan dan had kuasa kewangan Syarikat didokumenkan, disemak secara berkala dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah. Sebarang risiko kewangan yang ketara, seperti kecairan, penggearan, hutang bersih dan pendedahan kredit dikenalpasti, dinilai, ditangani dan dilaporkan kepada pihak Lembaga Pengarah secara berkala. Dasar yang diluluskan menetapkan had-had bagi pengurusan kecairan, risiko pihak bertentangan dan pembiayaan Syarikat.

Risiko operasi, yang wujud dalam semua aktiviti perniagaan, merupakan risiko kerugian kewangan yang mungkin timbul akibat kegagalan sokongan kepada kawalan, proses atau sistem dalaman. Risiko operasi sememangnya tidak dapat dihapuskan sepenuhnya dan kos untuk mengurangkan risiko sedemikian mungkin melampaui manfaat yang bakal diraih. Oleh yang demikian, Syarikat bertindak mengurus risiko operasi dengan menggunakan dasar dan prosedur operasi standard, had kuasa yang didokumenkan dan rangka kerja laporan berkala yang merangkumi laporan operasi dan kewangan.

Bagi mengurangkan risiko pelaburan pula, Syarikat memastikan bahawa keputusan pelaburan dibuat dengan berpandukan garis panduan pelaburan yang terkandung di dalam Rangka Kerja Pelaburan Syarikat. Rangka kerja ini telah didokumenkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah demi memastikan urusan yang dilaksanakan memenuhi kriteria pelaburan penting di mana sektor-sektor utama dikenalpasti berdasarkan pendekatan penapisan yang telus. Rangka kerja ini diterimapakai di dalam semua proses pelaburan dan urusan pelaburan yang bakal dilaksanakan.

Rangka kerja pelaburan Ekuinas menggabungkan pengurusan risiko dengan semakan risiko yang rapi terhadap semua cadangan atau urusan strategik dan tertentu, bagi memastikan risiko dikenalpasti, dianalisis, ditetapkan keutamaannya dan diurus secara konsisten.

Semua pelaburan diteliti dengan rapi bagi memastikan pelaburan tersebut sejajar dengan tumpuan strategik Syarikat, berupaya mencapai kadar pulangan yang sewajarnya dan mengambilkira semua faktor risiko lain yang berkaitan, seperti risiko industri dan risiko pelaksanaan. Di samping itu, Lembaga Pengarah juga telah menetapkan bahawa semua cadangan pelaburan yang diserahkan oleh pihak Pengurusan perlu disertakan dengan penilaian risiko yang menyeluruh dan cadangan strategi pengurangan risiko yang sesuai.

### **Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)**

RMC, yang dipengerusikan oleh CEO dan dianggotai oleh pihak Pengurusan Kanan, ditubuhkan pada tahun ini untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan fungsi-fungsi berkaitan pengurusan risiko. Meskipun pelaporan risiko tidak perlu memuatkan setiap risiko perniagaan yang dihadapi oleh Ekuinas, ia bertujuan untuk mengenalpasti risiko perniagaan utama dan menggariskan langkah-langkah utama yang diambil untuk mengurangkan risiko yang melibatkan Ekuinas sebagai organisasi serta syarikat penerima pelaburannya.

Semua risiko penting yang dikenalpasti kemudiannya dinilai dan ditarafkan untuk menentukan kesan dan kemungkinan ia berlaku berdasarkan Rangka Kerja Penarafan Risiko Syarikat berlandaskan Dasar Pengurusan Risiko Ekuinas yang telah diluluskan.

Dalam usaha untuk mengurangkan risiko, inisiatif utama dikenalpasti melalui perbincangan dengan pihak Pengurusan. Ringkasan risiko berdasarkan keutamaan didokumenkan dalam laporan dan dibentangkan kepada RMC dan Jawatankuasa Audit setiap suku tahun. Proses ini dikendalikan setiap suku tahun, di mana risiko perniagaan baru dikenalpasti dan risiko sedia ada dikaji semula. Di samping itu, keberkesanan inisiatif pengurangan risiko yang telah dikenalpasti turut dipantau.



## PENYATA PENGURUSAN RISIKO

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab RMC:-

- Menyemak dan mengesyorkan dasar pengurusan risiko dan membuat laporan untuk diluluskan oleh Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah;
- Memantau pendedahan risiko Syarikat dan syarikat penerima pelaburan serta menyarankan tindakan yang diperlukan;
- Menyemak prestasi keseluruhan, inisiatif yang dilaksanakan dan risiko perniagaan utama syarikat penerima pelaburan setiap suku tahun;
- Menyemak sebarang risiko dan pendedahan ketara yang wujud dan menilai inisiatif yang dikendalikan oleh pihak Pengurusan dan syarikat penerima pelaburan untuk mengurangkan risiko.

Sepanjang tahun 2011, tiga (3) mesyuarat RMC telah diadakan. Antara aktiviti utama yang dijalankan oleh RMC sepanjang tahun ini termasuk:-

- Penerapan Dasar dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Syarikat;
- Penerapan pendekatan, kaedah dan rangka kerja penarafan risiko dalam proses dan pelaporan pengurusan risiko;
- Mengkaji semula profil dan penarafan risiko Syarikat;
- Mengkaji semula profil dan penarafan risiko syarikat penerima pelaburan;
- Menyemak dan membincangkan tindakan pengurangan risiko yang dikenalpasti dan perkembangannya.

### Kawalan pelaburan

Dalam sebahagian besar pelaburan yang dibuat, kakitangan kanan Ekuinas dilantik sebagai ahli jawatankuasa pengurusan eksekutif dan lembaga pengarah syarikat-syarikat penerima pelaburan agar dapat menyumbang secara aktif di dalam proses menetapkan hala tuju strategik, membuat keputusan penting dan bidang operasi utama syarikat tersebut.

Ekuinas menjalin hubungan erat dengan pengurusan syarikat penerima pelaburan dan turut terlibat dalam proses operasi utama bagi memenuhi inisiatif penciptaan nilai dan menggalakkan tadbir urus serta amalan terbaik yang mantap.



## PENYATA KAWALAN DALAMAN

### TANGGUNGJAWAB

Lembaga Pengarah mendukung tanggungjawab utama untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh bagi memastikan kecukupan dan integriti sistem melalui proses semakan, pemantauan dan jaminan. Namun, sistem ini hanya mampu memberi jaminan yang wajar dan bukannya jaminan mutlak, terhadap sebarang kerugian ketara, penipuan, salah pernyataan atau pelanggaran undang-undang atau peraturan. CEO dan pihak Pengurusan memainkan peranan penting dalam merangka dan melaksanakan dasar mengenai risiko dan kawalan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah telah mewujudkan proses yang berterusan untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko ketara yang dihadapi oleh Syarikat. Pihak Pengurusan pula berperanan membantu Lembaga Pengarah melaksanakan dasar dan prosedur mengenai risiko dan kawalan yang diluluskan dengan mengenalpasti dan menilai risiko yang dihadapi, selain merangka, melaksana dan memantau kawalan dalaman yang sesuai untuk mengurangkan dan mengawal risiko-risiko ini.

### PROSES KAWALAN DALAMAN UTAMA

Lembaga Pengarah komited sepenuhnya untuk mengekalkan struktur dan persekitaran kawalan yang teguh agar operasi Syarikat dapat dikendalikan dengan sebaiknya. Antara proses penting yang telah disediakan untuk menyemak kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman, adalah seperti berikut:-

- **Jawatankuasa Audit**

Jawatankuasa Audit dianggotai keseluruhannya oleh ahli Lembaga Pengarah Bebas dan Bukan Eksekutif yang diberikan akses penuh kepada juruaudit dalaman dan luar. Jawatankuasa bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan sekurang-kurangnya sekali setahun. Jabatan Tadbir Urus Korporat & Pengurusan Risiko (CGRM), yang berfungsi sebagai audit dalaman Syarikat, melapor secara terus kepada Jawatankuasa Audit.

- **Jawatankuasa Lembaga Pengarah**

Selain daripada Lembaga Pengarah, Syarikat juga mempunyai Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran serta Jawatankuasa Pelaburan untuk menggalakkan tadbir urus korporat

yang baik dan ketelusan yang tinggi. Semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah ini diwujudkan untuk membantu Lembaga Pengarah memantau pengurusan Syarikat secara bebas, di mana tanggungjawab dan kuasanya ditadbir dengan jelas oleh bidang tugas Jawatankuasa.

- **Rangka Kerja Dasar dan Prosedur Operasi Standard (SOP)**

Prosedur bertulis mengenai proses-proses penting Syarikat didokumen, dilaksana dan dijelaskan oleh pihak Pengurusan kepada kakitangan, selaras dengan Rangka Kerja Dasar dan SOP yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Dasar-dasar ini disokong oleh prosedur yang didokumenkan untuk mengurus risiko operasi. Dasar dan prosedur ini bertujuan untuk memastikan bahawa prinsip atau mekanisme kawalan dalaman menjadi sebahagian daripada operasi Syarikat. Prosedur bertulis yang meliputi bidang kewangan, Teknologi Maklumat (IT), perolehan, perundangan serta dasar dan prosedur penting lain yang dilaksanakan juga disediakan.

- **Had Kuasa Yang Didokumenkan**

Pihak Pengurusan diberikan Had Kuasa yang diluluskan bagi mengendali operasi harian, membuat keputusan pelaburan, pemerolehan dan pelupusan aset sebagai kaedah kawalan untuk mengurangkan sebarang risiko penyalahgunaan kuasa.

- **Dasar dan Prosedur Sumber Manusia**

Syarikat telah menetapkan garis panduan yang wajar bagi penggajian dan pemberhentian kakitangan, program latihan untuk kakitangan, penilaian prestasi tahunan dan prosedur lain yang berkaitan untuk memastikan kakitangan sentiasa kompeten dan cukup terlatih untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

- **Kod Etika**

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan menjadi contoh kepimpinan terbaik bagi perilaku dan tadbir urus korporat yang berhemah. Kod Etika telah digarap secara formal dan digunapakai oleh semua Pengarah dan Kakitangan untuk memastikan standard perilaku yang tinggi yang sering dikaitkan dengan amalan perniagaan beretika. Semua Pengarah dan Kakitangan dikehendaki memahami Kod ini dan menandatangani borangakuan penerimaannya.



## PENYATA KAWALAN DALAMAN

- **Proses Belanjawan**

Pada setiap tahun, semua jabatan di dalam Syarikat dikehendaki menyediakan belanjawan tahunan bagi membentuk belanjawan dan rancangan keseluruhan Syarikat yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah. Sistem laporan untuk menilai perbelanjaan sebenar berbanding belanjawan telah diwujudkan, dan sebarang percanggahan ketara yang dikesan akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah.

- **Buku Panduan Pencegahan Penipuan dan Dasar *Whistle Blowing***

Buku panduan dan dasar ini adalah sebahagian daripada budaya Syarikat dan membuktikan komitmen Syarikat dalam mencegah penipuan. Di samping itu, persekitaran yang telus dan terbuka dipupuk agar penipuan di dalam Syarikat dapat dilaporkan.

- **Kod Etika Pembekal Perkhidmatan**

Kod ini perlu dipatuhi oleh semua pembekal, kontraktor, perunding dan penasihat utama yang berurusan dengan Ekuinas dan memberi panduan mengenai perhubungan perniagaan yang mapan berdasarkan prinsip integriti, kejujuran, kebertanggungjawaban dan pematuhan undang-undang dan peraturan.

- **Pengurusan Prestasi**

Syarikat komited untuk menarik dan mengekalkan kakitangan yang berkeupayaan, berdedikasi dan berbakat. Pengurusan prestasi dan pembangunan modal insan terus ditekankan melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif demi memastikan pekerja mempamerkan mutu dan kemahiran yang sewajarnya. Bagi menyemai budaya kerja berprestasi tinggi, semakan prestasi dan ganjaran dikait rapat dengan penunjuk prestasi utama sejajar dengan wawasan dan misi Syarikat.

- **Penilaian dan Pengurusan Risiko**

Syarikat telah merangka dan melaksanakan dasar dan rangka kerja Pengurusan Risiko sepanjang tahun 2011. Semakan risiko yang rapi dilaksanakan bagi sebarang cadangan dan urusniaga strategik atau penting di mana isu-isu risiko dikenalpasti, dikaji, ditentukan keutamaannya dan diurus secara konsisten.

- **Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)**

RMC telah ditubuhkan untuk membantu Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab tadbir urus korporat, pengurusan risiko dan tanggungjawab statutori dalam usaha mengurus pendedahan risiko Syarikat secara menyeluruh. RMC bertanggungjawab untuk menyemak semula dan menyarankan dasar pengurusan risiko, strategi serta tindakan pengurangan risiko bagi Syarikat. RMC juga perlu melapor kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah setiap suku tahun.

- **Rangka Kerja Latihan dan Pembangunan**

Syarikat mengamalkan dasar melatih kakitangan di semua peringkat supaya mereka mampu melaksanakan tugas semasa dengan cekap, di samping melatih mereka yang berpotensi untuk melaksanakan tugas dengan tanggungjawab yang lebih besar supaya mereka bersedia untuk menggantinya apabila diperlukan.

- **Dasar Komunikasi**

Dasar Komunikasi dilaksanakan demi memastikan bahawa komunikasi di seluruh Syarikat, serta kepada masyarakat awam dan pihak berkepentingan, diurus secara berkesan. Ini untuk memastikan imej Ekuinas yang konsisten sepanjang masa.

### SEMAKAN PENYATA KAWALAN DALAMAN OLEH JURUAUDIT LUAR

Juruaudit luar telah menyemak Penyata Kawalan Dalaman ini untuk dimuatkan ke dalam laporan tahunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011, dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah bahawa tiada sebarang perkara yang telah sampai kepada perhatian mereka yang boleh menyebabkan mereka menganggap bahawa penyata ini tidak konsisten dengan kefahaman mereka tentang proses yang digunakan oleh Lembaga Pengarah semasa menyemak kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman syarikat.

## LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

Lembaga Pengarah Ekuinas dengan sukacitanya membentangkan laporan Jawatankuasa Audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011.

### Penubuhan dan Komposisi Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit ditubuhkan selaras dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan Keperluan Penyenaian Bursa Malaysia. Ahli-ahli Jawatankuasa Audit dilantik dari kalangan ahli Lembaga Pengarah dan memenuhi keperluan berikut:-

- dianggotai tidak kurang daripada tiga (3) ahli;
- majoriti adalah pengarah bebas;
- kesemua ahli adalah pengarah bukan eksekutif;
- sekurang-kurangnya seorang ahli hendaklah menganggotai persatuan perakaunan; dan
- pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli jawatankuasa audit.

Komposisi Jawatankuasa Audit adalah seperti yang tersenarai di bawah:-

| Nama Pengarah   | Status jawatan pengarah           | Kehadiran di mesyuarat |
|---|-----------------------------------|------------------------|
| Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda<br>(Pengerusi Jawatankuasa Audit) | Pengarah Bebas<br>Bukan Eksekutif | 5/5                    |
| Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar   | Pengarah Bebas<br>Bukan Eksekutif | 5/5                    |
| Datuk Noriyah Ahmad   | Pengarah Bukan Eksekutif          | 5/5                    |

### MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit bermesyuarat sekurang-kurangnya (4) kali setahun, atau lebih kerap sekiranya perlu.

CEO, Pengarah Urusan Pelaburan, Ketua Pegawai Kewangan, Pengarah CGRM dan wakil-wakil juruaudit luar turut menghadiri mesyuarat apabila diperlukan. Jawatankuasa Audit juga mengendalikan mesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak pengurusan.

Minit-minit mesyuarat diambil dan diedarkan kepada setiap ahli Jawatankuasa Audit serta ahli-ahli Lembaga Pengarah yang lain. Pengerusi Jawatankuasa Audit membuat laporan mengenai setiap mesyuarat yang diadakan kepada pihak Lembaga Pengarah.



## LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

### OBJEKTIF

Tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit adalah untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawab berkanun serta tanggungjawab lain yang berkaitan dengan kawalan dalaman, hal ehwal kewangan dan perakaunan, pematuhan dan pengurusan risiko.

### BIDANG TUGAS

Dalam melaksanakan tugas dan menyempurnakan tanggungjawabnya, Jawatankuasa Audit memenuhi keperluan Bidang Tugas seperti berikut:-

#### Komposisi Ahli

Jawatankuasa hendaklah dilantik dari kalangan Pengarah-pengarah dan memenuhi keperluan berikut:-

- Jawatankuasa Audit hendaklah dianggotai oleh tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli;
- majoriti ahlinya hendaklah terdiri daripada pengarah bebas dan semua ahli adalah pengarah bukan eksekutif; dan
- sekurang-kurangnya seorang ahli Jawatankuasa Audit,
  - adalah ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA); atau
  - jika beliau bukan ahli MIA, beliau hendaklah memiliki sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja dan:
    - beliau telah lulus peperiksaan seperti yang termaktub di dalam Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
    - beliau adalah ahli salah sebuah persatuan akauntan seperti yang termaktub dalam Bahagian II Jadual Pertama, Akta Akauntan 1967.
- Pengerusi mestilah seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

- Sekiranya berlaku kekosongan di dalam Jawatankuasa Audit dan menyebabkan ketidakpatuhan terhadap keperluan yang dinyatakan di atas, Syarikat hendaklah mengisi kekosongan tersebut dalam tempoh tiga (3) bulan; dan
- Setiausaha Syarikat hendaklah bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Audit.

#### Skop

- Jawatankuasa Audit diberi kuasa untuk menyasiat sebarang aktiviti Syarikat dan anak-anak syarikatnya, dan semua kakitangan diarahkan agar memberi kerjasama sepertimana yang diminta oleh ahli-ahli Jawatankuasa;
- Jawatankuasa Audit diberi kuasa untuk melantik mana-mana individu yang mempunyai kebolehan khusus apabila perlu untuk membantu Jawatankuasa ini menjalankan tanggungjawabnya;
- Jawatankuasa Audit membantu Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab fidusiarinya, khususnya berkaitan dengan etika perniagaan, dasar dan kawalan pengurusan kewangan;
- Jawatankuasa Audit hendaklah memastikan komunikasi langsung diwujudkan antara Lembaga Pengarah, Juruaudit Luar, Juruaudit Dalaman dan pihak Pengurusan melalui mesyuarat yang telah ditetapkan;
- Jawatankuasa Audit akan terus menitikberatkan fungsi audit dengan meningkatkan objektiviti dan kebebasan Juruaudit Luar dan Dalaman dan menyediakan forum perbincangan yang berasingan daripada pihak Pengurusan;
- Jawatankuasa Audit boleh mempelawa mana-mana individu untuk menghadiri mesyuarat bagi membantu Jawatankuasa Audit membuat keputusan dan ia juga boleh bermesyuarat sesama sendiri sahaja apabila perlu; dan
- dakwaan serius terhadap mana-mana kakitangan syarikat yang mempunyai implikasi kewangan hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Audit agar penyiasatan dapat dijalankan.

### Bidang Kuasa

Jawatankuasa Audit mempunyai kuasa berikut seperti yang diamanahkan oleh Lembaga Pengarah:

- kuasa untuk menyiasat sebarang perkara dalam lingkungan bidang tugasnya;
- akses kepada sebarang sumber yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya;
- akses penuh, bebas dan tidak terbatas kepada sebarang maklumat, rekod, harta dan kakitangan Syarikat serta sebarang anak syarikat lain (jika ada) atau syarikat seinduk;
- saluran komunikasi langsung dengan juruaudit luar dan mereka yang melaksanakan fungsi atau aktiviti audit dalaman (jika ada);
- boleh mendapatkan nasihat profesional bebas atau nasihat lain; dan
- boleh mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar dan juruaudit dalaman bersama-sama dengan ahli-ahli Lembaga Pengarah lain yang bebas dan bukan eksekutif, tanpa kehadiran mana-mana pengarah eksekutif, sekurang-kurangnya sekali setahun atau sekiranya perlu.

### Mesyuarat

- Jawatankuasa Audit akan bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun untuk membincangkan sebarang perkara yang dibangkitkan oleh Juruaudit semasa menjalankan fungsi mereka. Korum mesyuarat Jawatankuasa Audit ialah dua (2) orang ahli;
- sekurang-kurangnya sekali setahun, keseluruhan Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran mana-mana ahli Lembaga Pengarah eksekutif/Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengurusan Kanan;
- Setiausaha bertanggungjawab menyelaras butir-butir pentadbiran termasuk memanggil mesyuarat, mengundi dan mengambil minit mesyuarat;

- Selain daripada ahli-ahli Jawatankuasa Audit, Ketua Pegawai Kewangan dan Pengarah CGRM dijemput menghadiri setiap mesyuarat. Ketua syarikat/jabatan dan pasukan pengurusan masing-masing akan hadir apabila laporan audit mengenai syarikat/jabatan mereka dikemukakan untuk perbincangan. Juruaudit Luar akan diminta hadir apabila perlu;
- Pengerusi akan mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Audit, di atas permintaan Juruaudit Luar, untuk mempertimbangkan sebarang perkara yang dipercayai harus dibawa kepada perhatian pengarah atau pemegang saham; dan
- juruaudit berhak hadir dan bersuara di sebarang mesyuarat Jawatankuasa Audit dan hendaklah hadir di mesyuarat Jawatankuasa Audit apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Jawatankuasa tersebut.

### Tugas dan Tanggungjawab

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit berkenaan kumpulan-kumpulan tertentu adalah seperti berikut:

#### a. Lembaga Pengarah

- Mendapatkan jawapan yang memuaskan daripada pihak Pengurusan mengenai laporan yang disediakan oleh juruaudit dalaman dan juruaudit luar untuk dilaporkan kepada Lembaga Pengarah:
  - Mengenalpasti fakta penting dan kesan laporan audit tentang operasi;
  - Pertimbangan dan keputusan yang dibuat di peringkat Jawatankuasa Audit dengan menitikberatkan isu dan resolusi penting yang telah diselesaikan oleh Jawatankuasa Audit, secara berkala; dan
  - Ringkasan kebimbangan dan kelemahan ketara yang diperhatikan sepanjang tahun dalam persekitaran yang berkenaan dan langkah-langkah sesuai yang diambil untuk menangani isu tersebut.



## LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

- Menyelia fungsi jabatan CGRM dan membuat laporan kepada Lembaga Pengarah tentang perubahan ketara dalam perniagaan dan persekitaran luar yang mempengaruhi risiko-risiko utama;
  - Di mana semakan laporan audit anak syarikat dan sebarang syarikat berkaitan turut terangkum di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Audit, semua fungsi yang dinyatakan di atas juga hendaklah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit dan diselaraskan dengan Lembaga Pengarah anak syarikat dan syarikat berkaitan;
  - Menyemak prosedur yang disediakan oleh Pengurusan dalam usaha mematuhi sebarang keperluan undang-undang kecil dan peraturan kawal selia atau keperluan pelaporan luar lain, berhubung operasi Syarikat; dan
  - Mempertimbangkan perkara-perkara lain seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.
- b. Juruaudit Luar
- Mempertimbangkan pelantikan juruaudit luar, fi audit dan sebarang persoalan mengenai perletakan jawatan atau pemecatan;
  - Berbincang dengan juruaudit luar mengenai bidang kuasa dan skop audit sebelum audit dimulakan, dan memastikan penyelarasan sekiranya ia melibatkan lebih daripada satu firma audit;
  - Berbincang dengan juruaudit luar tentang laporan audit dan penilaian mereka terhadap sistem kawalan dalaman; dan
  - Menyemak penyata kewangan suku tahunan dan tahunan Syarikat, dengan memberi tumpuan khusus terhadap:
    - sebarang perubahan dalam dasar dan amalan perakaunan;
    - pelarasan ketara yang berbangkit daripada audit;
    - andaian usaha berterusan; dan
    - pematuhan kepada piawaian perakaunan dan keperluan perundangan lain.
- c. Juruaudit Dalaman
- Membincangkan masalah dan kebimbangan yang berbangkit daripada audit luaran, dan sebarang perkara yang ingin dibincangkan oleh juruaudit;
  - Menyelia fungsi audit dalaman dengan:
    - Mengkaji semula kecukupan skop, fungsi, sumber fungsi audit dalaman dan memastikan ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya;
    - Menyemak semula program dan proses audit dalaman, hasil program dan proses audit dalaman atau siasatan yang dijalankan dan memastikan tindakan yang sewajarnya diambil susulan daripada saranan fungsi audit dalaman;
    - Menyemak sebarang penilaian yang dibuat ke atas prestasi ahli-ahli fungsi audit dalaman;
    - Menetapkan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah bidang kuasa fungsi audit dalaman, termasuk imbuhan Pengarah CGRM;
    - Meluluskan pelantikan atau pelucutan jawatan ahli pengurusan kanan fungsi audit dalaman;
    - Mengemaskini maklumat terkini tentang peletakan jawatan ahli kakitangan audit dalaman dan memberi peluang kepada ahli kakitangan yang meletak jawatan untuk memberikan sebab-sebab perletakan jawatan;

- Memastikan Audit Dalaman sentiasa mempunyai sumber yang mencukupi dan kompeten;
- Memantau dengan teliti sebarang percanggahan ketara antara Audit Dalaman dengan pihak Pengurusan, tidak kira sama ada percanggahan ini telah diselesaikan atau tidak; dan
- Mempertimbangkan isu-isu penting yang diperolehi daripada siasatan dalaman dan tindakan pihak Pengurusan.

d. Urusniaga Pihak Berkaitan

- Mempertimbangkan sebarang urusniaga pihak berkaitan yang mungkin berbangkit dalam Syarikat termasuk sebarang urusniaga, prosedur atau perilaku yang membangkitkan persoalan tentang integriti Pengurusan.

**Aktiviti**

Sejajar dengan bidang tugas Jawatankuasa Audit, aktiviti berikut telah dilaksanakan sepanjang tahun kewangan ini:-

- Menyemak dan meluluskan pelan audit oleh jabatan CGRM dan juruaudit luar, termasuk skop kerja bagi tahun kewangan tersebut yang masing-masing disediakan oleh jabatan CGRM dan juruaudit luar;
- Menyemak laporan Syarikat yang disediakan oleh CGRM dan juruaudit luar dan mempertimbangkan isu-isu dan pelan tindakan;
- Menyemak dan meluluskan Piagam Audit Dalaman Syarikat;
- Menyemak laporan suku tahunan dan tahunan Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak cadangan dasar dan prosedur penting untuk digunakan oleh Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;

- Menyemak dasar dan rangka kerja pengurusan risiko yang ingin digunapakai oleh Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak laporan pengurusan risiko yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko setiap suku tahun untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pengurusan;
- Menyemak yuran juruaudit luar;
- Menyemak laporan mengenai Jawatankuasa Audit, Penyata Kawalan Dalaman, Penyata Tadbir Urus Korporat dan Penyata Pengurusan Risiko sebelum dimuatkan di dalam Laporan Tahunan Syarikat;
- Menyemak dan mempertimbangkan laporan audit, isu dan saranan daripada juruaudit dalaman dan luar berdasarkan audit yang dikendalikan sepanjang tahun ini;
- Menyemak kecukupan sumber dan kecekapan kakitangan dalam lingkungan fungsi audit dalaman untuk melaksanakan pelan ini serta hasil kerja mereka; dan
- Penilaian prestasi Pengarah CGRM.

**Fungsi Audit Dalaman**

Fungsi audit dalaman Syarikat dilaksanakan oleh jabatan CGRM. Pengarah CGRM melapor terus kepada Jawatankuasa Audit dan kepada CEO dari aspek pentadbiran. Fungsi audit dalaman mempunyai Piagam yang diluluskan, yang memastikan kebebasannya semasa menilai dan membuat laporan mengenai kecukupan, integriti dan keberkesanan keseluruhan sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko dan tadbir urus korporat dalam Syarikat, berlandaskan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin.



## LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

Syarikat mempunyai fungsi audit dalaman dengan sumber yang mencukupi untuk membantu Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah mengekalkan sistem kawalan dalaman dan keseluruhan amalan tadbir urus yang cekap. Semakan dan inisiatif penambahbaikan kawalan yang dilaksanakan oleh CGRM ditetapkan dalam rancangan audit tahunan yang disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit sepanjang tahun kewangan.

Sepanjang tahun ini, berpandukan pelan audit dalaman yang diluluskan, CGRM telah menyemak dan membantu mendokumenkan dan memformalkan dasar dan prosedur Syarikat, membantu mengkaji semula serta mendokumenkan risiko Ekuinas untuk dilaporkan kepada RMC dan Jawatankuasa Audit. Di samping itu, CGRM juga telah menyempurnakan kajian semula bagi proses pelaburan langsung.

Laporan mengenai kajian semula proses pelaburan langsung memberi penilaian yang bebas dan objektif mengenai kecukupan, keberkesanan dan kecekapan sistem kawalan dalaman proses pelaburan langsung yang meliputi bidang pencarian sumber dan penapisan urusan niaga, penilaian, pelaksanaan dan pasca pemerolehan. Laporan audit dalaman yang merangkumi pelan tindakan dan garis masa untuk penambahbaikan yang dipersetujui diserahkan kepada pihak Pengurusan untuk perbincangan mereka. Laporan akhir telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit untuk pertimbangan sewajarnya.

CGRM juga terlibat dalam melaksanakan ketekunan wajar yang meliputi tadbir urus dan risiko pelaburan dalam usaha pemerolehan pelaburan baru. Sebagai sebahagian daripada proses penilaian pelaburan, isu-isu utama yang berbangkit dimaklumkan kepada pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah dalam usaha memastikan semua risiko pelaburan utama dikurangkan secara teliti.

CGRM turut berinteraksi dengan pihak Pengurusan syarikat pelaburan untuk menggalakkan pelaksanaan tadbir urus dan amalan terbaik yang mantap. Antara inisiatif tadbir urus yang telah dilaksanakan bersama-sama dengan syarikat-syarikat pelaburan sepanjang tahun ini termasuk mengkaji semula dan mengemas kini had kuasa untuk diluluskan dan digunapakai, membantu menubuhkan unit audit dalaman syarikat dalam syarikat-syarikat pelaburan (di mana sesuai) dan membantu mereka dalam inisiatif penambahbaikan kawalan dan tadbir urus di mana perlu.

Semua fungsi audit dalaman sepanjang tahun ini telah dikendalikan oleh CGRM. Tiada satu pun bidang fungsi audit dalaman yang ditugaskan kepada sumber luar.

Laporan ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 8 Mac 2012.



## DASAR PENDEDAHAN

Sebagai sebuah firma ekuiti persendirian yang dimandatkan untuk mengurus dan melabur dana awam, Ekuinas merupakan entiti awam yang beroperasi di dalam persekitaran yang dikawal selia dengan ketat. Justeru itu, kami benar-benar menitikberatkan ketelusan di dalam perhubungan dengan semua pihak berkepentingan termasuk Kerajaan, syarikat-syarikat penerima pelaburan, pihak media dan seluruh rakyat Malaysia. Untuk mencapai matlamat ini, Syarikat telah mewujudkan rangka kerja pendedahan yang mesra-pasaran, telus dan dibentuk mengikut penanda aras amalan terbaik global.

Garis panduan pendedahan Ekuinas dirumus berdasarkan beberapa garis panduan industri, seperti garis panduan *Walker Guidelines Monitoring Group 2007*, sebuah kumpulan pemantauan ekuiti persendirian yang menggalakkan ketelusan dan pendedahan, dan Garis Panduan Laporan *European Private Equity & Venture Capital Association (EVCA) 2006*. Rangka kerja pendedahan Ekuinas telah dihasilkan berikutan kajian menyeluruh mengenai pendedahan yang disediakan oleh firma-firma ekuiti persendirian, dana negara atau *sovereign wealth funds* dan dana lindung nilai terkemuka di seluruh dunia.

Pendedahan dibuat pada tahap berbeza-beza, daripada sekadar menyediakan maklumat minimum seperti nombor telefon untuk dihubungi dan maklumat asas syarikat di laman sesawang rasmi, atau maklumat mengenai strategi dan matlamat syarikat, pemerolehan dan pelupusan, serta prestasi portfolio. Namun, Ekuinas memilih pertubuhan seperti **3i plc** yang berpangkalan di United Kingdom dan Tabung Pencen Kerajaan Norway, sebagai penanda aras, memandangkan organisasi ini menyediakan pendedahan sepenuhnya mengenai semua pemegang dan pemilikan portfolio, latar belakang mengenai pasukan pengurusan, profil portfolio terpilih, serta laporan tahunan dan penyata kewangan teraudit.


Ekuinas komited untuk menyediakan pendedahan maklumat korporat yang saksama dan komprehensif, sejajar dengan amalan terbaik firma ekuiti persendirian global. Kami berhasrat mematuhi semua undang-undang dan peraturan demi memastikan komunikasi yang sewajarnya disebarkan kepada pihak awam menurut keperluan undang-undang dan kawal selia yang berkuat kuasa.

Dasar pendedahan kami merangkumi prinsip utama berikut:

- Dibentuk mengikut penanda aras amalan industri ekuiti persendirian dan *sovereign wealth funds* yang terkemuka;
- Maklumat penting harus didedahkan dengan saksama dan menyeluruh kepada pihak awam melalui laporan tahunan dan disebarkan dengan meluas melalui media massa;
- Bersikap responsif terhadap permintaan maklumat daripada pihak berkepentingan utama; dan pada masa yang sama turut mematuhi peraturan serta garis panduan dasar pendedahan ini; dan
- Sekiranya kami tidak dapat mendedahkan sebarang maklumat atas permintaan rakan pelaburan bersama atau sekiranya pendedahan tersebut dapat menjejaskan pelan peningkatan nilai, kami akan memberikan penjelasan yang sewajarnya.

## DASAR PENDEDAHAN

### RANGKA KERJA PENDEDAHAN EKUINAS



## KEMUKA CADANGAN PERNIAGAAN

Ekuinas mengalu-alukan cadangan daripada semua syarikat-syarikat Malaysia yang telah beroperasi antara satu hingga tiga tahun dan kini merancang untuk melangkah ke fasa perkembangan yang selanjutnya. Senarai semak segera di bawah akan membantu anda menilai sama ada syarikat anda bersesuaian dengan kriteria pelaburan Ekuinas.

- |  | YA                       | TIDAK                    |
|--|--------------------------|--------------------------|
| • Adakah syarikat anda menjalankan aktiviti perniagaan selain daripada perjudian, arak, aktiviti yang menyalahi undang-undang, aktiviti yang tidak beretika, hartanah, pembinaan atau jual beli dana/komoditi lindung nilai? | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| • Adakah syarikat anda sudah mantap dan mempunyai rekod prestasi sekurang-kurangnya 1 – 3 tahun?   | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| • Adakah syarikat anda mempunyai potensi pertumbuhan yang ketara?  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| • Adakah syarikat anda memerlukan pelaburan Ekuinas sebanyak >RM30 juta?   | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| • Adakah anda bersedia untuk mempunyai rakan niaga yang terlibat secara aktif di dalam syarikat anda?  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |

## SENARAI SEMAK MAKLUMAT

Untuk menyerahkan cadangan perniagaan anda kepada Ekuinas, pastikan anda mempunyai semua maklumat penting di bawah untuk dihantar ke pejabat kami:

### Profil perniagaan:

- Aktiviti utama syarikat
- Senarai Pemegang Saham
- Ahli Lembaga Pengarah dan profil mereka
- Ahli Pengurusan Kanan dan profil mereka
- Huraian produk dan perkhidmatan

### Maklumat Kewangan:

Ringkasan keputusan kewangan Syarikat bagi 3 tahun yang lalu dan unjuran kewangan 3 tahun akan datang termasuk:

- Hasil/Keuntungan Kasar
- EBITDA/EBIT
- PBT/PAT
- Jumlah aset
- Dana pemegang saham
- Hutang

### Butir-butir cadangan:

- Pelupusan pelaburan penuh atau separa, suntikan ekuiti baru
- Kepentingan sedia ada/saiz urusan/jumlah diperlukan
- Jika ekuiti baru, penggunaan perolehan yang dicadangkan

### Tinjauan Industri/Sektor:

- Saiz
- Kadar pertumbuhan
- Ciri-ciri industri
- Syarikat-syarikat lain dalam industri

Sila serahkan cadangan perniagaan anda kepada:

**Bahagian Pelaburan**  
**EKUITI NASIONAL BERHAD (868265-U)**  
Aras 13, Surian Tower  
No 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara  
47810 Petaling Jaya  
Selangor

Tel : +603 7710 7171  
Faks : +603 7710 7173  
E-mel : [info@ekuinas.com.my](mailto:info@ekuinas.com.my)  
Laman sesawang : [www.ekuinas.com.my](http://www.ekuinas.com.my)



Halaman ini telah sengaja dibiarkan kosong.